

Bil. 14

**Khamis
29 April 1999**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGAL KELIMA
MESYUARAT PERTAMA**

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN.**

(Ruangan 1)

USUL:

**Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh.
- Y.A.B. Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad**

(Ruangan 14)

**Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan
Daripada Peraturan Mesyuarat**

(Ruangan 73)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., DPMS, PCM, AMN (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, D.G.P.N, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan I, Tun Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Pendidikan, Dato’ Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

“ Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed bin Rahmat, D.G.S.M., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.D.K., S.S.S.A., S.P.M.T., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Seri Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri Pertahanan, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding,
P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.S.I., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Dato’ Chua Jui Meng, S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan II, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., S.P.M.P., D.P.M.K., D.S.S.A, D.S.A.P., D.P.CM., A.M.P., A.M.K (Pasir Salak)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Seri Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, S.P.M.P. D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)

- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tengah)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)

- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhammad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K. (Alor Setar)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)

Yang Berhormat Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)

- “ Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim, S.P.M.P., S.P.C.M., S.S.A.P., D.U.P.N., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Tuan Chang See Ten (Gelang Patah)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato’ Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Haji Hashim bin Jasin (Arau)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)

Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)

- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Punga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato' Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)

Yang Berhormat Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)

- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Haji Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Nointien, A.D.K. (Penampang)
- “ Datuk Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)

Yang Berhormat Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)

- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato' Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S'ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)

Yang Berhormat Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)

- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat	:	Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan, P.S.D., J.S.D., K.M.N.
Ketua Penolong Setiausaha	:	Zamani bin Haji Sulaiman Haji Mustakin bin Salamat
Penolong Setiausaha	:	Nor Hayatee binti Abdullah Haji Mustafa bin Abdul Rahman Ruhana binti Abdullah

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Hajah Supiah binti Dewak Mohd Saleh bin Mohd. Yusop Mohamed bin Osman Hajah Norishah binti Mohd. Thani Shamsina binti Janor Nora'ini binti Hetam Ramlah binti Mohd. Yusuff Miskiah binti Hassan Rosnani binti Ahmad
Pembaca Pruf	:	Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat:	:	Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali Mejar (B) Zakaria bin Salleh Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah
--------------------	---	---

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 29 April 1999

Mesyuarat dimulakan pada 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:-

- (a) mengapa berlaku kenaikan harga barangan yang tinggi (terutamanya bahan makanan) di seluruh negara yang tidak selaras, apakah faktor mendorong dan langkah kementerian mengatasi; dan
- (b) apakah peranan Majlis Hal Ehwal Pengguna Negeri dan Daerah yang sentiasa dipertikaikan, apakah sebab dan langkah mengatasinya.

Setiasaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Berhubung dengan perbezaan harga yang tidak seragam antara satu kawasan dengan kawasan yang lain adalah disebabkan oleh faktor pengedaran yang tidak efisien. Kementerian ini sedar bahawa akhirnya ini memang berlaku kenaikan harga barangan keperluan harian rakyat yang harganya tidak dikawal oleh kerajaan. Walau bagaimanapun, berasaskan pemantauan yang dibuat oleh kementerian ini didapati kenaikan harga barangan tersebut tidaklah terlalu ketara dalam suasana ekonomi negara pada ketika ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan meluluskan kenaikan harga barangan kawalan adalah semata-mata berasaskan kenaikan kos pengeluaran yang disebabkan oleh kejatuhan nilai Ringgit. Untuk makluman, kebanyakan input pengeluaran barangan yang terlibat adalah terdiri daripada bahan-bahan mentah yang diimport. Sebagai contoh, 80% daripada kos pengeluaran gula putih bertapis adalah terdiri daripada pengimportan gula mentah. Langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan bagi membendung kenaikan harga termasuklah menjalankan usaha-usaha untuk meningkatkan penggunaan barang-barang buatan Malaysia, contohnya, mengadakan ekspo atau promosi barang-barang buatan Malaysia serta mengadakan seminar kepenggunaan di seluruh negara di peringkat kebangsaan dan negeri, menjalankan pemeriksaan fizikal di setiap peringkat urusan niaga untuk mengelakkan penyorokan, enggan menjual, mengenakan syarat jualan yang tidak sah dan sebagainya, mewajibkan penandaan harga, menggalakkan syarikat-syarikat pengeluar meletakkan maklumat harga runcit yang disyorkan.

- (b) Tuan Yang di-Pertua, secara umumnya kedua-dua majlis ini ditubuhkan dengan tujuan untuk menyediakan satu forum rasmi bagi membincangkan dan mengatasi permasalahan pengguna di peringkat negeri dan daerah. Ini selaras dengan hasrat kementerian untuk memberi perhatian kepada lebih ramai penduduk khususnya di peringkat negeri dan daerah untuk menyuarakan pandangan dan kemusykilan mereka berkaitan dengan hak dan kepentingan pengguna. Sehingga ini pihak kementerian sangat berpuas hati dengan peranan yang dimainkan oleh Majlis Hal Ehwal Pengguna Negeri (MHEPN) dan Majlis Hal Ehwal Pengguna Daerah (MHEPD), program dan aktiviti yang dijalankan oleh kedua-dua majlis berkenaan seperti ceramah, seminar, forum, pameran telah dapat membantu kerajaan menyampaikan mesej kepada rakyat terutama di dalam kegawatan ekonomi pada masa sekarang mengenai perlunya belanja berhemat.

Kempen 'Belilah Barang Buatan Malaysia', 'Kurangkan Inflasi' dan lain-lain kempen dan usaha kerajaan di dalam usaha memulihkan ekonomi negara, Jawatankuasa Pengurusan Krisis telah ditubuhkan di peringkat negeri dan daerah di mana dianggotai oleh MHEPN dan MHEPD untuk memantau dan membendung kenaikan harga barang dan bekalan barang-barang perlu. Usaha-usaha ini telah dapat menyedarkan pengguna mengenai hak dan tanggungjawab mereka sebagai pengguna dan menjadi satu saluran yang perlu mereka gunakan jika mereka menghadapi masalah kepenggunaan. Oleh yang demikian, tidak timbul pertikaian terhadap peranan yang dimainkan oleh MHEPN dan MHEPD dan kedua-dua badan ini telah bergerak dengan baiknya dan mendapat bantuan kerajaan negeri, Kerajaan Persekutuan dan swasta.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, pada hari Sabtu lalu saya baru balik daripada kawasan saya. Daripada kawasan saya merentasi kawasan Batang Sadong dan Kota Samarahan, di Kampung Sebangon, kampung nelayan kawasan saya, ikan empirang dan ikan terubuk dijual dengan harga RM1.80 di market. Dia beli daripada nelayan RM1.20 dan bila sampai ke seberang sungai di Kota Batang Sadong ikan-ikan ini dijual dengan RM3.00 sekilo dan ikan empirang dijual dengan harga RM3.00 sekilo. Bila sampai ke Kota Samarahan ikan terubuk dijual dengan harga RM10.00 sekilo dan ikan empirang dijual RM4.00 sekilo. Bila sampai ke Kuching ikan terubuk ini dijual RM18.00 sekilo dan ikan empirang dijual RM5.00 sekilo. Jadi, saya bertanya apakah tindakan kementerian supaya nelayan tidak di'suppress' oleh pihak perantaraan ini. Saya faham yang ikan ini bukan barang kawalan. Jadi, apakah tindakan kementerian supaya orang yang betul-betul mencari ikan, yang menggadai nyawa dan tulang empat kerat mereka ke laut dapat murah, kita sebagai consumer ditekan beli mahal, tetapi orang tengah yang pakai tai dapat duit besar-besaran?

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat harga ikan tidak dikawal oleh kerajaan di mana harganya tertakluk kepada permintaan dan bekalan, kementerian ini sedar bahawa oleh kerana pengedaran yang tidak efisiensi saya katakan tadi, memang ada pengedar yang mengambil peluang untuk mengaut keuntungan yang besar. Oleh itu, kementerian ini sedang mengkaji supaya sistem pengedaran ini boleh dikawal dan tidak menjejaskan pendapatan nelayan. Jadi, kajian ini sedang dibuat mengenai sistem pengedaran.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menumpukan kepada soalan asal terutama sekali peningkatan harga yang tinggi bagi bahan-bahan makanan. Barang-barang makanan termasuk seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat dari

Batang Lupar, ikan, buah-buahan dan sayur-sayuran yang dapat dikeluarkan dalam negara. Jadi, kalau ditanya Yang Berhormat dari Kuala Kedah, dia sebut kalau ikan sampai ke 'kuching', makan free sahaja. [Ketawa] Jadi, apakah usaha yang dapat dijalankan oleh kementerian Yang Berhormat Setiausaha Parlimen supaya harga barangan makanan ini, sayur-sayuran, buah-buahan terutama buah-buahan tempatan yang lebih mahal daripada buah-buahan import dapat dikawal demi untuk kepentingan pengguna itu sendiri, bukan demi untuk kepentingan barang itu sebagai barangan kawalan tetapi untuk kepentingan pengguna itu sendiri yang merupakan seluruh rakyat Malaysia?

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, memang benar ada harga makanan telah meningkatkan seperti saya katakan tadi oleh kerana kejatuhan nilai Ringgit di mana bahan-bahan mentah makanan yang diimport. Oleh itu, penguat kuasa kementerian ini telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya iaitu menjalankan pemeriksaan fizikal di setiap peringkat urusniaga. Ini adalah untuk mengambil tindakan terhadap peniaga yang tidak mematuhi akta-akta atau peraturan-peraturan kementerian. Peniaga diwajibkan menandakan harga (price tag). Kementerian ini sentiasa berbincang dengan pengeluar atau pihak kilang supaya harga barangan boleh dipulangkan supaya pengguna boleh dapat manfaat daripada barangan di mana harga yang rendah. Kementerian ini sentiasa mengadakan perjumpaan dan mesyuarat dengan pihak-pihak pembekal, pengilang yang mana jika mereka ada masalah kementerian berusaha untuk menyelesaikan masalah mereka. Jadi, ini adalah langkah-langkah yang telah diambil supaya harga barangan tidak meningkat terutamanya bahan makanan. Jadi, saya menyeru supaya di mana-mana pengguna mendapat maklumat yang tepat di mana peniaga yang tidak menjalankan perniagaan secara beretika dan bertanggungjawab melaporkan kepada kementerian ini.

2. **Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan tentang langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kementerian untuk menarik lebih ramai pelabur asing untuk datang ke negara ini memandangkan kemungkinan mereka ini menerima laporan negatif tentang kedudukan politik dan ekonomi negara kita.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Kerk Choo Ting]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Rompin, Sungai Benut dan Klang yang perlu dijawab pada 29 April 1999, 3 Mei 1999 dan 5 Mei 1999 kerana ketiga-tiga soalan ini ada berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, bagi tempoh Julai 1997 hingga Februari 1999 MITI telah meluluskan 855 projek perkilangan yang melibatkan pelaburan asing berjumlah RM19.9 bilion. Industri-industri perkilangan yang menjadikan tumpuan pelaburan tersebut ialah barangan petroleum termasuk petrokimia, iaitu RM49 bilion, kimia dan barangan kimia RM4.7 bilion, barangan elektronik dan electrical RM3.6 bilion dan barangan logam asas RM1.6 bilion. Negara-negara asing utama yang melaburkan bagi tempoh tersebut ialah Amerika Syarikat - RM7.3 bilion, Jepun - RM2.6 bilion, Taiwan - RM2.1 bilion, Jerman - RM1.9 bilion dan Singapura - RM1.7 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak mempunyai dasar, langkah atau insentif khusus untuk menarik pelaburan asing dari Indonesia. Pelaburan asing adalah digalakkan dalam keluaran dan aktiviti perkilangan yang berintensifkan modal serta mempunyai nilai tambah dan tahap teknologi yang tinggi. Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk menarik lebih banyak pelabur asing ke negara ini. Di antaranya ialah:

- (i) kerajaan telah meliberalisasikan dasar ekuiti untuk sektor perkilangan berkuat kuasa dari 31 Julai 1998 hingga Disember 2000, kecuali bagi tujuh keluaran atau aktiviti iaitu pembungkusan kertas dan plastik,

dengan izin, plastic injection moulding, metal stamping, fabrikasi logam dan electroplating, wire harness, percetakan dan pusat perkhidmatan keluli. Mengikuti dasar ekuiti baru ini pelabur-pelabur tempatan dan juga asing dikecualikan daripada syarat ekuiti dan syarat eksport dan mereka boleh memegang ekuiti 100% tanpa syarat eksport bagi semua projek baru ini termasuk projek-projek pembesaran atau pelbagaian.

- (ii) Mengkaji secara berterusan ke atas dasar dan insentif yang diberikan kepada sektor perkilangan supaya ia sesuai dengan keadaan yang berubah dan dapat meningkatkan tahap pelaburan dan dalam keluaran dan aktiviti yang digalakkan. Untuk tujuan ini, di antaranya kerajaan telah memberi insentif tambahan untuk menggalakkan syarikat-syarikat yang sedang beroperasi di Malaysia membuat pelaburan tambahan yang besar.
- (iii) Bagi menggalakkan pembangunan industri berasaskan sumber, kerajaan telah melanjutkan insentif pusingan kali kedua iaitu insentif taraf perintis atau elaun cukai pelaburan bagi industri tersebut sehingga tahun taksiran 2001.

Tuan Yang di-Pertua, usaha telah juga diambil untuk memperbetulkan laporan negatif tentang kedudukan politik dan ekonomi negara terutama sekali di negara-negara yang menjadi punca utama pelaburan asing ke Malaysia, di antaranya ialah:

- (i) Menjalankan misi-misi penggalakan, perdagangan dan pelaburan di luar negara di mana dalam tahun ini Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri akan mengetuai misi galakan perdagangan dan pelaburan, di antaranya ke Amerika Syarikat, Jepun, Taiwan, Australia, Jerman, Belgium serta United Kingdom. Misi-misi penggalakan, perdagangan dan pelaburan ini mengandungi program-program perjumpaan dan penerangan dengan dewan-dewan dan ahli-ahli perniagaan di luar negara dengan tujuan memberi gambaran yang sebenar ke atas keadaan politik, ekonomi dan iklim pelaburan negara serta langkah-langkah yang diambil untuk memperkukuhkan kestabilan politik dan ekonomi Malaysia; dan
- (ii) perjumpaan dan penerangan yang sama telah diadakan dengan misi-misi perdagangan dan pelaburan dari luar negara yang datang ke Malaysia dan juga pertumbuhan-pertumbuhan perniagaan serta kedutaan-kedutaan asing di Malaysia.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, syabas kepada kementerian yang memaklumkan kita tentang usaha-usaha untuk terus menambah atau menarik minat pelabur datang ke negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya sedikit kalau dahulu dunia pandang sepi kepada kita kerana dasar kita mengawal mata wang asing ini untuk menyelamatkan ekonomi negara kita tetapi sekarang ini suasana sudah berubah, kita sudah dapat melihat analisa-analisa ekonomi serantau melalui makalah-makalah *Far Eastern Economic Review*, *Times* semua sudah satu petanda yang positif, satu perubahan baru daripada komen-komen mereka. Yang terbaik sekali ialah dari segi rating antarabangsa juga sudah menaikkan rating kita. Saya hendak bertanya dengan suasana perubahan ini, ke arah yang lebih positif, saya hendak bertanya adakah kementerian nampak satu kebangkitan baru ataupun peningkatan minat pelabur-pelabur untuk kembali datang beramai-ramai untuk melabur ke negara kita. Saya hendak minta sedikit penjelasan daripada Dato' Timbalan Menteri?

Dato' Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, suasana sudah berubah dan iklim bertambah baik tentulah ramai datang, setakat ini kita baru meluluskan lebih kurang RM7 bilion big project dalam sektor ENE. Ini adalah satu tanda yang baik. Terima kasih.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada MITI kerana dapat menarik banyak pelaburan di negara kita, khususnya tadi diumumkan lebih kurang RM7 bilion dan selain daripada usaha ini oleh kerana pelaburan asing ini banyak melabur dalam perindustrian yang berteknologi tinggi, jadi adalah hasrat kerajaan supaya pelaburan yang berteknologi tinggi ini dapat ada pemindahan teknologi ataupun transfer of technology, dengan izin. Jadi saya ingin tahu setakat hari ini usaha-usaha untuk mengadakan pemindahan teknologi ini sampai ke mana hasilnya dalam negara kita? Sekian, terima kasih.

Dato' Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang menggalakkan industri yang berteknologi tinggi dan industri yang berteknologi tinggi ini boleh dibahagikan kepada beberapa lapisan (tears). Yang datang ke Malaysia ini kebanyakannya ialah tear one company, lapisan yang paling tinggi seperti Interm, Motorola, NEC dan sebagainya. Tetapi mereka memerlukan supportive industry di dalam Malaysia. Jadi dengan itu, Malaysia mempunyai banyak tear to company, lapisan yang kedua seperti ink engineering, LKT, UNICO, TONGGA, UNISEM, HACEM dan sebagainya. Jadi dengan ini, kita mendapat manfaat yang banyak dan kita juga mendapat pemindahan teknologi dari tear lapisan yang kedua ke bawah. Kalau kita hendak meningkat menjadi tear yang pertama, lapisan yang pertama kita mesti berusaha lebih bersungguh-sungguh lagi.

3. **Dr. G. Leelavathi (Kapar)** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada terdapat perubahan pada kadar sewa ruang untuk peniaga-peniaga di KLIA. Apakah respon Malaysia Airport Berhad (MAB) terhadap permintaan penyewa-penyewa untuk mengurangkan kadar sewa sebanyak 30%.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini kadar sewa ruang niaga di KLIA masih belum berubah, walau bagaimanapun kerajaan sentiasa peka tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh penyewa-penyewa kedai di KLIA, terutama sekali dalam keadaan kegawatan ekonomi serantau yang dialami pada masa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu Malaysian Airport Berhad (MAB) kini sedang menjalankan kajian lebih terperinci terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh penyewa-penyewa kedai dengan mengambil kira segala aspek yang mempengaruhi perniagaan termasuk kegawatan ekonomi serantau, penurunan kadar trafik serta lokasi-lokasi kedai yang dihadapi masalah penarikan kepada penumpang-penumpang dan lain-lain. Perbincangan bersama pihak pengusaha akan berterusan sehingga satu formula yang sesuai untuk membantu penyewa-penyewa yang benar-benar menghadapi masalah menanggung kadar sewa yang sedia ada. Sekian, terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat terangkan bilangan peniaga di KLIA sekarang dan apakah unjuran perniagaan di KLIA apabila penerbangan daripada Subang dipindahkan kepada KLIA kelak?

Tuan Yang di-Pertua, masalah sekarang ini ialah pihak MAB mungkin dengan krisis ekonomi ini dengan masalah penerbangan memang banyak sekarang dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen pun bingung sekarang, tidak tahu apa boleh buat kita hendak mempertingkatkan prestasi

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat soalnya.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Disampuk] [Ketawa]* Ya, bolehkah Yang Berhormat memberi unjuran apabila kita pindahkan semua penerbangan kepada KLIA kelak?

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman kawan baik saya Ahli Yang Berhormat dari Kepong, pegawai-pegawai di dalam Kementerian Pengangkutan tidak pernah bingung, hanya bingung dalam DAP sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan, tidak tahu berapalah, dua, tigakah. Soalan Yang Berhormat, jumlah kedai yang disewakan di KLIA semasa pembukaan KLIA ialah 100 buah dan buat masa ini terdapat 97 buah kedai sedang menjalankan perniagaan, tiga buah kedai telah pun tutup buat sementara oleh kerana perniagaan tidak begitu baik. Memang kita semua memahami keadaan ekonomi sedunia, kegawatan ekonomi di rantau ini juga telah menjejaskan pelbagai jenis perniagaan bukan sahaja di negara kita dan di rantau ini, termasuk juga peniaga-peniaga kecil yang menjalankan perniagaan di KLIA tetapi walau bagaimanapun, Kementerian Pengangkutan mempunyai keyakinan iaitu pada suatu hari kelak jadual penerbangan yang diadakan di Lapangan Terbang Subang dipindahkan balik ke KLIA, pada suatu hari kelak kita mempunyai keyakinan bahawa perniagaan di situ akan bertambah baik. Ini tidak mengambil kira lagi bila masalah kegawatan ekonomi selesai, ini juga akan memberikan perangsang dan dorongan kepada peniaga-peniaga di KLIA dan memang tidak dapat dinafikan juga buat sementara ini oleh kerana pemindahan 17 jadual penerbangan dari KLIA ke Subang, maka dalam satu bulan dalam lingkungan 1.2 juta ataupun 1.3 juta penumpang akan menggunakan Lapangan Terbang di Subang dan ini telah sedikit sebanyak menyebabkan kelembapan perniagaan di situ tetapi seperti yang saya katakan tadi, MAB sedang menjalankan kajian yang lebih terperinci dan termasuk juga mencari formula-formula supaya untuk tempoh masa yang pendek ini kita dapat mengadakan satu kadar sewa yang agak boleh diterima oleh semua pihak. Sekian, terima kasih.

Dr. Lee Chong Meng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan kekurangan pelancong-pelancong asing melawat negara kita disebabkan oleh isu JE, virus Nipah dan keadaan politik, saya difahamkan bahawa banyak airline antarabangsa tidak terbang ke KLIA. Adakah Kementerian Pengangkutan sedar tentang isu ini dan mengambil langkah-langkah positif untuk mempertingkatkan imej KLIA dan bolehkah berunding dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan untuk mengatasi masalah ini kerana hotel-hotel dan restoran-restoran di Kuala Lumpur banyak terjejas. Sekian, terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, bukan banyak syarikat penerbangan yang enggan mengadakan penerbangan ke KLIA disebabkan virus Nipah dan JE. Ini memang satu andaian yang tidak begitu tepat. Sebenarnya syarikat penerbangan yang menjalankan penerbangan berjadual ke KLIA, sebelum masalah JE ataupun virus Nipah masih mengadakan penerbangan ke KLIA cuma buat masa ini oleh kerana kemungkinan JE ataupun virus Nipah pelancong-pelancong sementara ini tidak ingin melawat Malaysia. Ini kemungkinan adalah salah satu fakta tetapi walau bagaimanapun, MAS sentiasa membuat promosi dan kerajaan juga mengambil berat tentang masalah ini dan semua pihak telah pun bergading bahu menjalankan berbagai kempen promosi termasuk perbincangan dengan airline yang lain supaya mereka lebih memahami tentang masalah JE dan virus Nipah iaitu masih selamat jika pelancong-pelancong ingin melawat Malaysia. Sekian, terima kasih.

4. **Dr. Sanusi bin Daeng Mariok [Rantau Panjang]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan peranan Malaysia sebagai anggota OIC bagi mengatasi pembunuhan pemimpin-pemimpin Islam oleh regim yang bersekongkol dengan atau diperalat oleh Israel-CIA seperti di Algeria, Mesir, Tunisia dan lain-lain lagi.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia memang mengutuk keras sebarang bentuk pembunuhan ke atas mana-mana individu ataupun pemimpin sesebuah negara baik negara anggota OIC atau sebaliknya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, perkara ini tidak pernah dibangkitkan di persidangan OIC.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini ketika Okalan iaitu pemimpin Kurdi yang dibawa balik daripada Afrika ke Turki, kapal terbang yang membawa beliau memakai bendera Malaysia. Apakah Malaysia termasuk dalam pakatan CIA dan Mosad Israel untuk membawa Okalan balik ke Turki dan untuk dibicarakan dan apakah usaha-usaha penafian yang dibuat oleh Malaysia memuaskan semua pihak sekarang ini dalam usaha membawa Okalan dengan memakai bendera Malaysia bawa balik ke Turki. Terima kasih.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, kita telah menjelaskan dalam Dewan ini juga bahawa Malaysia tidak terlibat dalam proses ini dan saya berharap Yang Berhormat dapat meneliti lagi jawapan bahawa pihak Kerajaan Turki telah pun memberi penjelasan atas salah berita itu dan Malaysia tidak sekali-kali terlibat dalam rancangan ini dan saya berharap Yang Berhormat dapat menarik balik tuduhan itu yang berasaskan berita palsu.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih soalan tambahan. Pemimpin negara kita juga seorang pemimpin Islam, jadi selalunya bila ada berlaku pembunuhan pemimpin Islam, selalunya dituduh pihak Israel dan CIA. Adakah Kementerian Yang Berhormat menyiasat sama ada pihak pembangkang di negara ini ada kaitan dengan Israel dan CIA. Sebab sungguhpun mereka tidak membunuh pemimpin kita dengan peluru tetapi mereka menembak dengan fitnah-fitnah yang boleh mencederakan pemimpin kita.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu anggapan Ahli Yang Berhormat dari Pokok Sena dan saya pun baru terfikir tetapi kemungkinannya ini adalah kalau dikatakan sengaja atau tidak sengaja, kita pun masih memerhatikan tindak-tanduk pembangkang kita. Sekian, terima kasih.

5. **Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang [Kuala Pilah]** minta Menteri Penerangan menyatakan sejauh manakah kesungguhan dan keberkesanan pihak penguatkuasaan kementerian berjaya, dengan memberi jumlah tangkapan serta pertuduhan dibuat dalam tahun 1997 dan 1998, terhadap pengedar dan penjual video yang tidak mematuhi lesen pengedaran filem yang menyewa dan menjual video supaya mempamerkan 30 peratus judul pita video terbitan tempatan di premis mereka.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, pada 27 Mei 1997 Kementerian Penerangan telah mengumumkan dasar memperangkakan sekurang-kurangnya 30% judul filem video keluaran tempatan di premis perniagaan sebagai usaha membangunkan pasaran video tempatan. Dasar ini dikuatkuasakan oleh FINAS mulai 31 Mei 1998. Semenjak dasar ini diumumkan sehingga Disember 1998, FINAS telah memeriksa 812 premis perniagaan dan mengeluarkan surat amaran atas kegagalan mematuhi dasar ini. Pemeriksaan susulan terus dibuat ke atas premis-premis ini dan tindakan menyita atau merampas barang-barang berkaitan kesalahan ini telah diambil ke atas sepuluh pemilik pusat video.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, baru-baru ini kerajaan telah menimbang semula dasar ini dan memutuskan supaya pelaksanaan peratusan ini dibuat berperingkat-peringkat, mulai dengan 10% pada bulan April 1999. Berikutnya FINAS telah menubuhkan sebuah jawatankuasa perundingan yang di antara lain dianggotai oleh wakil-wakil industri bertujuan membincangkan isu-isu pelaksanaan berhubung dengan

dasar ini seperti kerjasama meningkatkan pengeluaran tempatan, perjanjian bekalan, promosi filem video tempatan, mutu filem dan galakan.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut laporan tahunan FINAS, industri filem kita cuma dapat mengeluarkan kurang daripada 10% terbitan tempatan. Jadi bagaimana kita hendak memastikan pengedar video dapat mematuhi syarat 30% tersebut? Apakah takrifan terbitan tempatan? Adakah benar bahawa segala filem di mana tarikh pengeluaran melebihi 18 bulan akan ditakrifkan sebagai filem terbitan asing. Kalau itu benar, adakah itu bermakna filem seperti filem P. Ramlee juga akan terkeluar daripada kategori terbitan tempatan dan apakah rasional bahawa baru-baru ini beberapa syarikat pengedar filem tempatan telah memaksa pengedar filem menandatangani satu perjanjian di mana mereka terpaksa membayar sewa filem sebanyak RM2,600 sebulan tanpa mengambil kira sama ada filem dapat disewa atau dijual kepada pengguna. Sekian, terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat dari Mentakab yang telah mempersoalkan perkara ini yang sangat penting. Seperti yang saya jelaskan walaupun pada peringkat awal pihak Kementerian telah membuat satu keputusan untuk menekankan 30%, maka dengan itu kita telah mengambil langkah yang baru iaitu mengenakan berperingkat-peringkat agar persatuan itu dikurangkan oleh kerana kita berhasrat untuk melibatkan lebih ramai lagi agar pengeluar-pengeluar tempatan ini akan mendapat penglibatan yang lebih baik daripada yang terdahulu daripada ini.

Soalan mengenai sama ada 18 bulan, itu adalah tidak benar. Seperti yang saya nyatakan tadi maka dengan itu kita berhasrat dengan adanya rundingan yang sedang dilaksanakan oleh pihak Kementerian dengan melibatkan pengusaha-pengusaha tempatan ini yang juga melibatkan seperti kadar 2000 sebahagian daripada permasalahan yang sedang dihadapi akan dapat diatasi.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen atas penjelasan tadi. Soalan tambahan tambahan saya ialah bagaimana dan kenapa kedudukan yang ada sekarang menampakkan seolah-olah terlalu banyak menggalakkan pengedar filem dan penjual video daripada luar sedangkan jika penggalakan promosi sepatutnya dibuat untuk meningkatkan pengeluar-pengeluar tempatan.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Adalah menjadi dasar Kementerian untuk menggalakkan pengeluar tempatan meningkat lagi tetapi dalam pertimbangan itu juga mutu keluaran haruslah menjadi satu faktor yang kita ambil kira. Maka dengan itu kita menekankan mutu yang dikeluarkan oleh industri tempatan ini haruslah pada tahap seperti yang dikehendaki oleh dasar dan kerajaan pada hari ini.

6. **Puan Chua Soon Bui [Tawau]** minta Menteri Kesihatan menyatakan berapakah jumlah pekerja asing (PTI) yang telah diperiksa oleh FOMEMA di Sabah amnya dan di Tawau khasnya sepanjang tahun 1998. Sila jelaskan juga berapakah jumlah pekerja asing yang tidak mendapat kelulusan kesihatan daripada FOMEMA dan apakah jenis penyakit yang dapat dikesan daripada mereka. Apakah langkah yang telah diambil bagi memastikan mereka dihantar pulang tanpa ada sebarang halangan.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd Rustam]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, FOMEMA Sdn. Bhd. telah mula operasinya di negeri Sabah pada 15 April 1998 dan sehingga 23 Mac 1999 telah memeriksa sebanyak 144,386 pekerja asing dan dari jumlah tersebut sebanyak 7,406 bersamaan 5.1% telah gagal ujian pemeriksaan kesihatan mereka. Di kawasan Tawau sahaja sebanyak 31,741 pekerja asing telah diperiksa dan dari jumlah ini 1,839 bersamaan 5.8% telah disahkan tidak layak untuk terus bekerja di Malaysia.

Penyakit yang dikesan ialah jangkitan Hepatitis B, penyakit kelamin, STD, TB dan juga HIV. Pekerja asing yang gagal pemeriksaan kesihatan mereka dirujuk ke Jabatan Imigresen Malaysia. Ini dilakukan secara elektronik melalui sistem komputer on-line di mana pekerja ataupun majikan akan dimaklumkan semasa pembaharuan bahawa pas kerja telah dibatalkan dan pekerja itu terpaksa pulang ke negara asalnya. Jabatan Imigresen akan mengambil tindakan ke atas majikan yang gagal menghantar pekerja tersebut balik ke negara asal mereka.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Speaker, soalan tambahan. Memandangkan ada beberapa pekerja yang dikatakan selepas laporan perubatan dibuat oleh FOMEMA tidak layak bekerja di sini, apakah yang telah dibuat oleh kerajaan sebelum pekerja datang dari luar negeri, pemeriksaan yang setaraf seperti yang diperlukan oleh FOMEMA dipastikan. Adakah ini dibuat, kalau tidak, kenapa?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd Rustam: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua pekerja asing yang datang bekerja di Malaysia telah pun disahkan dahulu oleh pihak perubatan di negara asal mereka dan ianya diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan sama ada klinik swasta ataupun klinik kerajaan di negara mereka barulah mereka dibenarkan datang dan bekerja di negara kita.

Yang dibuat oleh FOMEMA adalah selepas mereka tamat satu tahun. Jadi untuk semak semula itu diluluskan oleh FOMEMA. Bagi pekerja baru macam saya sebut tadi, mereka disahkan dulu di negara masing-masing dan diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan.

Puan Chua Soon Bui: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah ditubuhkan sebuah badan penyelia untuk memastikan kualiti perkhidmatan yang dicapai oleh FOMEMA? Adakah cara untuk memastikan bahawa objektif penubuhan FOMEMA tercapai? Sekian, terima kasih.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd Rustam: Jawapannya ya. Memang ianya dipastikan oleh Kementerian Kesihatan kerana mereka perlu dapat kebenaran dulu dan apa yang mereka lakukan kita monitor daripada masa ke semasa.

7. **Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]** Minta Menteri Kesihatan menyatakan:-

- (a) senarai masalah makanan yang dihasilkan melalui kaedah Ubahsuai Genetik di mana Malaysia menjadi negara pembuangan utama (Favourite Dumping Ground) bagi para pengeksport dari luar negara; dan
- (b) sila senaraikan jenis makanan sebegini yang diedarkan di Malaysia.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd Rustam: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) masalah-masalah yang mungkin berlaku dari makanan yang diubahsuai secara genetik ialah penghasilan toksin, alahan dan masalah kesihatan yang lain seperti kanser dan kuman menjadi kebal kepada antibiotik.
- (b) mengikut Akta Makanan 1983, adalah menjadi kesalahan menjual apa-apa makanan yang beracun, merosakkan atau memudaratkan kesihatan. Sehingga kini hanya kacang soya yang diubah secara genetik sahaja dibenarkan dijual selepas mengkaji data keselamatan secara terperinci dan ianya memang selamat dimakan di negara kita.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Speaker, soalan tambahan. Baru-baru ini dilaporkan melalui Internet dan surat khabar tempatan, sebenarnya soalan saya tidak dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu adakah Malaysia ini 'favourite

'dumping ground' kerana dikatakan di rantau Asia ini, Malaysia adalah penerima utama benda-benda ini di negara ini. Jadi apakah yang telah dikenal pasti mengenai barang-barang ini kerana saya difahamkan banyak di antara barang-barang, memandangkan Malaysia adalah 'favourite dumping ground', disalurkan kepada anak-anak kita.

Walaupun perkara ini diketahui oleh Kementerian Kesihatan tetapi tindakan tidak diambil dan adakah apa-apa sistem yang sedia ada di negara ini yang dapat memastikan bahawa benda-benda yang dibawa dari luar negeri ini diubahsuai genetik, satu antaranya yang menyebabkan diabetes dan sebagainya, dengan izin, the accelerated cost of disease. Apakah yang telah dikenal pasti dan tindakan yang telah diambil.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd Rustam: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya ada sebut tadi iaitu hanya kacang soya sahaja yang diubahsuai secara genetik dibenarkan dijual selepas mengkaji data keselamatan secara terperinci di negara kita iaitu kacang soya sahaja dan Malaysia tidak menjadi 'favourite dumping ground'. Kalaupun mereka hendak dumping, memang kita tidak terima. Ini andaian Yang Berhormat sahaja menerusi Internet. Memang DAP suka baca Internet, mungkin DAP juga yang buat Internet ini sebab itu dia pura-pura menggunakan Internet.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu bagaimana kerajaan dapat memastikan bahawa kadang soya yang telah diubahsuai secara genetik adalah selamat untuk pengguna-pengguna di negara ini. Apakah asasnya sama ada kerajaan telah menjalankan satu kajian yang terperinci untuk menentukan bahawa ia memang selamat selama-lamanya?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd Rustam: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di Malaysia kita import kacang soya yang telah di'modify' yang dibenarkan oleh Jawatankuasa Penasihat Pengubahsuaian Genetik di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar manakala di bawah Kementerian Kesihatan ianya di bawah Bahagian Kawalan Mutu Makanan. Di situlah kita membuat kajian sebelum dibenarkan ianya diedarkan di dalam negara kita. Manakala di peringkat antarabangsa, kita mendapat pengiktirafan daripada WHO untuk bidang kesihatan dan daripada FAO daripada bidang makanan.

Jadi, kita ada dua peringkat, satu diiktiraf antarabangsa dan satu diiktiraf dalam negara, tidak menggunakan Internetlah.

8. Tuan Radin Malleh [Tenom] minta Perdana Menteri menyatakan mengapakah pihak Badan Pencegah Rasuah tidak menjalankan kewajibannya untuk mencegah kegiatan rasuah terutama amalan politik wang yang telah berlaku berleluasa sepanjang Pilihanraya Umum Negeri Sabah 1999 baru-baru ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Ibrahim bin Ali]: Tuan Yang di-Pertua, Badan Pencegah Rasuah bertindak berdasarkan aduan yang diterima daripada pelbagai punca. Sepanjang Pilihanraya Umum Negeri Sabah bagi tahun 1999, baru-baru yang lepas, Badan ini hanya menerima dua aduan sahaja berhubung dengan amalan rasuah dan tindakan siasatan mengenai kedua-dua kes berkenaan masih lagi dijalankan. Oleh yang demikian, tuduhan Yang Berhormat yang menyatakan pihak Badan Pencegah Rasuah tidak menjalankan kewajibannya untuk mencegah kegiatan rasuah, terutamanya amalan politik wang semasa Pilihanraya Umum Negeri Sabah 1999 baru-baru ini, adalah tidak benar sama sekali.

Walau bagaimanapun, sekiranya Yang Berhormat dari Tenom tidak berpuas hati dan mempunyai maklumat lengkap mengenai amalan rasuah dalam pilihan raya berkenaan, adalah dicadangkan agar Yang Berhormat dari Tenom mengemukakan aduan tersebut kepada pihak Badan Pencegah Rasuah untuk tindakan lanjut atau mengemukakan petition pilihan raya. Terima kasih.

Tuan Radin Malleh: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sepertimana yang kita semua ketahui bahawa pihak Barisan Nasional telah memberi pelbagai jenis rasuah dan sogokan untuk memancing undi semasa Pilihanraya Umum Negeri Sabah yang lalu, seperti memberi wang ringgit kepada pengundi dan lain-lain peralatan seperti mesin rumput, mesin jahit, chain saw, kain-kain, kepingan zinc, tong gas ataupun gas silinder dan lain-lain lagi. Beberapa laporan polis telah dibuat oleh orang perseorangan. Bolehkah kerajaan memberi jaminan bahawa semua laporan itu akan disiasat secara profesional dan terperinci tanpa takut dan pilih kasih, dan mengambil tindakan undang-undang kepada mereka yang melanggar peruntukan di dalam Akta Kesalahan Pilihanraya 1954, Bahagian III, seperti yang termaktub dalam Akta Pencegah Rasuah 1997. Terima kasih.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan Yang Berhormat itu saya rasa cukup jahat dan tidak bertanggungjawab. Tuan Yang di-Pertua, kalau ada maklumat seperti yang saya katakan tadi, buat aduan, kalau sudah kalah, kalahlah, hendak buat macam mana. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, pihak yang membuat tuduhan mengatakan bahawa Barisan Nasional memberi macam-macam, adalah tidak benar. Apa yang Barisan Nasional buat, kalau memberi pertolongan kepada rakyat, itu perjuangan Barisan Nasional yang prihatin kepada rakyat. Kalau PBS hanya boleh beri air liur, hendak buat macam mana. Jaminan, insya-Allah.

Kerajaan Barisan Nasional sentiasa terbuka dan transparent, buat aduan. Cuma saya hendak katakan, persoalan tadi adalah tidak bertanggungjawab dan jahat, kerana sudah kalah, kalahlah. Terima kasih.

Tuan M. Kulasegaran: Soalan tambahan, memandangkan aduan adalah terhadap Barisan Nasional dan Barisan Nasional adalah Kerajaan Persekutuan di negara ini dan memandangkan Ketua Barisan Nasional adalah Perdana Menteri, yang mana Badan Pencegah Rasuah adalah di bawah bidang kuasa beliau. Bukankah Yang Berhormat lebih tahu, tetapi enggan menerima situasi ini. Oleh kerana, pada akhirnya Badan Pencegah Rasuah terpaksa melaporkan kepada Perdana Menteri. Dia tidak bebas dari aduan-aduan, boleh di'ventilate'kan, maka bukankah kita katakan satu commission atau badan bebas disediakan, atau Badan Pencegah Rasuah yang diketuai oleh seorang hakim, seperti di awal tahun 1971 dan sebagainya. Bukankah masa akan datang seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri telah katakan, transparent dan accountable kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, buat pertanyaan.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat ini nampaknya Yang Berhormat ini sudah out of dated, sebab saya katakan out of dated, cuba Yang Berhormat tengok rekod selama ini. Di kalangan pemimpin-pemimpin kerajaan tidak sedikit yang disiasat oleh BPR dan ada yang didakwa di mahkamah, yang saya bimbang kalau DAP menjadi pemerintah, belum tentu ianya sebuah kerajaan yang transparent. Sebab itu, saya berharap Yang Berhormat, kalau hendak meludah ke langit, ingat-ingatlah sedikit, takut jatuh ke atas muka sendiri. Sekian, terima kasih.

[Soalan No. 9 – Y.B. Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau) tidak hadir].

10. Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu) minta Menteri Kerja Raya menyatakan taraf empat pakej menaik taraf jalan dari Kayu Malam ke Betong di mana tawaran (tender) telah dibuka pada 1996. Bilakah keseluruhan projek akan disiapkan.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Railey bin Haji Jaffrey]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, empat pakej untuk projek menaik taraf jalan dari Kayu Malam ke Betong, Sarawak telah dipersetujui supaya dilaksanakan dalam dua kaedah iaitu:

- (i) secara rundingan terus; dan
- (ii) tawaran terbuka.

Status empat pakej tersebut adalah seperti berikut:

Yang pertama, Pakej A, supaya dilaksanakan secara rundingan terus. JKR Sarawak telah pun merundingkan harga dengan pihak konsortium yang telah dipilih oleh kerajaan dan keputusan harga rundingan telah dimajukan kepada pihak Kementerian Kewangan untuk kelulusan. Pelaksanaan Pakej A ini, dijangka dapat dilaksanakan pada pertengahan tahun 1999 sekiranya Kementerian Kewangan memberikan kelulusan dan projek tersebut dijangka akan dapat disiapkan dalam tempoh tiga tahun.

Pakej B, C dan D, dilaksanakan secara tawaran terbuka oleh JKR Sarawak. Pada masa kini, reka bentuk telah siap dijalankan dan JKR Sarawak pada masa ini dalam peringkat akhir menyediakan dokumen untuk tender. Kesemua pakej dijangka akan ditender pada bulan Mei 1999 ini dan ketiga-tiga pakej tersebut dijangka dapat disiapkan dalam masa tempoh tiga tahun. Terima kasih.

Tuan Chiew Chiu Sing: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih juga ke atas jawapan Timbalan Menteri. Memandangkan bahagian jalan itu ialah sebahagian Lebuhraya Pan-Borneo, ia jalan dua hala menghubungkan jalan Kuching ke bahagian Limbang, sepatutnya diselenggarakan dengan baik, pada setiap masa. Dalam tempoh tiga, empat tahun terakhir, keadaan bertambah buruk dan rumput di tepi jalan semakin panjang, tidak ditebas, permukaan jalan rosak, tidak rata dan berlubang-lubang. Manakala dua lorong menghala ke bandar semakin sesak dengan kenderaan yang perlu diluaskan menjadi empat lorong dan apakah rancangan kementerian untuk membetulkan dan masalah yang perlu perhatian segera di Lebuhraya Pan-Borneo ini? Sekian, terima kasih.

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan melalui Kerajaan Negeri Sarawak sentiasa prihatin terhadap jalan-jalan rosak sama ada di Sarawak ataupun lain-lain negeri. Sememangnya kerosakan-kerosakan ini berlaku di sepanjang Lebuhraya Pan-Borneo yang berada di Sarawak di bawah kawalan kita dari masa ke semasa. Tetapi kadang-kadang, kemampuan kita juga terbatas, sama ada oleh kerana keadaan kewangan mahupun keadaan cuaca. Tetapi pada keseluruhannya, kita tahu apa yang telah kita buat adalah memuaskan dan tindakan-tindakan selanjutnya akan diteruskan bagi memperbaiki jalan-jalan yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, di seluruh negeri Sarawak khasnya trunk road yang dimaksudkan merangkumi sebahagian dari Pan-Borneo Highway. Terima kasih.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sejarah jalan ini, semenjak tahun 1986 dahulu, jalan ini macam ada jinx sedikit. Pada 1988, jalan raya sejauh 970 kilometer daripada Sematan pergi ke Miri, ditender tujuh pakej, didapati sebahagian daripada pakej itu - pada tahun 1990 telah tergendala, oleh kerana kelambatan pihak kerajaan memberi tender itu kepada mereka yang telah memasuki tender mereka kepada kerajaan.

Jadi, kelambatan berlaku lagi, apabila tender sekarang hendak dibuka. Apakah jaminan kerajaan supaya kawasan ini iaitu daripada Kayu Malam kerana saya melintas kawasan itu, saya memandu kereta dari Kuching pergi ke kawasan saya, 393 kilometer melintas jalan ini, macam roman road. Macam manakah kerajaan supaya tidak tergendala berlaku sekali lagi, macam mana peringkat pembinaan dahulu pada tahun 1990 - sepuluh tahun sekali jin berlaku. Apakah jaminan kerajaan supaya tender ini, harga di 'up dating' dan orang yang menerima tidak payah tunggu, kira the lowest tender, hanya 'tepek dada tanya selera', jangan malu ambil harga tender yang tinggi, supaya jalan ini apabila

ditender dan dibuka nanti, dapat disiapkan dalam masa yang sama dan tidak tergendala sepertimana yang berlaku pada tahun 1988 dahulu. Terima kasih.

Datuk Railey bin Haji Jeffrey: Tuan Yang di-Pertua, memang hasrat kita setiap projek yang dilaksanakan dapat dijalankan menurut jadual. Tetapi dalam hal jalan ini masalah yang kita hadapi pada mula-mulanya ialah satu daripada masalah pengambilan tanah, kedua apabila ekonomi jatuh tahun 1997 ia juga tergendala memandangkan keadaan kewangan. Tetapi alhamdulillah sekarang ini saya berani beri jaminan kepada Yang Berhormat dari Batang Lupa apabila jalan ini sudah mula dibina ianya akan dapat disiapkan melalui jadual. Barangkali ada sebanyak sedikit yang menyebabkan masalah kelewatan mungkin sebulan atau dua bulan. Tetapi pada dasarnya kita berani berikan jaminan ianya boleh disiapkan seperti mana dijadualkan. Terima kasih.

11. **Tuan Amihamzah bin Ahmad [Lipis]** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah Kementerian boleh mempertimbangkan cadangan untuk meneruskan Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Pahang Barat yang meliputi enam daerah yang berasaskan pertanian di Pahang.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum kerajaan telah pun membuat keputusan supaya projek pembangunan pertanian bersepadu atau IADP bukan jelapang padi yang telah siap pelaksanaannya termasuk IADP Pahang Barat ditutup. Majlis Pembangunan Negara di mesyuaratnya pada 14 November 1997 dan Majlis Kewangan Negara pada 7 Januari 1998 telah memutuskan agar operasi dan penyelenggaraan IADP bukan jelapang padi yang telah siap pelaksanaannya diambil alih oleh kerajaan negeri. Di samping itu Mesyuarat Majlis Kewangan Negara pada 29 Disember 1998 telah menetapkan bahawa Unit Pengurusan Projek IADP-IADP tersebut dibubarkan pada tarikh-tarikh berikut; Perlis, Lembah Kedah, Negeri Sembilan dan Melaka ditutup pada 31 Disember 1998. Manakala Johor Barat 31 Disember 1999 dan Pahang Barat pada 31 Disember 2000.

Keputusan ini juga adalah selaras dengan perjanjian pinjaman di antara Kerajaan Persekutuan dengan Bank Dunia dan Bank Pembangunan Asia (ADB) yang mensyaratkan bahawa operasi dan penyelenggaraan IADP-IADP yang telah siap pelaksanaannya diambil alih oleh kerajaan negeri. Selepas penutupan IADP-IADP berkenaan, tanggungjawab pembangunan di kawasan-kawasan berkenaan akan diambil alih oleh jabatan atau agensi yang terlibat dengan peruntukan dari Kerajaan Persekutuan. Oleh itu dukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pertanian tidak dapat menimbangkan cadangan supaya pelaksanaan projek tersebut diteruskan.

12. **Dr. Yap Yit Thong [Lumut]** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah "Flexi Guarantee Scheme" (FGS) dan bagaimana ianya boleh menolong Industri Kecil dan Sederhana untuk mendapat pinjaman.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, Skim Jaminan Anjal (SJA) atau Flexi Guarantee Scheme dilaksanakan oleh Credit Guarantee Corporation atau (CGC) melalui bank-bank pada 1 Mac 1999 untuk membantu golongan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) mendapat kemudahan pinjaman dari tabung-tabung IKS yang disediakan oleh kerajaan. Skim jaminan CGC yang baru ini menawarkan ciri-ciri baru yang lebih menarik untuk mengurangkan kos pinjaman IKS dan menggalakkan penyertaan aktif institusi kewangan.

- (i) IKS hanya perlu menanggung kos pinjaman mengikut ketetapan dana-dana tertentu sahaja, manakala yuran jaminan yang dikenakan oleh CGC akan ditanggung oleh institusi kewangan.

- (ii) Bagi menarik penyertaan yang lebih aktif dari institusi kewangan SJA memberikan pilihan kepada mereka untuk menentukan jumlah nilai jaminan yang diperlukan berdasarkan kepada penilaian kredit seseorang peminjam.

Institusi kewangan boleh memohon pinjaman CGC pada 30% hingga 80% nilai jaminan, berbanding dengan skim jaminan yang sedia ada di mana kadar jaminan kepada institusi kewangan telah ditetapkan oleh CGC iaitu 100% jaminan bagi Tabung Usahawan Kecil (TUK), 5% bagi jaminan Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF), atau 80% bagi sektor pengilangan di bawah SPTF 80% hingga 90% jaminan bagi skim bayaran francais dan 80% bagi tabung pembiayaan usahawan kecil. Jadi SJA dijangka dapat membantu golongan IKS yang tidak mempunyai cagaran atau kurang cagaran mendapatkan pinjaman dari tabung-tabung IKS yang disediakan oleh kerajaan.

Pelaksanaan SGA ini dijangka dapat menaja lebih kurang RM1.5 bilion peminjam baru kepada IKS di negara kita.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan tambahan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, berapakah jumlah peruntukan bagi tiap-tiap tabung seperti mana yang disebutkan Yang Berhormat tadi dan nyatakan bilangan pemohon yang telah pun diluluskan serta nyatakan jumlahnya.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, Tabung Industri Kecil dan Sederhana (TIKS) jumlah peruntukan ialah RM1,500 juta, bilangan kelulusan RM1,372 dan jumlah kelulusan ialah RM1230.3 juta. Tabung Pemulihan Industri Kecil dan Sederhana (TPIKS), jumlah peruntukan ialah RM750 juta, bilangan kelulusan RM85 jumlah kelulusan ialah RM57.9 juta. 3F jumlah peruntukan RM700 juta, bilangan kelulusan RM1851 dan jumlah kelulusan ialah sebanyak RM533.8 juta dan akhir sekali Tabung Usahawan Baru jumlah peruntukan RM1250 juta, bilangan kelulusan RM2251 dan kelulusan sebanyak RM113.2 juta.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan jawapan bagi pertanyaan No.9, 13 hingga 37 akan dijilid dalam buku berasingan]

USUL

KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KETUJUH

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa Dewan ini,

menyedari pertumbuhan ekonomi dan pencapaian matlamat sosioekonomi secara keseluruhan adalah membanggakan dalam tempoh tiga tahun pertama pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketujuh walaupun prestasi ekonomi kurang memuaskan pada tahun 1998 berikutan krisis kewangan serantau;

mengambil maklum dan merestui usaha Kerajaan meneruskan pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional bagi mencapai pembangunan seimbang berasaskan pertumbuhan dengan pengagihan yang saksama, selaras dengan matlamat yang terkandung dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua;

melulus dan mengesahkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh yang bertujuan untuk melaksanakan strategi dan program serta menyediakan peruntukan bagi mencapai hasrat dan matlamat Dasar Pembangunan Nasional seperti dibentangkan dalam Kertas Perintah Bil. 8 Tahun 1999;

Bahawa dalam meluluskan Kajian Separuh Penggal ini, Dewan yang mulia ini menyeru semua rakyat Malaysia berusaha lebih gigih dan penuh keazaman ke arah matlamat membina satu bangsa yang adil, bersatu padu, maju, berdaya saing serta mempunyai tahap ketahanan yang tinggi selaras dengan cita-cita untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020. [28 April 1999]

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta kementerian-kementerian menjawab kalau bolehlah, kita tidak ada masa yang panjang, sedikit masa sahaja. Haraplah jawapan daripada kementerian ini janganlah panjang-panjang sangat. Saya minta Kementerian Kewangan menjawab.

11.12 pagi

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya cuba jujur dengan nasihat Tuan Yang di-Pertua sebentar tadi di mana yang saya boleh.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan mengenai isu-isu di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan semasa membahaskan kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh. Saya akan memberi maklum balas seberapa banyak yang boleh kepada isu-isu dan permasalahan yang telah diketengahkan. Sebahagian telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Kedua dalam penggulungan Kertas Putih Ekonomi dan juga dalam Titah Diraja pada minggu yang lepas. Di mana saya tidak sempat memberi maklum balas pada hari ini, saya ingin menegaskan bahawa Kementerian Kewangan akan memberi perhatian kepada semua perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita maklum, ekonomi negara kini dalam fasa pemulihan setelah menguncup sebanyak 6.7% pada tahun 1998 akibat kesan penularan krisis kewangan. Hakikat ini dapat dilihat berdasarkan kepada beberapa petunjuk utama ekonomi negara. Misalnya pengeluaran sektor benar ekonomi telah pulih di mana indeks pengeluaran sektor perkilangan telah meningkat semula sebanyak 5.9% pada bulan Februari 1999, berbanding dengan tempoh yang sama tahun lalu. Jika dibandingkan dengan indeks pengeluaran bagi bulan Januari 1999, pengeluaran sektor perkilangan telah meningkat dengan lebih ketara iaitu sebanyak 10.5%.

Bagi perdagangan luar negeri telah mencatat lebih yang besar sebanyak RM58.5 bilion pada tahun 1998 dan RM9.2 bilion dalam tempoh Januari ke Februari tahun 1999. Sejak bulan Oktober tahun lalu eksport dalam nilai Dolar Amerika Syarikat telah pulih dengan mencatatkan kadar pertumbuhan 12% pada bulan Januari 1999. Lebih perdagangan yang besar membolehkan akaun semasa imbalan pembayaran mencatat lebih sebanyak RM36.1 bilion atau 13.7% daripada Keluaran Negara Kasar (KNK) pada tahun 1998 berbanding dengan defisit sebanyak RM14.1 bilion pada tahun 1997 juga jumlah rizab luar negara meningkat pada US\$28.1 bilion yang mampu membiayai lebih daripada enam bulan import tertangguh pada 15 April 1999. Berbanding dengan US\$20.2 bilion yang hanya mampu membiayai 3.8 bulan import tertangguh pada akhir Ogos 1998. Jumlah rizab semasa adalah hampir empat kali lebih tinggi daripada jumlah tanggungan luar jangka pendek. Hakikat ini menunjukkan asas dan daya tahan ekonomi negara kepada kejutan luar sudah pun bertambah kukuh. Sentimen pelaburan di pasaran saham telah beransur pulih dengan indeks komposit Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) meningkat kepada 661.6 mata pada 28 April 1999.

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun, Kepong bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun saya merasa gembira semua angka ini membayangkan keadaan sebenar dan akaun semasa kita memang lebih baik sedikit, saya rasa seronok juga, tetapi bolehkah Yang Berhormat terangkan mengenai rizab kita. Apakah sumbangan mengenai kadar pertukaran asing sekarang? Sebelum krisis iaitu US\$1 - RM2.50 tetapi dengan adanya kawalan modal kita tetapkan pada US\$1 - RM3.80 dan ini memang menguntungkan negara semasa kita hendak eksport. Memang saya setuju, tetapi setakat ini menyumbang kepada rizab yang lebih tinggi kerana kadar pertukaran asing sudah ditetapkan dan sudah meningkat peratusannya.

Tuan Yang di-Pertua, memang kita mesti tahu keadaan sebenarnya dan bukan sahaja Yang Berhormat Chenderoh hendak menonjolkan yang baik-baik sahaja, memang yang baik kita mesti tonjolkan tetapi yang tidak baik pun kita mesti bangkitkan supaya kita boleh memperbaiki.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin menjelaskan iaitu bahawa apabila saya menyebut tentang jumlah rizab luar negara jadi kita guna USD. Kalau kita menggunakan RM mungkin Yang Berhormat boleh mengatakan bahawa ini membesarkan rizab luar, jadi kalau dahulu US\$1 - RM2.40 tetapi sekarang US\$1 - RM3.80, jadi sebab itu saya ingin menyatakan bahawa apabila kita bercakap tentang rizab luar kita bercakap tentang US bermakna duit Dollar Amerika. Jadi, ini bukanlah satu perkara yang boleh membesarkan kita punya angka disabitkan kerana kita tidak gunakan Ringgit Malaysia. Kalau gunakan Ringgit Malaysia memang besarlah, Yang Berhormat.

Jadi itu yang pertama, yang kedua sebenarnya dengan kita memastikan bahawa US\$1 - RM3.80 sebenarnya kita lakukan ini untuk memastikan supaya ada berlaku kestabilan daripada pertukaran mata wang Ringgit kita kerana suatu ketika kalau Yang Berhormat masih ingat iaitu bahawa kita punya Ringgit ini naik turun, naik turun macam saham dalam BSKL. Hari ini mungkin RM3, esok RM3.80 ataupun lusa RM4.20 jadi, ini menyebabkan ia menjejaskan perdagangan. Oleh kerana itu, kerajaan mengambil ketetapan bahawa di atas permintaan pengilang-pengilang dan juga pedagang-pedagang dalam negeri kita, mereka meminta iaitu tidak kira berapa sekalipun ringgit ini tetapi mereka mahukan kepada kestabilan dan hasil daripada kita mengambil keputusan iaitu dia mestilah dengan izin, di'packed'kan kepada RM3.80 - US\$1.

Ini telah pun menstabilkan Ringgit dan menyebabkan di mana pedagang-pedagang kita boleh membuat order dan boleh juga berniaga dengan mendapat ketentuan iaitu bahawa mereka tidak akan kerugian kalau menggunakan US\$1 ditetapkan kepada RM3.80. Jadi, kita mahu kepada penentuan dan kestabilan. Hasil daripada ini Yang Berhormat Kepong, saya ingin menjelaskan oleh kerana kita berdagang dan kita banyak mengeksport barangan kita maka pada hari ini sebenarnya Ringgit telah banyak orang memperkatakan iaitu nilai sebenar Ringgit ialah US\$1 ialah RM3.40. Ini bermakna bahawa ringgit sudah under-value, nilai sepatutnya jauh lebih tinggi, ini menyebabkan apabila kita tetap dengan US\$1 - RM3.80 menjadikan Ringgit itu competitive. Dan ini menyebabkan barangan kita pun competitive, jika dibanding dengan pengeluaran barang-barang negara-negara lain.

Jadi, sebab itu kalau Yang Berhormat bertanya bagaimana dia memberi kesan kepada rizab luar kita, saya boleh menyatakan di sini bahawa ia memberi kesan positif kepada rizab luar negara kita, hasil daripada kita menetapkan US\$1 - RM3.80 sen. Jadi ia memberikan kesan yang positif dan ini telah jelas ditunjukkan daripada angka-angka yang telah saya sebutkan sebentar tadi.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ong Tee Keat) *mempengerusikan mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, balik kepada BSKL tadi, sentimen pelaburan di pasaran saham telah beransur pulih dengan indeks komposit Bursa Saham Kuala Lumpur

meningkat kepada 661.63 mata pada 28 April 1999 iaitu hari semalam. Peningkatan melebihi 150% berbanding dengan 262.7 mata pada 1 September 1998. Peningkatan keyakinan ini adalah berikutan asas-asas ekonomi yang bertambah kukuh. Tahap keyakinan pengguna juga telah meningkat misalnya jumlah jualan kereta penumpang meningkat sebanyak 178.6% iaitu daripada 7,427 unit pada bulan Mac 1998 kepada 20,694 unit pada bulan yang sama pada tahun ini ialah pada bulan Mac juga. Bagi keseluruhan tahun 1998 jumlah jualan kereta penumpang adalah sebanyak 142,459 unit manakala dalam tempoh suku pertama tahun 1999 jualan kereta penumpang berjumlah 55,835 unit berbanding dengan 23,135 unit dalam tempoh yang sama pada tahun 1998.

Tuan Yang di-Pertua, lagi petunjuk kadar inflasi semakin berkurangan iaitu daripada paras 6.2% pada bulan Jun 1998 kepada 3% pada bulan Mac yang lalu. Kadar inflasi yang berkurangan ini telah membolehkan kerajaan menurunkan kadar faedah bagi mencergaskan aktiviti ekonomi tanpa menjejaskan pulangan benar bagi penabung. Petunjuk-petunjuk ekonomi yang saya sebutkan sebentar tadi jelas mencerminkan bahawa ekonomi bukan sahaja berada dalam landasan pemulihan tetapi daya tahannya kepada kejutan luar telah bertambah kukuh berikutan peningkatan rizab dan pengurangan tanggungan luar jangka pendek negara. Justeru, kerajaan yakin ekonomi negara akan berkembang sebanyak 1% pada tahun 1999.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Tumpat bangun.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa gembira di atas laporan daripada Yang Berhormat tentang adanya peningkatan atau pemulihan ekonomi negara tetapi kita kena sedar bahawa di negara jiran tetangga kita juga seperti Indonesia, Thailand juga ikut pulih sebagaimana berlaku di dalam negara kita dan mengikut laporan World Bank yang menyebut bahawa kedudukan ekonomi Korea Selatan sekarang ini sudah agak pulih, lebih baik daripada kita walaupun negara Korea Selatan telah membuat pinjaman mendapat sumbangan yang begitu besar daripada IMF.

Satu soalan yang timbul dari ucapan saya mengenai industri automobil dan saya kira belum terjawab di samping itu juga, saya telah menanya satu soalan dalam ucapan saya kelmarin dahulu iaitu apakah benar Proton dijual kepada Petronas, apakah faktor-faktornya dan berapakah harga jualan itu. Ini satu soalan yang saya kira belum dijawab dan saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya minta kalau Yang Berhormat bersabar, memang saya akan sampai ke situlah. Tetapi walau bagaimanapun, saya hendak ucap tahniah kepada dialah sebab dia bertanya dan dia tunggu jawapan, tetapi yang Marang ini tadi, saya lihat pagi tadi ada, tetapi bila kita hendak menjawab, dia tidak berminat hendak mendengar jawapan kita.

Yang Berhormat sebut berkenaan dengan negara jiran, Thailand dan Indonesia, sebenarnya tidak ada apa yang hendak kita megahkan. Kalau sekiranya mereka itu berjaya memulih, walaupun tidak benar ya, walaupun kalau mereka pulih lebih baik, lebih cepat dari kita, apa yang hendak dibanggakan kerana ianya di atas bantuan daripada IMF, menjadikan negara Thailand dan juga Indonesia menagih permintaan, pertolongan daripada IMF untuk membantu mereka pulihkan ekonomi kita. Dan bukan itu sahaja, kalau kita lihat bahawa segala ini berlaku dalam keadaan di mana berlaku rusuhan dan demonstrasi seperti yang hendak dinampakkan juga di Malaysia ini oleh Keadilan dan penyokong-penyokongnya. Kepada saya tidak ada kebanggaan kalau ia pulih daripada kita lebih awal pun, dia pulih dengan bantuan daripada IMF mengagih simpati dan duit daripada orang luar untuk menyelesaikan masalah kita.

Kalau sekalipun Malaysia lambat sedikit pulih, tetapi kita boleh merasa bangga Yang Berhormat, kerana kita membuat proses pemulihan ini atas kesungguhan rakyat Malaysia sendiri. Yang Berhormat sendiri melihat dalam akhbar semalam, dengan izin, ada dikeluarkan di Thailand, 'go to hell with IMF', rakyat tidak semestinya memberi sokongan kepada kerajaan yang mendapat pertolongan dari IMF kerana mereka menganggap sebagai menyerahkan kedaulatan negara itu kepada sebuah bank daripada negara asing, negara Barat.

Jadi, sebab itu kalau Yang Berhormat bertanya kepada saya, saya tidak akan merasa bangga kalau kita cepat pulih hasil bantuan daripada orang luar, seboleh-bolehnya kita kena selesaikan.

Walau bagaimanapun, saya hendak menangkis kenyataan yang menyatakan bahawa Thailand dan Indonesia jauh lebih baik daripada kita, itu tidak betul Yang Berhormat, kita jauh lebih baik daripada mereka, sebenarnya kita sama dengan Korea Selatan, hampir-hampir sama, tetapi Korea Selatan ini, ia minta IMF dan kita tidak. Ini kita menjaga kehormatan, kedaulatan bangsa Malaysia kita untuk menyelesaikan masalah ini.

Jadi, sebab itu saya mengalu-alukan soalan daripada Yang Berhormat untuk membolehkan saya menjawab di mana kita mesti memastikan iaitu bahawa apa juga masalah yang dihadapi oleh kita, kita cuba seboleh-bolehnya menyelesaikan perkara ini mengikut ala Malaysia.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Kepong bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa semasa Julai 1997 keadaan Korea Selatan itu lebih dahsyat daripada Malaysia. Itu asas-asas ekonomi mereka dan juga pinjaman tak berbayar (NPL) kalau berbanding dengan Malaysia cukup dahsyat dan tadi Yang Berhormat kata, kita sama-sama sekarang. Ini bermakna kita mesti berusaha dengan lebih kerana kita mesti pulih dengan lebih awal daripada Korea Selatan kerana kita bermula dengan keadaan yang lebih baik.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, saya bersetuju Yang Berhormat iaitu bahawa keadaannya jauh lebih dahsyat daripada kita, tetapi saya rasa faktor ini di'neutralise'kan dengan hakikat bahawa kita menyelesaikan masalah tanpa kita minta sedekah daripada IMF, sebab itu kita kena bangga. Walaupun ia jauh lebih dahsyat daripada kita, tetapi faktor ini di'neutralise'kan, dengan izin, dengan faktor bahawa Korea menyelesaikan masalahnya dengan minta sedekah daripada IMF, bangsa yang merdeka, yang bangga dengan kemerdekaannya, kedaulatannya, akhirnya terpaksa tunduk dan minta duit sedekah daripada IMF. Apa yang hendak dibanggakan?

Jadi, kepada saya, walaupun kita bermula daripada asas yang jauh lebih baik daripada mereka, saya rasa Yang Berhormat boleh kutuk Kerajaan Malaysia kalau kita minta daripada IMF. Tidak ada benda yang hendak dibanggakan, tetapi oleh kerana kita tidak tunduk kepada IMF, kita selesai cara itu, cara Malaysia sendiri, sebab itu saya katakan bahawa apa yang dilakukan oleh kerajaan dan juga sokongan daripada rakyat, ini amat membanggakan kerana kita tidak mengizinkan kedaulatan dan kemerdekaan negara kita ini mudah diserahkan kepada sebuah bank yang menjadi alat kepada kerajaan-kerajaan Barat.

Jadi, itu 'neutralise the factor' Yang Berhormat ya, tetapi kalau kita juga ambil daripada IMF, tidak ada benda yang dibanggakan.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Dia bangun lagi Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat tidak bersetuju apa benda lagi? Saya sudah jawab.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Bukan saya tidak bersetuju, saya pada mula lagi kita tidak mahu IMF kerana tidak mahu syarat-syarat yang dikenakan kepada kita tetapi setakat ini juga, semalam saya ada menyebutkan mengenai NPL, mengenai pertolongan kepada bank-bank kita sekarang, itu yang saya maksudkan, bagaimana kita boleh membantu bank kita kerana ia ada, misalnya Danaharta, diambil beli itu NPL sebanyak 50% atau 60%, tetapi tidak ada wang baginya, lima tahun kemudian baru hendak bayar bank-bank ini dan dalam tempoh lima tahun ini macam mana dia hendak hidup?

Ini masalah kita. Kalau hendak gunakan alasan bahawa ia minta sedekah daripada IMF dan sebab itulah kita level pegging sekarang, tak payahlah alasan itu, saya tidak terima. Yang saya hendak terima itu apakah usaha kita kerana kita boleh, Malaysia memang boleh menyelesaikan dengan sendiri tetapi dengan cara yang baik.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat, tahun lepas, kita dalam Parlimen kita bincang tentang Danaharta, Yang Berhormat ini tidurkah?

Dr. Tan Seng Giaw: Itu bukan tidur.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Itulah yang kita lakukan untuk mengambil alih NPL dan juga untuk mengurus NPL bank-bank ini. Jadi, macam mana dia kata kita tidak buat sesuatu untuk mengatasi masalah ini. Inilah masalahnya – dia tidur! [*Ketawa*] Dia tidak hadir dan dia tidak faham apa yang kita buat, kita lulus dalam Dewan ini Danaharta untuk mengambil alih NPL, kita buat jauh lebih cepat daripada Korea Selatan lagi. Yang ini Yang Berhormat kena faham, macam mana ini?

Saya ingat Yang Berhormat jangan tanya lagi sebab menampakkan kekurangfahaman, saya ingat tolong ya, dia tidak hadir sebenarnya, dia tidak tahu apa benda pun Danaharta, dia ingat Danaharta ini kerajaan hendak sapu habis harta orang kot. Okay, saya hendak teruskanlah. Buang masa sebenarnya, saya hendak beri peluang kepada dia, tetapi nampak soalan-soalannya menampakkan kekurangfahamannya tentang ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, dia bangun lagi.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya sambung lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Hendak beri jalan atau tidak?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sekejap lagilah Yang Berhormat. Soalan Yang Berhormat tentang NPL pun saya jawab lepas ini, saya minta sabarlah ya, sabar, tunggu, Yang Berhormat dari Tumpat tadi pun soalan dia pun akan dijawab, jadi minta sabar.

Ini adalah satu pemulihan yang amat ketara jika dibandingkan dengan penguncupan sebanyak 6.7% pada tahun lalu, malah institusi-institusi kewangan

menjangkakan Malaysia dapat mencatatkan pertumbuhan yang lebih tinggi iaitu antara 2% hingga 3% bagi tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, pelbagai isu telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkaitan dengan Kementerian Kewangan semasa membahaskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh.

Ibu-isu ini termasuk pengurusan ekonomi negara, sistem kawalan modal secara terpilih, percukaian, peruntukan pembangunan, kelewatan pengeluaran pinjaman dari pelbagai tabung yang ditubuhkan oleh kerajaan, proses tender, penjualan Proton kepada Petronas dan sistem perbankan Islam.

Berhubung dengan dakwaan Ahli Yang Berhormat dari Marang dan Tumpat bahawa pengurusan ekonomi adalah tidak cermat dan lemah, ingin saya jelaskan bahawa penguncupan ekonomi pada tahun 1998 bukanlah berpunca daripada kelemahan pengurusan ekonomi negara. Tetapi akibat kelemahan-kelemahan sistem kewangan antarabangsa yang telah diambil kesempatan oleh, dengan izin, highly average hedge funds, untuk menjalankan kegiatan spekulasi di pasaran pertukaran asing dan saham.

Kegiatan spekulasi ini telah membawa kesan penularan yang memudaratkan kepada semua ekonomi di rantau ini sungguhpun kesannya berbeza. Ekonomi-ekonomi yang dianggap mempunyai asas-asas yang kukuh dan rizab yang tinggi seperti Hong Kong juga turut terjejas.

Untuk menangkis dakwaan Ahli Yang Berhormat, saya ingin mengemukakan beberapa petunjuk utama yang jelas menunjukkan bahawa pengurusan ekonomi adalah berhemat dan berorientasikan pertumbuhan demi meningkatkan kesejahteraan rakyat. Misalnya:

- (i) Kerajaan mampu mengekalkan kadar pertumbuhan KDNK pada purata melebihi 8% setahun bagi tempoh satu dekad iaitu di antara tahun 1988 hingga tahun 1997.
- (ii) Kadar pertumbuhan ini telah membolehkan negara mencapai tahap guna tenaga yang penuh, tidak ada unemployment.
- (iii) Kadar inflasi dapat dikekalkan pada paras yang rendah iaitu pada purata 3.7% bagi sepuluh tahun yang lepas.
- (iv) Pendapatan per kapita rakyat telah meningkat sebanyak 158% iaitu dari RM4,581 pada tahun 1985 kepada RM11,835 pada tahun 1998, sungguhpun ekonomi negara mengalami kuncupan pada tahun lalu.
- (v) Kadar kemiskinan rakyat juga dapat dikurangkan daripada 17.1% pada tahun 1990 kepada 6% pada tahun 1997.
- (vi) Kedudukan keseluruhan kewangan Kerajaan Persekutuan mencatat lebihan sejak tahun 1993 hingga tahun 1997. Ini mencerminkan pengurusan kewangan kerajaan yang berhemat. Kerajaan telah menggunakan lebihan ini dengan membayar balik awal hutang luar kerajaan. Hasilnya khidmat hutang luar negara telah dapat dikurangkan dengan ketara daripada 18.9% pada tahun 1986 kepada 6% pada tahun 1998.

Angka ini adalah ketara lebih rendah berbanding dengan nisbah khidmat hutang purata dunia sebanyak 20%. Defisit kewangan yang dialami pada tahun lalu yang dijangka

pada tahun ini mencerminkan langkah proaktif kerajaan dalam mencergaskan semula ekonomi melalui dorongan fiskal.

- (vii) Langkah kerajaan mengawal sektor swasta meminjam dari luar negeri terutamanya bagi projek-projek yang tidak menjanakan pendapatan pertukaran asing serta tidak bergantung kepada modal jangka pendek bagi membiayai pertumbuhan ekonomi telah mengehadkan pendedahan negara kepada risiko perubahan kadar faedah dan pertukaran asing antarabangsa.

Oleh itu, rizab negara sentiasa melebihi tanggungan luar jangka pendek negara. Hakikat ini telah membolehkan ekonomi negara lebih berdaya tahan kepada krisis kewangan serantau baru-baru ini, tanpa perlu meminta bantuan daripada kumpulan wang antarabangsa.

Sebaliknya, negara-negara jiran kita dan Korea Selatan terpaksa bergantung kepada pakej bantuan IMF ketika berlakunya krisis kewangan kerana tanggungan luar jangka pendek mereka yang lebih tinggi daripada rizab luar.

Bagi Filipina pula, juga jiran kita, dia pun lebih teruk juga, mereka terpaksa menggunakan kemudahan kredit IMF sejak tahun 1989 - hampir sepuluh tahun. Semua petunjuk ini serta keupayaan kerajaan memulihkan ekonomi yang terjejas pada tahun 1998 oleh kesan penularan krisis kewangan mencerminkan pengurusan ekonomi yang berhemat dan berkesan.

Mengenai kawalan modal secara terpilih, Ahli Yang Berhormat dari Tumpat berpendapat bahawa langkah tersebut tidak berkesan kerana lambat diperkenalkan oleh kerajaan. Pandangan Ahli Yang Berhormat berkenaan jelas bertentangan dengan hakikat sebenar.

Pada awal-awal lagi saya telah menjelaskan bahawa ekonomi negara kini berada dalam fasa pemulihan dan asas-asas ekonomi telah bertambah kukuh hingga agensi-agensi penarafan kredit antarabangsa telah meningkatkan penarafan mereka terhadap ekonomi negara.

Ini jelas membuktikan langkah-langkah yang telah diperkenalkan oleh kerajaan termasuk kawalan modal secara terpilih adalah berkesan dalam memulih dan memperkukuhkan ekonomi negara.

Dalam melaksanakan kawalan modal secara terpilih ini, kerajaan tidak bertindak secara tergesa-gesa, tetapi telah berbincang dan menilai secara mendalam pilihan dasar ini berikutan pengaliran keluar Ringgit yang lebih ketara sejak bulan April 1998.

Aliran keluar yang lebih ketara ini adalah disebabkan peningkatan perantarabangsa atau dengan izin, internationalisation mata wang negara akibat tawaran kadar faedah yang lebih tinggi oleh pusat-pusat kewangan luar pesisir bagi Ringgit antara 20% hingga 40% berbanding dengan kadar purata luar pesisir serantau bagi mata wang asing sebanyak 11%.

Permintaan luar pesisir yang kukuh bagi Ringgit dan justeru peningkatan penawaran Ringgit di luar pesisir boleh menjejaskan prestasi ekonomi negara kerana perkembangan ini jika tidak terkawal akan melemahkan keupayaan Malaysia melaksanakan dasar kewangan sejajar dengan keadaan dalaman ekonomi negara.

Hakikat ini serta kesan penularan krisis kewangan rantau Asia yang bertambah buruk berikutan merebaknya ke Rusia dan Amerika Latin, memerlukan Malaysia melaksanakan kawalan modal secara terpilih pada 1 September 1998.

Berhubung dengan kedudukan aliran keluar dan masuk modal-modal bersih jangka pendek dan panjang yang disarankan Ahli Yang Berhormat dari Kepong, sebenarnya perangkaan tersebut disiarkan dalam Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia dan juga laporan ekonomi setiap tahun. Misalnya pada tahun 1998 akaun modal jangka panjang mencatatkan aliran masuk bersih sebanyak RM10.9 bilion, manakala akaun modal jangka pendek mencatatkan aliran keluar bersih sebanyak RM21.7 bilion.

Mengenai cadangan supaya peruntukan pembangunan hanya diberi kepada kementerian-kementerian yang telah berjaya menghabiskan peruntukan, yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang, ingin saya menjelaskan bahawa peruntukan pembangunan yang disediakan adalah berasaskan kepada perancangan projek keperluan aliran tunai dan keupayaan pelaksanaan sesuatu kementerian atau jabatan.

Jika peruntukan tidak diberi hanya berlandaskan ketidakupayaan sesebuah agensi, tidak dapat membelanjakan sepenuhnya peruntukan mereka adalah dikhuatiri kelewatan dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan akan berlaku.

Oleh itu, Kementerian Kewangan berpendapat bahawa cadangan ini tidak dapat dilaksanakan. Walau bagaimanapun, kerajaan akan sentiasa memantau prestasi pelaksanaan oleh agensi-agensi kerajaan supaya pelaksanaan projek-projek pembangunan dapat disegerakan.

Mengenai cadangan supaya bank-bank dibayar lebih awal bagi NPL yang telah dibeli oleh Danaharta yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong, sebenarnya isu ini tidak seharusnya timbul. Ini adalah kerana sekiranya institusi perbankan mendapat keuntungan daripada penjualan NPL kepada Danaharta, keuntungan tersebut dibenarkan untuk diambil kira serta merta.

Walaupun bagaimanapun, sekiranya mereka mengalami kerugian daripada penjualan tersebut, mereka dibenarkan untuk, dengan izin, amortise kerugian tersebut untuk tempoh lima tahun.

Mengenai cadangan supaya Kertas Putih disediakan bagi penggabungan bank-bank dan syarikat kewangan, ingin saya jelaskan cadangan penggabungan institusi perbankan adalah merupakan keputusan komersial institusi-institusi yang bergabung. Apabila sesuatu cadangan penggabungan dilaksanakan, institusi perbankan tersebut akan mengeluarkan kenyataan umum menerusi siaran akhbar untuk memaklumkan cadangan serta pelan pelaksanaan penggabungan. Pelaksanaan penggabungan juga dijalankan secara telus dan profesional dan sehubungan itu adalah tidak perlu bagi kerajaan menyediakan Kertas Putih.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, ya Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Nampaknya Yang Berhormat kurang memahami apa maksud saya, walaupun pertama, beliau ada sebutkan mengenai bank untuk meng'amortise'kan dan sebagainya, itu tidak timbul, yang timbul sekarang, bila Danaharta membeli NPL itu adakah ia beri bank itu wang, modal dan sebagainya, tidak keluarkan apa langsung, ia beli sahaja daripada atas kertas. Walaupun base lending rate itu diturunkan, ada wang sedikit tetapi itu tidak cukup, memang tidak cukup dan ini bermakna Yang Berhormat Chenderoh itu tidak faham apa yang disebutkan di sini dan balik ke kementerian, kita siasat dengan teliti, apakah yang saya maksudkan itu.

Yang keduanya, mengenai Kertas Putih, bukan saya hendak sebutkan Kertas Putih mengenai butiran urusan mengenai bank-bank komersial, yang saya maksudkan dengan niat kerajaan bertahun-tahun untuk menggabungkan bank, untuk menggabungkan syarikat kewangan, untuk menggabungkan syarikat insurans tetapi gagal sama sekali.

Dan keadaan kegagalan ataupun kejayaan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Chenderoh, kita bentangkan Kertas Putih di sini, bukan kerana kita hendak tahu butiran ataupun rahsia pengurusan perdagangan – bukan. Cuma keadaan mengapa kita berjaya, bagaimana kita gagal dan sebagainya, itu yang dimaksudkan. Jangan kita kerap kali datang ke Dewan, oh kita hendak gabung, kita berjaya dan sebagainya, itu tidak cukup! Ha, itu yang saya maksudkan, baik kita kira dengan baik. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya cukup kasihan dengan dia ini. Dia berucap saya ada. Tidak mungkin saya silap apa dia bercakap. Pegawai saya pun ada. Mungkin pasal dia kuat merapu, dia tidak fokus mind dia, sekejap cakap sana, sekejap cakap sini. Dia merapu sebenarnya. Jadi ini menyebabkan kita sendiri pun confuse dengan izin, apa yang dia cakap dan kita bukan sahaja mendengar apa dia cakap dan cuba hendak fahamkan apa yang dimaksudkan oleh dia. Banyak kerja lain kita hendak buat lagi.

Jadi, saya harap supaya Yang Berhormat, lebih fokus dalam hujah-hujah kerana pegawai-pegawai saya profesional, mereka membantu saya. Kalau mereka bersependapat dengan saya, jawapan ini adalah jawapan yang kononnya yang dikehendaki oleh Kepong, makna kami sama. Dia satu sahaja otak dia, kami ramai. Jadi siapa betul, siapa salah. Kalau dia seorang kata saya tidak jawab makna dialah salah. Saya dan pegawai-pegawai saya bersatu hati bahawa itulah yang dikehendaki oleh dia. Jadi saya ingat dia fokuskan apa Yang Berhormat dari Kepong hendak.

Soal Kertas Putih, siapa kata penggabungan ini gagal, siapa kata. Baru sahaja umum Bank Bumiputra dengan Commercial Bank (CHB) baru hendak gabung. Macam mana baru gabung sudah gagal. Dia tidak faham sebenarnya, saya ingat kita buat Kertas Putih bincangkan kegagalan dia (Kepong) untuk memahami soal-soal ekonomi dalam negara kita. Kita buat Kertas Putih untuk dia. Bincang mengenai dia ini, kepala yang tidak berapa betul. Mana ada gagal, baru umum dua, tiga minggu yang lepas dia kata gagal. Dan banyak lagi yang akan datang yang mana kita hendak gabung syarikat, institusi dan bank-bank, syarikat insurans, baru sahaja dan baru satu yang diumumkan dia sudah kata gagal. Jadi saya ingat dia confuse antara bank-bank dengan parti dia ini. Parti dia sudah gagal, ramai orang lari keluar.

Saya minta supaya Yang Berhormat, fokuslah. Fokus dalam hujah-hujah dan soalan yang hendak diutarakan kepada kami kerana kami merupakan orang yang profesional untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat. Jadi betulkan sedikit kepala itu.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan isu proses tender yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat yang sama, banyak soalan dia, merapu, tetapi kita hendak beri muka kepada dia, kita jawab jugalah. Kementerian Kewangan ada mengeluarkan peraturan di bawah Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 6 Tahun 1998 kepada semua agensi kerajaan supaya melaksanakan perolehan kerja secara undian/pusingan atau sebutharga dengan had nilai RM100,000. Had nilai sebuah harga telah ditingkatkan dari RM50,000 sebelum ini. Peraturan ini melibatkan kerja-kerja requisition dengan izin, penyenggaraan, ubahsuai dan naik taraf termasuk kerja-kerja baru bagi kontraktor Kelas F. Ini bertujuan memberi peluang kepada kontraktor tempatan di kawasan projek berkenaan. Bagi tawaran yang dibuat di bawah tender terbuka, tidak ada sistem giliran atau rundingan harga diamalkan selaras dengan dasar ketelusan dan keterbukaan sesuatu tender itu.

Dakwaan bahawa pengeluaran pinjaman di bawah tabung-tabung yang ditubuhkan oleh kerajaan adalah terlalu sedikit disebabkan dengan izin, red tape itu adalah tidak benar. Sebaliknya masalah ini adalah disebabkan oleh faktor-faktor seperti projek yang tidak berdaya maju. Pemohon mempunyai risiko kredit yang tinggi. Kedudukan kewangan dan pengurusan syarikat yang lemah tidak memenuhi maklumat tambahan yang diminta. Pengarah syarikat sedang dalam tindakan undang-undang dan pengarah juga menjadi pengarah syarikat lain yang terlibat dalam perintah penggulungan.

Berhubung kelewatan pengeluaran (disbursement) pinjaman yang telah diluluskan pula, ini adalah disebabkan oleh pelbagai faktor termasuk projek-projek yang terlibat masih menunggu Certificate of Fitness, dengan izin, berpindah tapak projek serta dokumen undang-undang di antara pelanggan dan peguam belum selesai. Oleh itu peminjam adalah diminta menyelesaikan masalah-masalah yang berkaitan supaya pengeluaran pinjaman dapat dibuat secepat mungkin. Bank Negara Malaysia akan memastikan institusi-institusi kewangan memberi tumpuan dan keutamaan dari segi pengeluaran pinjaman supaya pengeluaran dana dapat dipercepatkan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu kekeliruan tentang pengecualian cukai pendapatan bagi tahun 1999 yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bintulu, sebenarnya pengecualian cukai pendapatan bagi tahun taksiran 2000 adalah berasaskan pendapatan yang diperolehi dalam tahun asas 1999 seperti yang diumumkan dalam Belanjawan 1999. Pendapatan yang dimaksudkan adalah merujuk kepada pendapatan individu yang diperolehi dalam tahun kalendar 1999.

Bagi pendapatan syarikat pula, ia merujuk kepada pendapatan yang diperolehi dalam tempoh asas 1999, iaitu tahun kewangan 1999 bagi syarikat berkenaan dan bukan mengikut tahun kalendar.

Berkaitan dengan cadangan agar kerajaan memberi dengan izin, tax holiday, kepada mereka yang terlibat dalam aktiviti pengeluaran atau penanaman makanan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Yan. Pada masa ini syarikat yang terlibat dalam pengeluaran dan penanaman makanan, layak menikmati beberapa insentif dalam berbentuk pengecualian sebahagian atau sepenuhnya ke atas pendapatan syarikat. Antara insentif dalam bentuk galakan taraf perintis atau Elaun Cukai Pelaburan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986, Elaun Modal 100% di bawah Jadual 4A Akta Cukai Pendapatan 1967 dan Elaun Pelaburan Semula di bawah Jadual 7A Akta Cukai Pendapatan 1967.

Kemudahan dengan izin, group relief yang diperkenalkan baru-baru ini menjadikan pakej galakan untuk sektor pengeluaran dan penanaman makanan lebih menarik dengan membenarkan kerugian syarikat ditolak daripada pendapatan syarikat dalam kumpulan yang sama. Dengan adanya insentif-insentif tersebut, syarikat diberi pilihan sama ada untuk menikmati faedah insentif pada masa atau sebelum keuntungan daripada aktiviti pertanian diperolehi. Pemberian insentif seperti di atas adalah wajar memandangkan aktiviti untuk meningkatkan pengeluaran dan penanaman makanan melibatkan risiko yang tinggi dan juga sebagai langkah ke arah mengurangkan pengimportan makanan.

Mengenai isu penjualan Proton kepada Petronas yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tumpat, sebenarnya Petronas telah membuat tawaran kepada HICOM untuk membeli saham-saham Proton yang dimiliki oleh HICOM pada akhir tahun lalu. Tawaran ini dibuat oleh Petronas kerana industri automotif mempunyai kaitan dengan industri petroleum dan gas. Tambahan pula, Petronas telah pun berkecimpung di bidang ini menerusi penglibatan mereka di dalam aktiviti perlumbaan Formula I melalui kerjasama Red Bull Sauber Holding AG dari Switzerland.

Pada masa kini sebanyak 27.2% saham Proton dimiliki oleh HICOM Holdings Berhad. Manakala sebanyak 17.5% dimiliki oleh Khazanah Nasional Berhad. Estet Allahyarham Tan Sri Yahya bin Ahmad, tidak mempunyai pemegangan saham secara langsung di dalam Proton. Estet Allahyarham mempunyai pemegang saham di dalam Gadek Sdn. Bhd. Gadek Sdn. Bhd. pula, memegang 31.6% di dalam HICOM Holdings Bhd.

Menteri Kewangan diperbadankan tidak mempunyai pemegangan saham secara langsung di dalam Proton.

Berkaitan dengan isu perlantikan Mohd. Noor Yaacob

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Kubang Kerian bangun.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya tahun 2003 nanti ada NAFTA, iaitu negara-negara ASEAN barang-barang masuk cukainya terlalu rendah menyebabkan harga kereta akan jadi terlalu murah bandingkan dengan sekarang terutama kereta Timur daripada Indonesia dan Petronas sekarang akan memikul beban, Proton melalui HICOM. Apakah pada waktu itu apabila kereta-kereta kita menghadapi masalah tidak boleh dijual maka yang akan ruginya Petronas. Pemegang saham sekarang semuanya selamat dan Petronas yang akan pikul beban. Oleh itu, beban itu sekarang dipindahkan kepada Petronas. Sekali lagi wang Petronas akan menjadi korban di atas perancangan yang tidak kena yang dilakukan oleh kerajaan sekarang. Bagaimana pandangan Kementerian Kewangan dalam hal ini?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 2003 NAFTA iaitu di kalangan negara-negara ASEAN kita mengangkat apa-apa juga tariff dan sepertimana Yang Berhormat sebut barangan boleh keluar masuk dalam negara kita dan juga negara yang menganggotai ASEAN ini. Di ASEAN ini kalau tidak silap saya, cuma dua negara sahaja yang mengeluarkan kereta iaitu Malaysia dan juga Indonesia. Indonesia dia keluarkan keretanya, apakah namanya – ‘Kijang’ *[Disampuk]* ‘Timur’ tidak boleh diambil kira sebab itu bukan pembuatan dalam negara Indonesia. Jadi, sebenarnya saya tidak nampak apa yang boleh menjejaskan pengeluaran kereta Proton kerana apa yang akan berlaku pasaran kita akan lebih besar kerana penduduk ASEAN ini – Malaysia sahaja 22 juta, kalau kita membuat kereta untuk jual kepada orang kita, cuma 22 juta orang sahaja tetapi kalau di bawah NAFTA bermakna iaitu bahawa pasaran kita terbuka kepada penduduk-penduduk ASEAN dan ini bermakna kita mempunyai pasaran beratus juta.

Jadi, kalau kita meningkatkan produktiviti, efisiensi kita dan kereta kita itu merupakan satu kereta yang kompetitif yang saya percaya kalau lawan dengan ‘Kijang’ pun kita boleh menang, insya-Allah sebab Indonesia dia keluar kereta yang 4-Wheel Drive, kita keluar kereta saloon. Walaupun sekarang ini kita telah cuba hendak masuk dalam peringkat 4-Wheel Drive ini, saya kira kalau kita lawan dengan dia pun, kita menang. Jadi, kita tidak perlu takut. Ianya tidak akan menjejaskan pengeluaran kereta oleh Proton, malah ia membuka pasaran yang lebih luas di dalam ASEAN itu. Itu pertama.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, mereka yang duduk dalam Lembaga, dalam Petronas adalah terdiri daripada orang-orang yang mempunyai kaliber dan mempunyai kebolehan dan keupayaan dan mereka juga merupakan orang yang amanah untuk menjaga khazanah rakyat. Mereka tidak akan membuat keputusan yang boleh merugikan Petronas kerana akhirnya nanti mereka akan dihadapkan ke muka pengadilan jika sekiranya berlaku apa-apa penyelewengan dalam menguruskan wang Petronas ini. Jadi sebab itu saya beri jaminan kepada Yang Berhormat bahawa tidak perlu bimbang kerana semua ini adalah

telus dan sepertimana yang telah saya sebut tadi, melihatkan kepada faktor yang ada ini semuanya menampakkan tanda-tanda positif untuk membantu Petronas dalam dia menjadi sebuah syarikat yang melibatkan diri dalam dunia komersial ini.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita tidak nafi bahawasanya pegawai-pegawai Petronas ini adalah orang yang jujur dan baik tetapi masalah sekarang ini 'tangan-tangan ghaib' daripada belakang. Ini yang susahnyanya dan daripada penjelasan Yang Berhormat sejak tadi tidak menggambarkan ketelusan yang telah berlaku. Masih ada lagi keraguan di dalam hati sanubari saya. Saya mintalah pihak Yang Berhormat dalam menjelaskan isu ini supaya telus, terbuka dan open-minded.

Sebagaimana Yang Berhormat telah timbulkan tadi bahawa alasan Petronas membeli Proton itu adalah kerana ada beberapa alasan. Saya rasa alasan itu tidak rasional. Saya rasa tidak berlaku di dalam dunia ini alasan itu, tidak ada organisasi petroleum ada membawahi syarikat-syarikat automobil di dalam dunia ini seperti Caltex, saya rasa tidak ada, di Belanda, Amerika atau Jepun, tidak ada, kecuali di Malaysia ini satu benda yang ajaib di dunia yang berlaku di abad ini, Tuan Yang di-Pertua.

Salah satu daripada isu yang telah saya timbulkan juga bahawasanya untuk develop satu-satu model kereta ini memerlukan, paling tidak modal RM2 bilion hingga RM3 bilion. Apa yang saya faham bahawasanya sekarang ini HICOM tidak mampu lagi untuk pikul 'biawak mampus' ini. Sebagaimana Yang Berhormat mengakui sendiri bahawa Menteri Kewangan Pertama memang tidak memegang saham secara tidak langsung. Menteri Kewangan kita nombor satu, nama 'wahid' sekarang ini tidak memegang saham secara tidak langsung. Ertinya dia pemegang sahamlah, salah seorang shareholder dalam isu ini.

Isu yang telah saya timbulkan kelmarin ialah apakah peranan yang dimainkan oleh Menteri Kewangan Pertama ini? Memang Yang Berhormat saya kenal seorang yang baik, tidak ada rekod. Comel benarlah, kata orang Kelantan, cuma bos Yang Berhormat. Ini masalah yang orang pertikaikan sekarang ini. Sekarang, nampak caranya hendak melawan tauke pula, fesyen-fesyen yang kita nampak sekarang ini. saya rasa itulah, saya minta penjelasan, cubalah, insya-Allah ada dua, tiga soalan lagi yang saya ingin bangkitkan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya berkenaan dengan apa yang dikatakan, dengan izin, 'deals' yang mungkin tidak menguntungkan Petronas. Petronas ialah sebuah syarikat yang mana dia mengeluarkan dokumen-dokumen tahunan, balance accountnya, semua dikeluarkan, ini merupakan public documents, dengan izin. Jadi, maknanya rakyat boleh melihat akaun tahunannya. Tuan Yang di-Pertua, tidak mungkin kalau public, dengan izin, boleh melihat semua dokumen ini, kita boleh meletakkan benda-benda yang palsu menutup benda yang benar kerana yang audit akaun ini adalah daripada syarikat-syarikat atau auditing firms yang bertauliah dan saya percaya kalau ada usaha daripada pihak Petronas minta supaya ditutup di situ atau di sini, mereka tidak akan lakukan perkara ini kerana mereka mempunyai imej untuk dijaga sebagai sebuah syarikat audit yang mempunyai tauliah dan keyakinan orang ramai, sebab dia hendak berniaga. Kalau mula orang tidak percaya kepada dia, orang tidak pergi kepada dia untuk mengaudit akaun-akaun ini. Jadi, sebab itu tidak mungkin apa Yang Berhormat sebut tadi boleh berlaku kerana akaun dia adalah akaun yang mesti dikeluarkan pada tiap-tiap tahun kerana Petronas merupakan sebuah syarikat yang mesti dikenakan di bawah peruntukan undang-undang kita, dia terpaksa mengeluarkan akaun tahunannya dan akaun tahunan ini boleh dilihat oleh rakyat sendiri. Itu teluslah maknanya, rakyat akan tahu di manakah berlaku penipuan dan pembohongan, kalau ianya berlakulah.

Keduanya, 'tangan-tangan ghaib' ini Yang Berhormat, andaian ini bahaya. Sebab 'tangan-tangan ghaib' ini andaian kita sahaja, kita merasakan bahawa ada berlaku sesuatu. Disabitkan oleh kerana Petronas ini duduk di bawah Jabatan Perdana Menteri, maka kalau ada apa-apa itu mesti ada 'tangan ghaib'. Saya bimbang dan takut, mungkin, dengan izin, 'criminal mind' ini ada di dalam pemikiran Yang Berhormat sebab itu Yang Berhormat merasakan bahawa ada berlaku perkara 'tangan-tangan ghaib' ini kerana parti Yang Berhormat pun juga ada kerajaan di negeri Kelantan. Mungkin di situ juga 'tangan ghaib' pernah berlaku untuk menguasai anak-anak syarikat kerajaan yang tertentu. Jadi, 'criminal mind' ini sudah ada di dalam kepala Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Dia bangun lagi, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nanti Yang Berhormat, saya hendak jawab dahulu. Saya akan beri peluang, tidak ada masalah, no problem. Jadi, kalau sekiranya sekalipun berlaku, kita serahlah kepada rakyat untuk membuat keputusan. Kalau kerajaan dan pemimpin-pemimpinnya itu jahat dan buat perbuatan yang mengkhianati amanah dan mandat yang rakyat beri kepada dia untuk mentadbir dan memimpin negara, kita serah kepada rakyat untuk membuat keputusan itu. Bukan kita tidak ada satu sistem bagaimana kita hendak mengawal Ahli-ahli Parlimen, pegawai-pegawai ataupun pemimpin-pemimpin dalam parti yang membentuk kerajaan. Kita ada, jadi kita serah kepada mereka. Cuma yang saya harapkan iaitu supaya kalau ada apa-apa tuduhan bawalah dengan bukti, tunjuk dan polis pun ada, buat laporan. Jangan dok main tembak andaian macam ini sebab menampakkan kurang profesionalnya sebagai seorang Ahli Dewan Rakyat di dalam Dewan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, tadi Tumpat bangun ya.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: [Ketawa] Susah, Tuan Yang di-Pertua. Misalnya macam kes Vijandran dan sebagainya, kita tahu mahkamah ini 'rubber-stamp', yalah kita tahu semua. [Disampuk] Rubber stamplah, mahkamah – macam hendak pergi ke mahkamah. Saya tidak ada keyakinan kepada mahkamah sekarang ini, terus-terang sahaja. Kadang-kadang keputusan belum buat lagi, surat khabar telah dikeluarkan. Misalnya dalam isu bekas TPM, dua hari sebelum keputusan itu, semua akhbar kita lihat menggambarkan TPM akan dihukum, dua hari kemudian betul-betul keluar keputusan itu. Dalam semua isu kalau kita perhatikan, cuma kes Mona Fandy sahaja, itu pun surat khbar menggambarkan juga akan kena, ini yang kita gambarkan tidak ada ketelusan. Kes Rahim Tamby Chik, kes Vijandran dan saya secara tulus ikhlas saya nyatakan di dalam Parlimen ini, saya tidak ada keyakinan kepada institusi kehakiman sekarang ini.

Jadi, apa yang saya bangkitkan tadi.....

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: [Bangun]

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Itu bukan soalan lagi itu, hanya main-main sahaja. Tuan Yang di-Pertua, misalnya dalam kes isu konsortium perkapalan, TPM sendiri memberitahu bahawasanya ini adalah campur tangan daripada 'tangan-tangan ghaib' dan dia sebut nama, saya tidak mahu sebutlah dalam Dewan ini.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Ini menimbulkan keraguan, misalnya dalam kes Menteri Kewangan Pertama tadi. Beliau berniaga, dia seorang orang berniaga, nombor satu dalam Malaysia ini, dunia tahu, bukan sahaja kita semua tetapi dunia tahu dia ini bukan orang politik – orang berniaga. Bukan dia pandai bercakap, dia orang berniaga. Dia diletakkan di Kementerian

Kewangan. Kita faham sendirilah. Di sini secara tidak langsung kita boleh menyebut bahawasanya ada 'interest'.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, saya minta jangan buat ucapan. Minta penjelasan, Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Ada, ada. Apakah sangkaan saya itu betul dan saya minta penjelasan kalau tidak betul. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat, saya tengok Yang Berhormat dari Kubang Kerian yang tanya soalan itu tetapi dia tidak mahu bangun, dia suruh Yang Berhormat dari Tumpat tetapi tidak apalah. [Ketawa] Berkenaan dengan mahkamah, saya hendak peringatkan kepada Yang Berhormat sebenarnya hari ini Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh ini jadi hero kepada semua pembangkang tetapi saya hendak beritahu hakikat yang sebenarnya, Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh ini adalah orang UMNO. Kita ambil tindakan ke atasnya waktu dia menjadi ahli UMNO. Jadi, janganlah jadikan perkara ini seolah-olah kita mendakwa Yang Berhormat dari Permatang Pauh ini sebagai seorang pembangkang, bukan. Ini menunjukkan bahawa without fear or favour, kita tidak kira, siapa membuat kesalahan atau apakah, kita akan ambil tindakan walaupun paling tertinggi sekali.

Jadi, persepsi yang ada hari ini orang memikirkan iaitu Yang Berhormat dari Permatang Pauh ini dia pembangkang, dia bukan pembangkang, dia dalam kerajaan dan kita ambil tindakan ke atasnya dia dalam kerajaan, yang kita mula-mula ambil tindakan. Jadi, sebab itu untuk mengatakan mahkamah ini tidak adil, saya pun tidak tahu kepada siapa Yang Berhormat hendak merayu selepas ini. Di mana dalam dunia ini – walaupun ini keluar sedikit daripada topik - mana di dalam dunia ini hakim mahkamah yang datang daripada langit terus jadi hakim. Di Amerikakah, Britainkah, semuanya dilantik oleh kerajaan yang memerintah pada masa itu. Jadi, saya rasa Yang Berhormat sebenarnya tidak faham benda ini dan kalau tidak yakin dengan mahkamah, itu Yang Berhormat punya fasallah, saya peduli apa sebab ramai daripada kami di sini yang yakin dengan mahkamah. Kalau Yang Berhormat tidak yakin, itu atas alasan sendiri tetapi tidak bermakna bahawa majoriti rakyat tidak percaya. Soal kata kalau dalam surat khabar keluar, mereka melapor seperti biasa. Macam juga *Harakah* keluar benda-benda yang tidak betul. Begitu juga Yang Berhormat baca, okay. Ini politik, Yang Berhormat. Jangan dok kata macam keluar surat khabar, mana yang menguntungkan PAS *Harakah* akan keluar macam-macam, serupa juga. Jadi, saya tidak hal di sini, saya bukan baca pun *Harakah*. Jadi, apa yang kita hendak kompelin, yang kita hendak sungut? Itu biasalah, kalau dia menarik perhatian orang ramai tentang kes itu, sudah tentulah dilaporkan. Begitu juga orang yang ketandusan pemikiran, suka baca *Harakah* dan khayal-khayalan semua dia akan pilih *Harakah*. Itu terpulang kepada dialah. Jadi, jangan marah sebab Yang Berhormat pun buat juga kerja ini. Jadi, sebab itu kita jangan dok bangkitkan seolah-olah macam kita ini betul semuanya.

Saya ingat tersilap tadi. Saya sebut 'Menteri Kewangan diperbadankan', bukan Menteri Kewangan Pertama, Yang Berhormat kena dengar betul-betul. Ini dia hendak kata Menteri Kewangan Pertama pula. Saya kata "Menteri Kewangan diperbadankan tidak mempunyai pemegang saham secara langsung di dalam Proton". Sebab isunya isu itu. Jadi, saya minta Yang Berhormat pun fokus, jangan jadi macam Yang Berhormat dari Kepong itu, dia kurang fokus apa yang saya sebut.

Berkenaan dengan konsortium perkapalan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Batang Lupar pula bangun.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nanti, nanti sekejap. Konsortium perkapalan yang dibangkitkan. Saya dengar Yang Berhormat dari Permatang Pauh, waktu dalam kerajaan cagak lain. Yang Berhormat pun tidak percaya, Yang Berhormat dari Kubang Kerian pun tidak percaya apa dia cakap pada ketika itu tetapi hari ini pula menjadi rujukan pula kepada Tumpat, merujuk iaitu apa juga yang Yang Berhormat dari Permatang Pauh cakap itu adalah betul, waktu dalam kerajaan dahulu macam mana?

Daripada situ pun kita tahu sudah ada sesuatu yang tidak betul, kalau sudah keluar daripada kerajaan baru hendak bercakap, itu tidak ada gunanya tetapi masa dalam kerajaan dengan penuh komitmen mempertahankan. Saya kira itu yang betul. Hari ini pun saya boleh beritahu kepada Yang Berhormat iaitu bahawa Petronas dan juga konsortium perkapalan MISC ini mencatatkan keuntungan besar dalam – kalau kita baca surat khabar pun, tidak silap saya pada minggu lepas tentang syarikat-syarikat perkapalan yang membuat untung. MISC di antara syarikat yang membuat untung dan melesetlah apa yang dikatakan oleh sesetengah pihak bahawa MISC ini merupakan satu syarikat yang tidak boleh membuat keuntungan. Yang Berhormat baca dalam surat khabar minggu lepas ada keluar syarikat-syarikat perkapalan di Malaysia yang mencatat untung ada, yang rugi pun ada. Jadi, itu sekaligus meleset mana-mana orang yang mengatakan bahawa Petronas telah – disabitkan oleh kerana ‘tangan-tangan ghaib’ dan telah melabur dalam satu syarikat yang tidak mendatangkan keuntungan kepada Petronas. Yang lain itu tidak ada benda, tidak ada kaitannya. Okay, Yang Berhormat ya.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya pun terkeluar sedikit, Yang Berhormat tetapi oleh kerana sudah disentuh, saya pun terasa tersentuh juga. Saya pernah pergi ke luar negara mempertahankan sistem keadilan negara kita. Jadi, datang ke negara kita sendiri, orang kita sendiri yang tidak percaya dengan sistem kehakiman dan undang-undang kita sendiri. Jadi, yang saya hairan negara mana yang mempunyai sistem kehakiman yang begitu adil yang boleh kita terima dan bukan kerajaan yang melantik hakimnya.

Umpamanya kalau kita baca laporan dari Amerika, lebih 70% orang yang sudah masuk jel di Amerika mengatakan mereka tidak bersalah kerana katanya sistem hakim yang salah, orang itu diskriminasi dan sebagainya. Kalau kita lihat pelantikan Clarence Thomas pada 1992, dua minggu Clarence Thomas didedahkan bermacam-macam tuduhan, bahkan pada masa itu Clarence Thomas adalah dilantik ataupun di ‘recommend’ oleh pihak Clinton untuk dilantik menjadi hakim Mahkamah Agung tetapi at the end of the day walaupun banyak bantahan dan sebagainya secara terbuka, Clarence Thomas dilantik juga oleh pihak Presiden Clinton. Jadi, ini menunjukkan iaitu kerajaan masih berkuasa melantik hakim dan siapa yang bersalah biasanya mengataskan hakim ini tidak betul dan sistem ini salah. Jadi, mungkin pihak Yang Berhormat daripada PAS ini dia tidak tahu undang-undang, tidak tahu dasar dan technicality undang-undang ini. Dia bercakap macam itu sahaja tanpa mengetahui latar belakang dan asas undang-undang. Yang Berhormat, macam mana?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sebelum saya pergi ke situ, Yang Berhormat, saya ada satu lagi yang bangkitkan. Berkenaan dengan vested interest ini, kita ada sistem dalam kerajaan iaitu bahawa kalau kita masuk dalam kerajaan, maka kita mesti mengisytiharkan harta kita dan memaklumkan dan kita mesti lepas segala apa juga pemegang kita dalam syarikat-syarikat yang tertentu. Ini kita lakukan. Hendak kata iaitu orang yang berniaga tidak boleh hendak menjadi Menteri Kewangan, saya ingat ini bercanggah dengan apa yang DAP. DAP kata kalau hendak jadi MP ataupun timbalan menteri atau menteri menjaga undang-undang mesti orang yang faham undang-undang. Jadi, dia pun bercanggah walaupun dia member ketat, dia bercanggah pendapat.

Dalam hal untuk mengatasi masalah ekonomi negara kita, kita memerlukan kepada orang yang berpengalaman dan bukan setakat dia berpengalaman sahaja, dia juga

pernah menjadi pegawai pentadbiran di negara kita. Yang Berhormat kena ingat, Menteri Kewangan Pertama pernah menjadi Menteri Kewangan pada tahun 80-an dan cemerlang dalam menjalankan tugasnya sebagai seorang Menteri Kewangan. Jadi, dia sudah ada kredibiliti untuk menjadi seorang Menteri Kewangan. Jangan jadi macam di Kelantan, ambil seorang ustaz jadi Menteri Besar, buat privatisation air selepas itu beli balik, saya tidak pernah tengok privatisation macam ini. Kita privatise kepada orang selepas itu kita beli balik.

Jadi, itulah maknanya kepada orang yang hendak menjaga kewangan negara kita, dia mesti ada pengalaman dan soal dia diam, itu tidak semestinya tidak boleh jadi ahli politik. Saya tengok itu yang di sana itu, banyak yang duduk diam. Ahli Yang Berhormat dari Bachok duduk diam, dalam Parlimen tidak bercakap, sepatah pun tidak bercakap dalam Parlimen. Jadi, bila mari tang dia okay, Ahli Parlimen dia tidak bercakap. Lima tahun duduk senyap sahaja, kadang-kadang keluar masuk saya pun tidak tahu dia ada di Parlimen ataupun tidak, boleh jadi Ahli Parlimen tetapi kalau Menteri Kewangan Pertama duduk diam tidak boleh menjadi orang-orang politik. Cakap ini, saya malas cakaplah, lidah bercabang ini susah, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, sebab itu kita kena fokus dalam apa yang kita hendak cakap. Kalau kita hendak beri satu bukti sebagai asas untuk memperkuatkan hujah-hujah kita, kita kena jaga supaya jangan orang boleh melakukan sesuatu yang boleh melesetkan hujah-hujah kita.

Jadi, bagi Yang Berhormat tadi, saya setuju apa yang Yang Berhormat sebut. Kalau Yang Berhormat kata tidak puas hati, tolong sebut di mana dalam negara kita, di dalam dunia ini satu sistem undang-undang yang boleh dianggap sebagai perfect, yang tidak ada langsung cacat cela dalam menjalankan dia punya undang-undang, kalau Yang Berhormat tidak boleh sebut, tidak usahlah. Itu mungkin disebut kerana geram dan frust. Jadi, tidak elok itu dijadikan sebagai andaian kerana orang semua mendengar, menganggap kesemua yang duduk di dalam Dewan ini, ialah Ahli Yang Berhormat, makna bercakap benar.

Jadi, buat andaian, tidak cakap benar ini memalukan kita sebagai ahli Dewan Rakyat dan saya juga turut malu kerana saya ahli Dewan. Sebab itu saya hendak nasihat kepada Yang Berhormat dari Tumpat, kalau bercakap itu biarlah kita bercakap dengan hujah yang mempunyai asas-asas menunjukkan apa yang kita cakap itu adalah betul dan benar.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan isu perlantikan Yang Berhormat bangkitkan, Encik Mohamad Nor Yaacob sebagai Penasihat Bank Negara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tumpat. Sebenarnya perkara ini telah pun dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini pada sesi yang lalu dan jawapan telah pun diberikan oleh pihak kementerian, namun begitu untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekali lagi saya nyatakan bahawa Encik Mohamad Nor merupakan seorang pakar dalam bidang kawalan pertukaran wang dan dalam konteks regim kawalan pertukaran yang telah dilaksanakan pada awal bulan September 1998. Kepakaran beliau dalam bidang ini sangat diperlukan oleh Bank Negara ketika ekonomi dalam keadaan kegawatan adalah wajar kita menggunakan segala kepakaran yang ada dalam negara.

Beliau juga merupakan seorang Pengasas Sistem Perbankan Islam di Malaysia dan pengetahuan beliau dalam bidang tersebut sangat berguna kepada Bank Negara untuk mengembangkan lagi sistem perbankan Islam di Malaysia.

Berkenaan dengan isu perbankan Islam yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Marang yang tidak hadir pada waktu ini. Pelaksanaan sistem perbankan Islam di Malaysia dilaksanakan secara bersungguh-sungguh. Ia bermula sejak dekat 60-an dengan penubuhan Tabung Haji diikuti dengan Bank Islam Malaysia Berhad pada tahun 1983. Kini terdapat lebih daripada 55 institusi perbankan yang menawarkan skim

perbankan Islam kepada orang ramai termasuk yang bukan Islam. Selain Bank Islam Malaysia Berhad yang kini mempunyai 10 cawangan institusi perbankan yang menyertai skim perbankan Islam telah membuka 10 cawangan perbankan Islam.

Aset perbankan Islam sehingga 31.12.1998 berjumlah RM21.6 bilion, meningkat lebih 20% berbanding tahun sebelumnya. Kejayaan ini adalah ekoran sokongan dan dorongan yang dimainkan oleh kerajaan bagi menanam keyakinan kepada para pemain iaitu institusi perbankan, bahawa perbankan Islam adalah satu sektor yang berdaya maju dan berdaya saing.

Penubuhan Bank Islam kedua telah lama difikirkan dan kerajaan sentiasa mencari jalan terbaik untuk menubuhkannya. Penggabungan BBMB-BOC mempunyai hikmat yang tersendiri kerana limpahan penggabungan ini akan mewujudkan Bank Islam kedua. Pelaksanaan sistem perbankan Islam adalah hasil perancangan rapi kerajaan dalam memberi satu alternatif perbankan kepada rakyat Malaysia amnya dan umat Islam khususnya.

Berhubung dengan tindakan yang perlu diambil terhadap jenayah kewangan di Bursa Saham yang dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat dari Tambun, sebenarnya pada tahun lepas Suruhanjaya Sekuriti telah giat membuat beberapa pindaan kepada beberapa undang-undang sekuriti untuk memastikan keberkesanan usaha-usaha penguatkuasaan. Oleh itu semenjak 1 November 1998, Suruhanjaya Sekuriti telah diberi kuasa, antara lain untuk melakukan tangkapan tanpa waran dan menyita pasport seseorang yang disyaki. Semenjak dari itu pihak Suruhanjaya Sekuriti telah menggunakan kuasa-kuasa tersebut dalam penguatkuasaan undang-undang sekuriti.

Dalam pindaan yang berkuatkuasa pada 1 November 1998 juga beberapa pindaan telah dibuat untuk menaikkan jumlah denda yang dikenakan untuk kesalahan-kesalahan yang lebih serius di bawah undang-undang sekuriti. Adalah diharapkan jumlah denda yang tinggi ini akan menjadi unsur 'deterrent' kepada mereka yang bergiat dalam jenayah kewangan di Bursa Saham. Tambahan pula ketua-ketua eksekutif dan pengarah-pengarah syarikat awam ini, kini boleh disingkirkan daripada memegang jawatan mereka jika didapati bersalah di bawah undang-undang sekuriti.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin segala isu-isu utama yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkaitan dengan Kementerian Kewangan semasa perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh telah pun saya perelaskan dengan sewajarnya. Untuk mengakhiri ucapan menggulung ini, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih atas segala pandangan dan cadangan yang dikemukakan berkaitan dengan Kementerian Kewangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Kementerian Pengangkutan.

12.17 tgh.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang begitu prihatin ke atas perkara-perkara yang berbangkit dengan bidang tugas Kementerian Pengangkutan. Semua perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberi perhatian yang sepenuhnya dan akan disusuli dengan tindakan yang sewajarnya. Tetapi walau bagaimanapun, saya mohon supaya saya dapat menjelaskan sedikit sebanyak beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kubang Kerian telah pun membangkitkan isu mengenai menarik pelancong dan penumpang dari Selatan Thai dan beliau mencadangkan supaya lapangan terbang antarabangsa dibina di Kota Bharu dan

bukannya sepertimana yang dicadangkan di Kuala Terengganu. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, rancangan kerajaan untuk menjadikan Lapangan Terbang Sultan Mahmud, Kuala Terengganu sebagai lapangan terbang antarabangsa adalah berdasarkan kepada lokasi Kuala Terengganu yang terletak di tengah-tengah koridor Pantai Timur. Dengan lokasi pertengahan itu, penumpang-penumpang sama ada peniaga ataupun pelancong dari kawasan serantau seperti Jepun, Vietnam, India, Emiriah Arab Bersatu atau Arab Saudi akan dapat akses dengan mudah untuk ke kawasan perindustrian serta tempat-tempat peranginan di sepanjang Pantai Timur.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Parit Buntar telah pun mencadangkan supaya satu lapangan terbang dapat dibina lagi di negeri Perak di daerah Kerian. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada masa ini kerajaan tidak ada cadangan untuk membina sebuah lagi lapangan terbang di negeri Perak untuk kegunaan Wilayah Utara. Ini adalah kerana kapasiti lapangan terbang yang sedia ada adalah mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bagan telah pun membangkitkan, persoalan tentang

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat dari Teluk Intan, bangun.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan keputusan kerajaan untuk tidak membina Lapangan Terbang di Kerian itu, tetapi kita sudah ada satu lapangan terbang di Ipoh, Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah, walaupun telah dibina dengan beberapa juta ringgit. Saya difahamkan lapangan terbang ini jarang digunakan oleh kerana baru-baru ini penerbangan itu dibuat di KLIA dan mengambil masa walaupun singkat tetapi banyak masa untuk membawa penumpang dari KLIA ke Kuala Lumpur.

Ini telah menyusahkan ramai di antara yang ingin menggunakan kapal terbang tersebut dari Ipoh dan juga peniaga-peniaga di lapangan terbang banyak mendapat kerugian. Apakah kerajaan ingin menolong dan apakah strategi supaya tidak menjadi satu 'white elephant' lapangan terbang kita di Ipoh itu.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, memang benar Yang Berhormat dari Teluk Intan telah pun menyatakan iaitu Lapangan Terbang Ipoh sekarang adalah kekurangan dari segi penumpang. Ini adalah kerana masa perjalanan melalui jalan raya dari Ipoh ke Kuala Lumpur dan tidak melebihi dua jam, maka oleh yang demikian permintaan dari segi penumpang untuk menggunakan lapangan terbang di Ipoh kurang sekarang.

Tetapi, apakah lojiknya jika Lapangan Terbang Ipoh telah pun mengalami begitu banyak masalah dari segi permintaan dari penumpang dan kita ingin lagi mencadang satu lapangan terbang lagi dibina di daerah Kerian, di negeri Perak juga. Kerajaan tidak mempunyai cadangan untuk membina lapangan terbang yang baru di negeri Perak tetapi kerajaan sedang menjalankan usaha supaya kita masih wujud lapangan terbang di Ipoh supaya penumpang-penumpang dari tempat lain bukan sahaja dari KLIA dan penumpang tempatan yang hendak pergi ke KLIA untuk menaiki pesawat ke luar negeri dapat guna lapangan terbang di Ipoh.

Buat masa ini, dari segi kegawatan ekonomi juga telah menyumbang kepada masalah dari segi permintaan di Lapangan Terbang Ipoh. Tetapi saya percaya jika kita semua berusaha, kerajaan mempunyai pelbagai usaha untuk menjalankan lagi, promosikan lagi lapangan terbang di Ipoh, ia tidak akan menjadi seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat, 'white elephant'.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: [Bangun]

Timbalan Yang di-Petua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kubang Kerian.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, dalam hujah saya supaya lapangan terbang antarabangsa lebih baik dibina di Kota Bharu, Pengkalan Chepa kerana saya memandangkan bahawa penumpang-penumpang daripada Thailand di mana mereka daripada Lapangan Terbang Antarabangsa Haadyai memerlukan perjalanan tiga - empat jam daripada Naratiwat-Golok-Weng. Seperti orang Johor Bahru banyak menggunakan Lapangan Terbang Singapura untuk penerbangan antarabangsa, kenapa kita tidak naik taraf di Kota Bharu supaya kita dapat menarik orang-orang Thailand untuk menggunakan lapangan terbang antarabangsa di situ – itu hujah. Apakah hujah itu tidak diambil kira oleh EPU, bukan hujah di sudut diperintah oleh siapa negeri Kelantan itu?

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya EPU sebelum membuat sebarang keputusan memang telah mengambil kira semua fakta mengenai mengadakan lagi sebuah lapangan terbang baru di Kuala Terengganu. Untuk makluman Yang Berhormat, sempadan Kelantan dengan negara Thai adalah di Golok, sama juga di negeri Kedah iaitu Bukit Kayu Hitam. Buat masa ini di dapati Lapangan Terbang Pengkalan Chepa di Kelantan masih dapat menampung keperluan. Sebab apa kita hendak adakan satu lapangan terbang antarabangsa di situ, sedangkan lapangan terbang di Pengkalan Chepa masih begitu baik dan boleh menampung lagi permintaan, keperluan penumpang-penumpang di tempat itu termasuk juga pelancong-pelancong dari negeri Thai. Betul tak? Walau bagaimanapun, kerajaan mempunyai rancangan untuk mempertingkatkan lagi kemudahan di lapangan terbang Kota Bharu.

Kerajaan telah pun membuat satu banci dari segi pelancong dari Thai hendak guna kemudahan-kemudahan di sebelah negara kita, di dapati bukan begitu ramai, sama juga di negeri Kedah. Saya pernah dengar juga orang kata, pelancong dari negara Thai hendak turun di Lapangan Terbang Alor Setar supaya mereka hendak menaiki kapal terbang ke Sumatera. Sama juga yang dikatakan Yang Berhormat, tetapi walau bagaimanapun kita tengok dari masa ke semasa, kita monitor situasi dan jika betul-betul perlu memang sesuatu tindakan akan diambil.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Parit Buntar,

Timbalan Yang di-Petua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Teluk Intan bangun, Yang Berhormat.

Dato' Chor Chee Heung: Cukuplah saya ingat, cukuplah sebab sudah dekat pukul 1.00, I entertain you next time.

Tuan M. Kulasegaran: Short question.

Dato' Chor Chee Heung: Tidak usah, cukuplah.

Tuan M. Kulasegaran: Mengenai Pangkor, adakah kerajaan telah membuat salah.

Dato' Chor Chee Heung: Yang Berhormat dari Parit Buntar telah pun mencadangkan supaya pembinaan sebuah lagi lapangan terbang di Perak, itu pun saya telah pun jawab. Yang Berhormat dari Bagan telah membangkitkan persoalan tentang kapal terbang dari Subang-Pulau Pinang cuma dua kali sehari adalah sukar untuk penumpang menempah tempat kerana tidak cukup. Oleh yang demikian cadangan beliau supaya kapal terbang ditukar dari Boeing 737 kepada Airbus oleh kerana Airbus dapat muat lebih ramai penumpang.

Dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, ingin saya memberitahu pihak penerbangan Malaysia (MAS) belum ada sebarang rancangan untuk menukarkan jenis pesawat bagi penerbangan harian Subang-Pulau Pinang dan Pulau Pinang-Subang dari pesawat Boeing

737 kepada pesawat jenis Airbus pada masa sekarang. Tetapi oleh kerana Yang Berhormat telah pun membangkitkan masalah ini, Kementerian Pengangkutan akan mengarah MAS membuat satu survey untuk memastikan sama ada permintaan penumpang begitu ramai hingga kita boleh berubah pesawat Boeing 737 ke Airbus.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya ini adalah beberapa persoalan yang telah kita terima semasa perbahasan, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang berucap dan yang saya tidak sempat memberi penjelasan, kementerian saya akan mengambil perhatian. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Petua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Kementerian Sumber Manusia.

12.26 tgh.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:
Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau dan juga dari Parit Sulong kerana membangkit dan membahaskan isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Sumber Manusia.

Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau telah membangkitkan isu mengenai skim latihan di Kementerian Sumber Manusia dan melalui Jabatan Tenaga Rakyat, Kementerian ini mempunyai Skim Rancangan Pembangunan Sumber Manusia berteraskan pertumbuhan ekonomi di sektor perindustrian yang menumpukan kepada peningkatan produktiviti. Sehubungan dengan itu, Kementerian Sumber Manusia berperanan melahirkan lebih ramai tenaga kerja mahir melalui program latihan dan latihan semula yang dijalankan oleh Institut Latihan Perindustrian (ILP) dan Pusat Latihan Pengajar serta Kemahiran Lanjutan.

Di samping itu, penubuhan Institut Teknikal Jepun Malaysia (JMTI), Pusat Latihan Teknologi Tinggi dan Institut Latihan Perindustrian Generasi Kedua juga akan dapat memenuhi objektif kementerian secara khususnya dan negara amnya. Pada masa ini terdapat 9 buah ILP dan sebuah CIAST yang bertanggungjawab menyediakan latihan. Projek untuk menaik taraf semua institut sedang giat dijalankan. Menjelang pertengahan tahun 2000, jumlah keseluruhan institusi di bawah kelolaan Jabatan Tenaga Rakyat dijangka sebanyak 20 buah, iaitu 14 buah ILP, 4 buah MTEC, sebuah JMTI dan sebuah CIAST.

Institusi-institusi tersebut dijangka dapat mengeluarkan sejumlah 17,000 pekerja mahir dan separuh mahir setahun. Sehubungan dengan itu, antara kursus-kursus ataupun latihan yang ditawarkan adalah seperti berikut:

- (i) Kursus Persijilan Kemahiran Kebangsaan - latihan dijalankan sepenuh masa iaitu jangka masa di antara 6 bulan hingga 2 tahun. Kursus ini dijalankan di semua ILP dan peserta dianugerahkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), Sijil Juruteknik Perindustrian atau Sijil Pendawai Fasal Tunggal (JBE) setelah tamat menjalankan latihan.
- (ii) Kursus Diploma Pengajian Vokasional - kursus ini dijalankan sepenuh masa selama 3 tahun di CIAST;
- (iii) Kursus Diploma Teknologi Tinggi - kursus ini dijalankan sepenuh masa selama 2 hingga 3 tahun di JMTI dan MTEC;
- (iv) Kursus Modular - kursus ini dijalankan sepenuh masa iaitu pada hujung minggu dan dibuka kepada orang awam dan pekerja-pekerja teknikal di sektor awam dan swasta. Ia bertujuan untuk meningkatkan kemahiran

pekerja-pekerja dan mereka yang terlibat untuk meningkatkan, dengan izin, upgrading course;

- (v) Kursus Customize - kursus ini merupakan kursus jangka pendek yang diadakan atas permintaan syarikat-syarikat mengikut keperluan mereka. Ia dijalankan secara berkumpulan sama ada pada hujung minggu atau pada hari kerja.

Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau juga membuat saranan supaya latihan semula mesti ditingkatkan. Sukacita saya maklumkan bahawa sememangnya kerajaan telah memberi penekanan latihan semula kepada pekerja melalui Skim Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia yang dilaksanakan sejak Januari 1993. Majikan yang berdaftar dan membayar levi kepada Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia adalah layak mendapat bantuan kewangan apabila melaksanakan latihan semula pekerja bagi meningkatkan kemahiran mereka.

Sehingga 31 Mac tahun ini, sebanyak 2.19 juta tempat latihan telah diluluskan kepada majikan yang mendaftar dengan Majlis Pembangunan Sumber Manusia bagi tujuan latihan semula dan meningkatkan kemahiran pekerja dalam pelbagai bidang kemahiran seperti teknikal kualiti dan produktiviti, pengurusan serta juga bidang yang berkaitan dengan komputer dan teknologi maklumat. Bantuan kewangan yang diluluskan berjumlah RM634.98 juta.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Balik Pulau juga membangkitkan isu berkenaan dengan pekerjaan syif. Ingin saya jelaskan bahawa Undang-undang Buruh membenarkan pekerja untuk bekerja secara syif dalam mana-mana kegiatan perusahaan pertanian dan industrial undertaking, dengan izin. Namun demikian, pihak majikan dikehendaki mendapat persetujuan daripada pekerja sebelum melaksanakan bekerja secara syif dan seterusnya perlu mendapat kelulusan daripada Ketua Pengarah Buruh.

Pada kebiasaannya Ketua Pengarah Buruh akan menetapkan beberapa syarat untuk dipatuhi oleh majikan dalam memberi kelulusan bekerja secara syif. Antara lain syarat-syaratnya ialah seperti berikut:-

- (i) Membayar elaun syif kepada pekerja mengikut kadar yang ditetapkan;
- (ii) Menyediakan pengangkutan percuma untuk pergi dan balik daripada tempat bekerja;
- (iii) Menentukan pekerja yang terlibat dalam kerja syif, mendapat satu hari rebet sekurang-kurangnya 30 jam berturut-turut sebelum memulakan kerja pada suatu syif berikutnya;
- (iv) Tempoh masa kerja setiap syif hendaklah tidak melebihi 8 jam sehari.

Timbalan Yang di-Petua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Kepong bangun, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya sangat tertarik kepada jawapan tadi mengenai syif-syif dan syarat-syarat yang akan dikenakan untuk melakukan amalan shift ini. Bolehkah Yang Berhormat terangkan semasa krisis ekonomi ini bagaimana kementerian dapat menguatkuasakan syarat-syarat tersebut di dalam kegawatan ekonomi sekarang. Mungkin semasa ekonomi pulih, amalan ini boleh dilaksanakan tetapi sekarang macam mana kita hendak laksanakan. Adakah kementerian itu bertekad untuk menguatkuasakan semua ini tidak kiralah keadaan ekonomi. Cuma saya hendak tanya macam mana keberkesannya?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham, Yang Berhormat dikhususkan di dalam parti dalam schedule Kabinet untuk mempersoalkan soal kewangan, ini mengenai dengan buruh pula

Dr. Tan Seng Giaw: Buruh pun boleh.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: dan sebab itulah soalan, Tuan Yang di-Pertua, saya agak gawat [*Ketawa*] sesuatu permintaan terhadap pekerjaan syif terletak kepada syarikat itu sendiri. Jikalau dalam kegawatan ekonomi syarikat itu terjejas dan ia tidak mempunyai order yang banyak, perlu apa dia kerja syif? Tetapi kita tahu bahawa syarikat-syarikat di dalam kegawatan ekonomi sekarang banyak yang tidak gawat dan mereka menerima dengan turunnya nilai mata wang kita kepada 3.8, Yang Berhormat bisingkan tadi, sampai satu jam lima belas minit tadi ini, dengan turunnya permintaan terhadap barang kita banyak dan harga yang dibeli oleh orang luar adalah rendah dan ini memerlukan kilang yang mengeluarkan barangan yang diminta banyak itu mengadakan syif 24 jam. Jadi apabila hendak tanya soalan Yang Berhormat, lebih fokus sepertimana Yang Berhormat Timbalan Menteri kata tadi, fokuskan jadi jangan soalan yang terlalu lebar, 'nebulous' yang saya rasa ahli falasafah pun susah hendak jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, dia bangun lagi.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan sekali lagi kerana nampaknya Yang Berhormat di dalam Kementerian Sumber Manusia ini tidak keruan sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang saya maksudkan kerana kita hendak galakkan pengilang-pengilang yang mengeksport ini keluaran dengan banyak kerana ada banyak syarikat yang gawat, mereka ini tidak gawat, kita hendak galakkan mereka, mungkinlah kementerian itu asalkan dia keluaran banyak barang kita tidak akan mengenakan syarat-syarat dan sebagainya. Sebab itulah saya tanya.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, ini lagi satu kekeliruan. Yang saya katakan syarat tadi ialah untuk menjaga pekerja, Yang Berhormat sebagai parti sosialis yang memperjuangkan kaum proletarian, mengapa membantah tentang syarat yang saya beri tadi? [*Disampuk*] Saya baca syarat sehingga empat syarat adalah untuk menjaga kebajikan pekerja yang disuruh kerja syif. Kenapa Yang Berhormat hendak marah pula bila beri syarat-syarat untuk pekerja. Ini bertentangan dengan ideologi parti Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Ketawa*] Tuan Yang di-Pertua, penjelasan sekali lagi yang kedua, bukan kita hendak bantah syarat-syarat itu mesti dikenakan, cuma di dalam krisis ekonomi sekarang, adakah kementerian itu berniat untuk melaksanakan dan menguatkuasakan semua ini sebab kita hendak galakkan kilang-kilang untuk keluaran dengan lebih banyak, itu sahaja soalnya. Ini merepek-repek.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: [*Ketawa*] Saya tidak habis lagi menjawab ini. Ingin saya nyatakan Yang Berhormat, Kerajaan Barisan Nasional walaupun dituduh sebagai macam-macam oleh parti Yang Berhormat, kapitalislah, macam-macam. Kepentingan pekerja di sektor perindustrian ini menjadi satu agenda yang paling tinggi, jadi Yang Berhormat tidak perlu mempersoalkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan syif itu adalah simple sahaja, ialah syif diadakan apabila ada keperluan, kalau tidak ada keperluan, tidak perlu syif. Itu sahaja. Jadi Yang Berhormat saya hendak teruskan. Saya harap Yang Berhormat tumpukan kepada Schedule Cabinet Finance Minister di dalam parti Yang Berhormat. Buruh biarkan kepada Yang Berhormat dari Teluk Intan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Buruh sentiasa memantau setiap majikan yang diberi kelulusan kerja syif dan Ketua Pengarah Buruh berhak menarik balik kelulusan pada bila-bila masa jika didapati pihak majikan melanggar syarat-syarat tersebut. Daripada rekod yang ada, tidak terdapat sebarang aduan tentang pelanggaran syarat atau layanan buruk oleh mana-mana majikan yang telah diberi kelulusan kerja syif.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong meminta Jawatankuasa Kabinet mengenai latihan dan Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan mengkaji dan menyelaras kursus-kursus berkaitan. Di sini ingin saya jelaskan bahawa Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Teluk Intan bangun, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:yang ditubuhkan pada 2 Mei 1989 telah memainkan peranan bagi mengkaji dan menyelaras kursus latihan kemahiran di negara ini.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Dengan polisi memberi overtime yang sedia ada sekarang, Yang Berhormat, adakah kerajaan sedar bahawa ramai majikan memberi gaji yang sangat kurang, lepas itu memberi overtime sebagai insentif dan masalahnya adalah apabila keluarga yang kebanyakannya adalah wanita terpaksa berada dari rumah, pergi kerja dan balik lebih kurang 12 jam. Kalau hendak tempat-tempat tertentu, saya boleh beri dan ini memberi banyak masalah kepada keluarga kerana terlampau lama berada di luar rumah dan apakah yang sedang dibuat supaya perkara ini tidak menjadi satu perkara yang sosial kepada negara.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, ini soalan yang fokus, yang menentukan bahawa Yang Berhormat tahu tentang masalah perburuhan.

Tuan Yang di-Pertua, soal overtime, penurunan gaji dan overtime ini adalah soal di antara sesuatu, ia bukan soal general, bukan soal keseluruhan. Ia terletak kepada firma dan pekerjanya, majikan dan pekerja-pekerjanya. Jikalau ini berlaku itu di antara majikan dan pekerja dan kalau pekerja-pekerja yang tidak puas hati dan merasa mereka telah dieksploitasikan oleh keadaan, mereka berhak melaporkan perkara ini kepada pihak buruh ataupun merujuk kepada union mereka iaitu union yang ditubuh dan yang diiktiraf oleh kerajaan sebagai badan, yang mengartikulasikan masalah-masalah perburuhan. Jadi apa Yang Berhormat sebut tadi, mungkin berlaku dan meminta dirujuk kepada badan-badan, yang berkenaan yang tertentu. Bagi saya untuk menjawab perkara itu, ianya bukan satu perkara yang umum, ianya berlaku dan kemungkinan berlaku pada satu-satu tempat yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua,

Tuan M. Kulasegaran: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Penjelasan sedikit sahaja. Ini mengenai syarikat-syarikat luar negeri yang melabur di negara kita ini kebanyakan dari negara Taiwan. Ia tidak ikut sistem macam apa yang di Komanwel, satu di antaranya adalah apabila ia melabur di sini, selepas itu ia muflis (bankruptcy), ia tidak ikut kira bahawa bayaran retrenchment benefit ini. Ia rasa ia tidak perlu bayar, ia terus cabut. Walaupun perkara ini telah banyak kali dibawa kepada perhatian kerajaan dan baru-baru ini PKNS di Negeri Sembilan, satu daripada anak syarikat yang telah muflis dan retrenchment benefit ini tidak dibayar, walaupun baru-baru ini satu minggu dahulu saya

jumpa dia, jumpa pekerja-pekerja lebih kurang RM980,000 termasuk lebih kurang 500 pekerja. Kita ada undang-undang yang tidak memberi safeguard, safeguard in name only kerana ia tidak menjadi secured credit, kita tahulah. Bila bank-bank mengambil alih syarikat, selepas muflis, ia tidak perlu bayar retrenchment benefit dan apakah kerajaan ini akan mengiktiraf atau setuju akan masalah ini dan ambil tindakan supaya kita meminda beberapa undang-undang yang tertentu supaya pekerja-pekerja setelah di'retrench' wang ini, wang yang betul-betul milik pekerja yang berhak itu akan diberi lebih keutamaan daripada bank dan sebagainya.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan, pihak kementerian sekarang ini sedang bersiap sedia untuk meminda suatu bahagian di dalam Akta Kerja 1955 untuk memastikan apa Yang Berhormat katakan itu. Umpamanya Yang Berhormat berkata mungkin berlaku iaitu garnishing, jikalau sesuatu syarikat yang muflis selalunya diberikan kepada bank-bank terlebih dahulu. Tetapi di dalam pindaan ini yang akan dibentang di Dewan yang mulia ini, kita akan mengadakan satu lagi peruntukan yang mana selain daripada garnishing kepada bank-bank ianya juga memastikan bahawa segala pembayaran kepada pekerja-pekerja mesti diselesaikan terlebih dahulu. Jadi, Yang Berhormat tunggulah, saya akan bawa kalau pilihan raya tidak diadakan awal, saya akan bawa di Dewan ini dan Yang Berhormat sokong sepenuhnya pindaan ini.

Tuan M. Kulasegaran: Saya hendak berterima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, tidak pernah saya dengar satu isu yang telah di'address'kan oleh kementerian yang memberi satu perjanjian yang baik kepada pekerja, saya berterima kasih.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Terima kasih. [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana termaklum institusi latihan kemahiran tidak terletak di bawah pentadbiran Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan yang keahliannya terdiri daripada wakil-wakil industri. Penyelarasan ini dilakukan dengan menyediakan panduan standard minimum di peringkat nasional untuk dijadikan asas dalam program latihan dan persijilan kemahiran kebangsaan. Panduan ini dipanggil National Occupational Skill Standard (NOSS) adalah khusus untuk bidang-bidang pekerjaan yang diperlukan oleh industri tempatan.

Penentuan bidang-bidang kemahiran dibuat oleh jawatankuasa penasihat yang diwujudkan di bawah Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan. Sehingga sekarang terdapat 382 NOSS telah dibangun dan digunakan dalam latihan kemahiran di seluruh negara. NOSS yang telah dibangun sentiasa dikemakinkan dari masa ke semasa bergantung kepada perubahan teknologi dan amalan industri. Melalui sistem NOSS ini latihan dan persijilan kebangsaan, kursus-kursus di pelbagai organisasi latihan awam dan swasta dapat diselaraskan kerana bidang dan latihan yang disediakan modul kursus-kursus menggunakan dokumen NOSS yang sama.

Namun demikian, agensi latihan adalah bebas menentukan sendiri kursus-kursus di luar bidang NOSS supaya bersesuaian dengan keperluan dan keutamaan industri. Bagi memantau kualiti latihan kemahiran di seluruh negara, kementerian setakat ini telah mengambil tindakan dan cadangan Akta Latihan Kemahiran seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong. Dimaklumkan bahawa tindakan setakat ini adalah di peringkat penggubalan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Ahli-ahli Yang Berhormat lain yang telah membangkitkan isu-isu berkaitan Kementerian Sumber Manusia di Dewan yang mulia ini yang mana tidak sempat saya menjawab dalam masa yang singkat ini, saya ingin memaklumkan bahawa kementerian saya amat menghargai teguran, komen, cadangan dan

pandangan yang membina tersebut dan mengambil perhatian serta tindakan sewajarnya terhadap isu dan cadangan tersebut.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada sahabat-sahabat yang telah membangkitkan isu ini di dalam ucapan mereka dan juga sahabat-sahabat saya dari Kepong dan Teluk Intan yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan tadi. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Kementerian Kerja Raya.

12.42 tgh

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Railey bin Haji Jaffrey]: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Kerja Raya saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara mengenai bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Kerja Raya ketika perbincangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh. Saya akan cuba menjawab ataupun memberi penjelasan kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Tanjong Karang dan Batang Lupar telah membangkitkan mengenai kelewatan proses tender yang menyebabkan kelewatan pelaksanaan projek dan mencadangkan supaya fungsi Jabatan Kerja Raya dikaji semula.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peranan Jabatan Kerja Raya adalah untuk melaksanakan projek pembangunan selain daripada menjalankan operasi dan penyelenggaraan jalan raya dan sebagainya. Adalah didapati fungsi Jabatan Kerja Raya tidak perlu dikaji semula pada ketika ini kerana ia adalah selaras dengan fungsi Kementerian Kerja Raya dan juga objektif kerajaan secara amnya. Sekiranya terdapat peranan yang baru, fungsi Jabatan Kerja Raya akan disesuaikan mengikut perubahan yang dimaksudkan.

Walau bagaimanapun, untuk memastikan kelancaran pelaksanaan projek-projek pembangunan, perbincangan yang diselenggarakan oleh Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri antara kementerian-kementerian dengan agensi-agensi pusat diadakan setiap dua minggu sekali. Perbincangan ini juga dihadiri oleh Kementerian Kerja Raya dan Jabatan Kerja Raya.

Pemantauan yang lebih teliti dilaksanakan agar projek-projek tidak mengalami kelewatan yang amat ketara. Ini adalah salah satu daripada langkah Jabatan Kerja Raya untuk mempercepatkan lagi pelaksanaan projek-projek manakala kerajaan akan mengambil langkah-langkah sesuai dan sewajarnya bagi mempercepatkan proses tawaran ataupun tender. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, bahawa tender dibuat secara terbuka seperti arahan Perbendaharaan dan kontraktor yang dipilih adalah berdasarkan persaingan harga yang munasabah dan yang paling menguntungkan kepada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah perkampungan Orang Asli di Dengkil dan Bukit Lanjan yang terlibat dengan pembinaan lebuh raya yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kubang Kerian. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak kerajaan telah membayar suguhati pelbagai bentuk kepada semua penduduk Orang Asli Kampung Bukit Tampoi daerah Dengkil yang terlibat dengan laluan Lebuh raya Utara-Selatan hubungan tengah (Elite). Bayaran suguhati pelbagai bentuk tersebut adalah seperti berikut:

- (i) sebanyak RM9,060,990 untuk ganti rugi atas tanaman yang berada di jajaran lebuh raya, sebuah rumah tapak rumah dan juga tanaman atas tapak rumah baru;

- (ii) membina dua buah rumah kediaman iaitu untuk Encik Tain bin Endik dan Encik Hini a/l Tain;
- (iii) membina semula sebuah balai raya;
- (iv) membina semula sebuah bangunan tadika Kemas;
- (v) menambah dan meratakan 11 buah tapak rumah; dan
- (vi) menyediakan kemudahan asas iaitu bekalan air, elektrik, membaik pulih jalan raya yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, manakala untuk perkampungan Orang Asli Bukit Lanjan, yang terlibat dengan pembinaan Lebuh Raya Damansara-Puchong (LDP), pihak kerajaan telah membayar pampasan tanah kepada tetuan tanah iaitu Tetuan Saujana Triangle Sdn. Bhd. untuk projek Lebuh Raya Damansara-Puchong sebanyak RM17,929,500. Oleh itu bayaran pampasan kepada penduduk-penduduk Orang Asli yang mendiami tanah ini adalah tanggungjawab sepenuhnya Saujana Triangle Sdn. Bhd berikutan dengan memorandum persefahaman di antara Saujana Triangle dengan JKKK Lembaga Adat dan Jabatan Orang Asli pada 28 November 1996.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek naik taraf Jalan Brincang ke Lojing yang sedang dilaksanakan adalah merupakan jalan daripada Cameron Highlands ke Gua Musang kerana ianya di bawah projek jalan raya Simpang Pulai-Lojing-Gua Musang-Kuala Berang. Pakej III iaitu daripada Lojing ke Pos Blau dan Pakej IV daripada Pos Blau ke Kampung Kuala Batu telah ditender untuk pelaksanaan. Manakala jalan Kampung Raja ke Ladang Blue Valley merupakan sebahagian daripada Pakej II dalam projek menaik taraf Jalan Brincang ke Lojing. Daripada Blue Valley ke Lojing ia termasuk dalam projek jalan raya Simpang Pulai-Lojing-Gua Musang ke Kuala Berang yang kini sedang dalam proses penilaian tender.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Sipitang, kerajaan memang ada menyediakan peruntukan bagi pembinaan jalan baru terutama jalan-jalan di lorong dan cerun gunung di kawasan pedalaman Sabah yang mempunyai potensi pembangunan pertanian. Walau bagaimanapun, peruntukan dan senarai projek-projek yang diluluskan adalah terhad dan dilaksanakan berperingkat-peringkat mengikut keutamaan.

Projek jalan menghubungkan Kota Kinabalu ke Kudat telah dipecahkan kepada beberapa bahagian iaitu membaiki jalan Menggatal-Berungis-Tamparuli, membaiki jalan Tamparuli ke Kota Belud, membina jalan Berungis ke Kota Belud, menaiktaraf dan memulih jalan Kota Belud ke Langkon dan seterusnya menaiktaraf dan memulih jalan Langkon ke Kudat.

Sebahagian daripada laluan ini telah siap dan sebahagian daripadanya lagi dalam berbagai peringkat pembinaan dan dijangka siap menjelang akhir tahun 2020. Bagi projek jalan pintas ke Kudat dan jalan daripada Tawau ke Sepulut dan seterusnya ke Nabawan, projek ini tidak termasuk dalam senarai yang diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dan mungkin boleh dipertimbangkan dalam Rancangan Malaysia Kelapan.

Mengenai perancangan untuk membina jalan daripada Keningau ke Kimanis, Tenom ke Beaufort dan Kamabong ke Sipitang, kerajaan hanya meluluskan Jalan Tenom ke Beaufort dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Projek Jalan Tenom ke Beaufort ini masih di peringkat reka bentuk dan dijangka dapat dilaksanakan pada akhir Rancangan Malaysia Ketujuh nanti, manakala projek jalan daripada Keningau-Kimanis dan Kamabong-Sipitang juga mungkin akan dipertimbangkan dalam Rancangan Malaysia Kelapan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat juga, kerajaan belum mempunyai rancangan untuk membina jalan bagi kawasan pedalaman di Tenom dan Sipitang dan berhubung terus ke Kalimantan, Indonesia.

Tuan Yang di-Pertua, dakwaan Yang Berhormat dari Gelang Patah yang mengatakan kerajaan memaksa pengguna-pengguna untuk menggunakan link kedua, ingin dimaklumkan di sini bahawa kerajaan tidak berhasrat memaksa pengguna-pengguna supaya menggunakan link kedua atau second link, dengan izin, bagi mengatasi kesesakan di Tambak Johor. Walau bagaimanapun, kerajaan menggalakkan penggunaan link kedua dengan mengesyorkan supaya syarikat konsesi mengadakan usaha yang mempromosikan laluan berkenaan dengan menambahkan lagi beberapa kemudahan logistik sebagai tambahan kepada kemudahan sedia ada.

Kerajaan ada bercadang untuk mengalihkan kenderaan-kenderaan berat seperti trailer penghantaran, lori pengangkut muatan berat yang berurusan dengan Singapura supaya melalui laluan kedua. Ini dijangka dapat menjaga keselamatan pengguna link kedua yang lain kerana kenderaan-kenderaan berat mungkin membahayakan kepada keselamatan pengguna. Syarikat konsesi telah melantik syarikat perunding bagi mengkaji trafik dan revenue focus, dengan izin.

Walaupun bagaimanapun, perbezaan kadar tol yang begitu ketara telah memaksa pengguna terus menggunakan Tambak Johor. Walaupun kadar tol dikurangkan perbezaannya dengan Tambak Johor masih tinggi. Penurunan kadar tol terlalu rendah akan membebaskan syarikat konsesi yang menghadapi obligasi pembayaran balik pinjaman kepada bank-bank.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kuala Pilah bangun, Yang Berhormat. Ya, sila.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Mohon izin, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya. Saya ada membangkitkan berkenaan kedudukan pembinaan meluruskan Jalan Bukit Putus yang mana Rancangan Malaysia Ketujuh menyatakan bahawa peruntukan telah dibuat dan Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa projek itu akan siap tahun 1999 ini. Saya hanya hendak bertanya untuk penjelasan, macam mana kedudukan projek itu sekarang?

Yang kedua, saya ada bangkitkan berkenaan tanggungjawab menaikkan konsesi, menaikkan tol, macam mana pertimbangan kementerian dari segi cara-cara untuk menentukan supaya kenaikan itu jangan keterlaluan sangat, begitu kerap dan menyusahkan rakyat. Terima kasih.

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya soal Bukit Putus, Yang Berhormat, benar ya Bukit Putus. Keadaan Jalan Bukit Putus, saya rasa menteri sudah jawab dalam sesi Soal-Jawab di Parlimen dua hari yang lepas, sudah diberitahu berkenaan tindakan yang diambil oleh JKR berkenaan jalan ini dan usaha sudah dijalankan untuk membaiki dan meluluskan apa yang diperlukan.

Walaupun pada satu masa dulu ada cadangan seperti saya katakan dalam jawapan saya dahulu untuk mengubah alignment ataupun jajaran jalan ini yang difikirkan lebih selamat, tetapi masih ini tertakluk kepada keadaan seperti yang dijawab oleh menteri tempoh hari bahawa jajaran yang sama digunakan hanya diperbaiki kepada jalan yang sedia ada sekarang ini.

Yang kedua, soal ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, dia bangun, Yang Berhormat.

Dato Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Minta maaf Yang Berhormat. Saya rasa soal hendak buat alignment baru kepada jalan itu akan menelan belanja yang amat besar. Saya persoalkan hanya peruntukan RM20 juta lebih telah pun dibuat dan hanya untuk mempertingkatkan masalah yang ada sekarang dalam jangka masa pendeknya. Saya cuma hendak tahu bila agaknya projek ini akan dilaksanakan?

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Terima kasih, Yang Berhormat. Insyallah, saya akan menyelidik perkara ini dan memberitahu Yang Berhormat secara terperinci berkenaan kedudukan yang terakhir.

Yang kedua, Yang Berhormat telah mempersoalkan tadi soal tol. Seperti mana Yang Berhormat telah maklum bahawa soal tol yang telah banyak jadi masalah ataupun persoalan akhir-akhir ini. Baru-baru ini kerajaan telah memutuskan supaya sebarang, kenaikan tol oleh syarikat konsesi baru hanya boleh dibuat dalam masa dua kali dalam tempoh konsesi itu. Itu satu keputusan baru yang dibuat oleh kerajaan, manakala kenaikan tol kepada konsesi-konsesi yang sedia ada yang termaktub dalam perjanjian konsesi yang tidak semestinya menjadi automatik apabila sampai ke tempoh kenaikan tol. Perkara ini tertakluk kepada perundingan di antara kerajaan dengan syarikat konsesi kerana kerajaan cuba mengelakkan daripada menurunkan harga tol di mana pada akhirnya kerajaan terpaksa bayar ganti rugi kepada syarikat konsesi kerana termaktub dalam perjanjian apabila kita kurangkan tol yang menyebabkan kerugian kepada syarikat konsesi, kerajaan tidak dapat lari daripada tanggungjawab untuk membayar ganti rugi kepada syarikat konsesi yang dimaksudkan.

Oleh kerana itu seperti saya katakan baru-baru ini bahawa jalan yang diambil oleh kerajaan ialah bagi merundingkan terlebih dahulu sebarang kenaikan supaya tidak membebankan pengguna, tidak menyusahkan syarikat konsesi yang meminjam dengan bank-bank dan tidak membebankan kerajaan dari segi kemungkinan membayar balik bayaran-bayaran yang perlu kepada syarikat konsesi. Itu jawapannya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Bagan pula bangun.

Tuan Lim Hock Seng: Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Bukankah dalam kontrak konsesi ada satu terma di mana jikalau pihak PLUS mencapai satu target volume yang ditetapkan maka mereka perlu memberi sebahagian keuntungan itu kepada kerajaan dan sejak Lebuhraya PLUS ini dibuka sampai sekarang sama ada unjuran ini telah tercapai dan jikalau ada, berapa banyak pula dibahagikan kepada kerajaan?

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, memang benar PLUS merupakan sebagai sebuah konsesi yang pertama, satu-satu syarikat di mana dalam perjanjian konsesi ada termaktub iaitu bila pencapaian trafik melebihi daripada fokus yang dimaksudkan, ada clause yang mengatakan bahawa keuntungan daripada collection itu akan diberikan kepada kerajaan sebahagian daripadanya. Tetapi saya tidak dapat beritahu Yang Berhormat berapa setakat ini kerana perkara ini tidak ditimbulkan dalam perbincangan, saya boleh siasat dan beritahu Yang Berhormat secara bertulis perkara ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua itu sahaja yang dapat saya sampaikan sebagai pengumuman kepada perbincangan ini dan saya ingin ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan ini dan sebarang perkara-perkara yang telah disentuh dan tidak dijawab, saya berjanji akan mengambil perhatian serius. Terima kasih.

Seorang Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Jam sudah hampir 1.00, Yang Berhormat. Minta Menteri Kesihatan untuk menjawab sebelah petang, 2.30 petang.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua, *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Sila sambung, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan.

2.30 ptg.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian kepada isu-isu di bawah fungsi dan tanggungjawab Kementerian Kesihatan, semasa berucap membahaskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Serdang telah meminta supaya hospital baru, kampus UPM dibina di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, Pusat Kesihatan Batu 14 dinaikkan taraf, Hospital Kinrara iaitu hospital angkatan tentera digantikan dengan membina klinik kesihatan di Batu 8, Puchong dan meminta dibina satu klinik baru di Cheras, iaitu di Bandar Tun Hussein Onn.

Untuk makluman Yang Berhormat dari Serdang, cadangan pembinaan hospital baru kampus UPM dengan 700 buah katil akan dilaksanakan dalam tahun 1999. Begitu juga dengan projek pembinaan klinik baru di Cheras, Bandar Tun Hussein Onn juga akan dilaksanakan dalam tahun 1999 ini.

Berkenaan cadangan menaikkan taraf Pusat Kesihatan Batu 14, ianya akan mula dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelapan kerana projek ini tidak disenaraikan di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Berkenaan dengan cadangan untuk menggantikan Hospital Kinrara, ia akan dicadangkan pelaksanaannya di dalam Rancangan Malaysia Kelapan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kluang, meminta supaya hospital baru Kluang dibina pada Penggal Pertama Rancangan Malaysia Kelapan. Beliau menyarankan supaya tiada lagi perubahan perancangan dibuat. Kementerian Kesihatan akan mencadangkan kepada agensi Pusat supaya pertimbangan diberi untuk pelaksanaan projek ini di dalam Rancangan Malaysia Kelapan.

Yang Berhormat dari Yan telah membangkitkan isu penswastan dan menyeru kerajaan supaya mengkaji semula cadangan penswastan hospital dan cadangan penswastan rawatan mesin dialysis, memandangkan ianya melibatkan kumpulan rakyat yang miskin. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan tidak bercadang untuk menswastakan perkhidmatan penjagaan kesihatan termasuk hospital-hospital di Kementerian Kesihatan, sebaliknya hanya akan mengkorporatkan perkhidmatan tersebut.

Walau bagaimanapun, kerajaan akan memastikan bahawa pelaksanaan cadangan pengkorporatan tidak akan membebankan orang ramai khususnya golongan yang miskin. Mengenai cadangan penswastan rawatan mesin dialysis, cadangan yang dikemukakan oleh syarikat swasta tersebut masih dalam pertimbangan Unit Perancang Ekonomi. Kerajaan juga akan memastikan bahawa sekiranya cadangan tersebut dilaksanakan, ianya tidak akan membebankan golongan rakyat yang miskin.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Gelang Patah meminta supaya diwujudkan poliklinik di Taman Universiti. Untuk makluman Yang Berhormat, tapak tanah seluas 2.2 ekar telah diperolehi dan peruntukan untuk pelaksanaan projek tersebut akan dibuat dalam tahun 2000. Berkenaan dengan cadangan poliklinik di Taman Perling, sukacita dimaklumkan tapak tanah seluas 2.8 ekar telah diperolehi dan peruntukan akan diberi untuk pelaksanaannya pada tahun 2002 juga.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja jawapan kepada soalan-soalan ataupun perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekiranya ada yang tertinggal, kementerian akan mengambil perhatian dan pertimbangan mengikut apa yang telah pun dibangkitkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Luar Negeri.

2.35 ptg

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-perkara di bawah bidang Kementerian Luar Negeri semasa membahaskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh dari 22 April hingga 28 April 1999.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh beberapa isu, satunya, suruhanjaya kebangsaan mengenai hak asasi manusia. Yang Berhormat dari Tanjong, telah membangkitkan perkara mengenai suruhanjaya kebangsaan mengenai hak asasi manusia pada 22 April 1999 yang lalu. Sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, semasa Malaysia menganggotai Suruhanjaya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai hak asasi manusia, Kementerian Luar Negeri telah menyelaraskan semua isu berkaitan dengan hak asasi manusia yang dibangkitkan di PBB. Isu institusi kebangsaan mengenai hak asasi manusia juga turut dibincangkan di Suruhanjaya PBB ini. Penyelarasan hak asasi manusia telah dibuat melalui mesyuarat antara agensi-agensi berkaitan yang diadakan dari semasa ke semasa dan dipengerusikan oleh Ketua Delegasi Malaysia ke mesyuarat berkenaan.

Peranan Kementerian Luar Negeri ke atas isu Suruhanjaya Kebangsaan Hak Asasi Manusia hendaklah dilihat sebagai lanjutan kepada tugasnya sebagai agensi, sebagai kementerian yang menyelaraskan isu-isu hak asasi manusia yang dibincangkan di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Untuk makluman Yang Berhormat dari Tanjong juga, draf Akta Suruhanjaya Kebangsaan Hak Asasi Manusia telah digubal bersama oleh agensi-agensi berkaitan dengan menggunakan The Paris Principal Relating To The Status of National Institution sebagai panduan. Seperti mana yang telah saya jelaskan sebelum ini, draf tersebut akan dibentangkan kepada Dewan yang mulia ini untuk dibahaskan. Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk Yang Berhormat dari Tanjong bebas mengemukakan ulasan dan pendapat masing-masing mengenai draf tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan ulasan mengenai soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat di sesi Parlimen lepas, iaitu mengenai kenapa kerajaan Malaysia telah memilih untuk tidak menyertai mekanisme hak asasi manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk mengkaji semula proses kemajuan pelaksanaan pengisytiharaan dan rancangan bertindak Vienna, ianya tidaklah perlu dibangkitkan lagi. Kementerian Luar Negeri telah menjawab soalan tersebut iaitu tidak benar Malaysia tidak menyertai proses mengkaji semula progress atau kemajuan melaksanakan pengisytiharaan dan rancangan bertindak Vienna.

Sebagai pengerusi kumpulan kerja mengenai hak asasi manusia yang ditubuhkan di bawah pergerakan negara-negara berkecuali atau dengan izinnya, Non-Align

Movement (NAM), bukan sahaja Malaysia telah memainkan peranan utama tetapi berjaya dalam memperolehi kata sepakat negara-negara Non-Align Movement mengenai isu ini, dan selanjutnya telah mengemukakan pendirian bersama NAM mengenai proses tersebut.

Kerajaan mengambil maklum berhubung dengan cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Tanjong supaya diwujudkan satu pelan tindakan hak asasi manusia di Malaysia. Saya berpendapat, apabila Suruhanjaya Kebangsaan Hak Asasi Manusia ditubuhkan, suruhanjaya ini bolehlah mengkaji sama ada perlu cadangan tersebut dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu sekatan kebebasan bersuara oleh Ahli-ahli Parlimen di Malaysia, Yang Berhormat dari Tanjong sedia maklum bahawa Ahli-ahli Parlimen Malaysia bebas bersuara dalam Dewan yang mulia ini. Kebebasan bersuara Ahli-ahli Parlimen di luar Dewan yang mulia ini pula adalah seperti rakyat Malaysia yang lain, tidak ada perbezaannya iaitu mengikut undang-undang yang sedia ada.

Berkenaan dengan isu penghukuman Dato' Seri Anwar Ibrahim yang dikatakan menjadi mangsa politik itu, ini hanyalah pendapat Yang Berhormat dari Tanjong dan beliau bebas mengemukakan pendapat beliau. Apa yang ingin kita tegaskan di sini adalah, kes tersebut telah melalui proses undang-undang dan mahkamah telah membuat keputusan ke atasnya. Selain itu, perbicaraan beliau telah dijalankan secara terbuka dan telus. Akhbar-akhbar tempatan telah membuat liputan laporan kata demi kata (verbatim) dan menerbitkan di dalam akhbar secara harian. Wartawan dan diplomat asing juga telah membuat liputan mengenai kes berkenaan.

Keputusan mahkamah atas kes ini hendaklah dihormati. Bagi mereka yang tidak berpuas hati mengenai sesuatu keputusan mahkamah, sistem kehakiman kita memperuntukkan mereka untuk mengemukakan rayuan dan langkah ini telah diambil oleh Dato' Seri Anwar sendiri pada 26 April 1999 yang lalu.

Mengenai rusuhan dan kacau bilau bilau pihak mahkamah menjatuhkan hukuman enam tahun terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim, kerajaan berpendapat bahawa tunjuk perasaan sebeginilah yang tidak diinginkan berlaku. Tunjuk perasaan ini bertukar menjadi rusuhan dan kacau bilau dan melibatkan kerosakan harta-benda awam, perlu dibendung. Jika tidak dibendung rusuhan sebegini di peringkat awal, ia boleh mencetuskan peristiwa-peristiwa lebih dahsyat lagi yang tidak diinginkan oleh majoriti rakyat Malaysia. Kerajaan memberikan kebebasan untuk bersuara dan tunjuk perasaan tetapi tidak digunakan untuk membuat rusuhan dan merosakkan harta-benda.

Berkaitan dengan hukuman yang telah dikenakan terhadap Encik Lim Guan Eng di mana telah dikatakan hak kebebasan beliau bersuara telah disekat, sepatutnya perkara ini tidak perlu dibangkitkan lagi memandangkan mahkamah kita telah membuat keputusan ke atas kes ini dan proses rayuan telah dibuat dan diputuskan. Sebagaimana saya tegas sebelum ini, kebebasan bersuara yang diberikan kepada rakyat Malaysia adalah tertakluk kepada undang-undang yang berkaitan dan ia tidak boleh dijadikan sebagai lesen untuk kita mencetuskan peristiwa-peristiwa yang tidak diinginkan.

Dalam hal ini, Yang Berhormat dari Tanjong hendaklah menerima hakikat bahawa kes bekas Ahli Parlimen berkenaan telah melalui proses undang-undang termasuk mengemukakan rayuan kepada Yang di-Pertuan Agong. Dalam hal ini keputusan mahkamah dan Yang di-Pertuan Agong hendaklah dihormati.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja jawapan dari Kementerian Luar Negeri mengenai isu-isu yang telah dibangkitkan dan sekali lagi saya mengucapkan terima kasih atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh perkara-perkara di bawah Kementerian Luar Negeri. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

2.43 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Kerk Choo Ting]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran, cadangan dan pandangan yang membina semasa membahaskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh mengenai perkara-perkara yang ada hubungkait dengan bidang kuasa kementerian saya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Gelang Patah, saya ingin memberi makluman seperti berikut, di bawah Pelan Induk Perindustrian Kedua iaitu IMP2 kerajaan telah memberi penekanan kepada aktiviti-aktiviti perkilangan yang berasaskan pengetahuan dan teknologi. Dalam usaha meningkatkan penggunaan teknologi supaya mengeluarkan barangan yang berdaya saing, pelbagai insentif telah disediakan dan ini termasuk pemberian taraf perintis atau elaun cukai pelaburan bagi syarikat yang melabur dalam industri berteknologi tinggi dan strategik.

Kerajaan juga sedang berusaha mempertingkatkan kegiatan R&D di kalangan industri tempatan untuk mengekalkan daya saing industri serta membangunkan teknologi tempatan. Sehubungan ini kerajaan juga membekalkan pelbagai insentif R&D seperti potongan cukai dua kali ke atas perbelanjaan R&D, pengecualian duti import terhadap bahan serta peralatan yang digunakan untuk menjalankan kegiatan R&D. Taraf perintis dan cukai pelaburan untuk syarikat R&D.

Di samping itu kerajaan juga memberi grant penyelidikan. Ini termasuk program IRPA yang memberi grant kepada institusi penyelidikan tempatan dan universiti menjalankan R&D bagi semua sektor ekonomi termasuk sektor pembuatan. Sektor swasta juga diberi grant penyelidikan untuk menjalankan R&D di bawah program IGS iaitu Industrial Grant Scheme dengan izin, di bawah dana pengkomersialan R&D yang sedia ada dan hasil penyelidikan dapat dikomersialkan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Tambun, insentif pengecualian cukai selama 10 tahun kepada syarikat IKS ini adalah merujuk kepada insentif taraf perintis kepada syarikat vendor yang bertaraf dunia di mana syarikat vendor tersebut mesti memenuhi kriteria di antaranya ialah:

- (i) syarikat mesti disahkan sebagai peserta dalam program rantaian industri yang dikendalikan oleh SMIDEC, program vendor di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan atau program pembangunan usahawan di bawah Kementerian Kewangan;
- (ii) produk perantaraan mestilah mencapai tahap peratusan eksport ke pasaran utama; dan
- (iii) syarikat mesti mempunyai rekod eksport ke atas produk yang layak dan mestilah mempunyai nilai tambah yang ditetapkan;

Insentif ini bertujuan untuk menggalakkan syarikat-syarikat IKS mengeksport keluaran mereka ke pasaran dunia.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Tumpat, isu syarikat Proton telah pun dijelaskan oleh Timbalan Menteri Kewangan. Saya cuma ingin memberi sedikit maklumat tambahan.

Mengenai rasional cadangan Petronas mengambil alih saham-saham syarikat HICOM dalam syarikat Proton adalah kerana Petronas sudah mempunyai keupayaan mengeluarkan enjin kereta yang akan membantu syarikat Proton dalam mengeluarkan

enjin sendiri bagi kereta-kereta nasional. Ini akan mengurangkan kos kereta dalam jangka panjang. Sememangnya syarikat Proton telah menjalankan usaha-usaha bagi menghadapi cabaran akibat AFTA dengan mengambil langkah-langkah berikut:

- (i) melabur dalam aktiviti penyelidikan dan pembangunan;
- (ii) mendapatkan komponen secara multi-sourcing, dengan izin;
- (iii) memperkenalkan sistem modular yang akan mengurangkan masa pemasangan, mengurangkan inventory dan menjamin mutu komponen; dan
- (iv) mengeluarkan model sendiri pada tahun 2000.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong, kerajaan pun telah menyediakan insentif-insentif bagi menggalakkan sektor swasta menyediakan latihan teknikal dan vokasional seperti berikut:

- (i) elaun cukai pelaburan sebanyak 100% bagi tempoh 10 tahun diberi kepada sektor swasta yang menubuhkan institusi latihan teknikal dan vokasional. Di samping itu syarikat sedia ada yang menambahkan pelaburan dalam latihan dan peralatan latihan juga layak mendapat insentif ini;
- (ii) bahan, peralatan dan mesin yang digunakan bagi tujuan latihan diberi pengecualian duti import, cukai jualan dan duti eksise.
- (iii) potongan sekali untuk tujuan cukai pendapatan diberi bagi sumbangan wang tunai kepada institusi latihan, teknikal atau Vokasional yang bukan berorientasikan keuntungan atau kepada institusi latihan yang ditubuhkan oleh badan-badan berkanun; dan
- (iv) elaun sebanyak 10% ke atas pelaburan modal yang layak diberi kepada syarikat yang telah membuat perbelanjaan ke atas pembinaan pembangunan bagi tujuan latihan, teknikal dan vokasional.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih di atas teguran dan pandangan. Yang tidak sempat dijawab buat kali ini dan perkara-perkara tersebut akan diambil perhatian sewajarnya. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Pertanian.

2.51 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Berhormat Menteri saya mengucapkan terima kasih kepada beberapa ahli Yang Berhormat yang telah membangkit dan menyentuh mengenai beberapa perkara yang berkaitan dengan Kementerian Pertanian semasa membahas Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh di Dewan yang mulia ini. Di antaranya Yang Berhormat dari Tambun, Kubang Kerian, Marang, Muar, Yan, Tumpat, Parit Buntar, Sipitang, Mentakab, Bagan, Tawau dan Hulu Terengganu.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kegawatan ekonomi yang berlaku telah memberikan peluang kepada Kementerian Pertanian untuk meneliti semula sektor pertanian secara menyeluruh termasuk sumbangannya ke atas ekonomi negara secara positif. Sungguhpun terdapat barang-barang keperluan sektor pertanian yang boleh diimport tetapi ini adalah tidak selari dengan dasar untuk mengurangkan jurang pengaliran keluar wang tunai negara. Di samping itu, harga barang-barang yang diimport akan berubah mengikut bekalan dan kadar tukaran wang asing yang juga sering berubah-ubah. Oleh yang demikian, adalah lebih baik jika boleh barang-barang ini dikeluarkan di dalam

negara. Jika ianya perlu juga diimport, maka pengimportan daripada sumber yang lebih murah akan dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara yang dibangkit oleh ahli-ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian, Marang dan Tumpat, sukacita dimaklumkan yang sektor pertanian akan mengekalkan kepentingannya dalam ekonomi negara setanding sektor perindustrian. Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3) yang telah diluluskan oleh kerajaan, telah menggariskan teras, dasar, strategi dan mekanisme bagi memenuhi lima kepentingan nasional yang diantaranya adalah keselamatan makanan atau food security, dengan izin, dan kecukupan makanan ataupun food sufficiency. Langkah-langkah ini dari segi jangka pendek, sederhana dan panjang telah dikenal pasti bagi dilaksanakan di dalam DPN3.

Pendekatan yang diambil di dalam DPN3 ini akan menggalakkan kumpulan-kumpulan pertanian yang sedia ada dan juga sektor swasta untuk mencebur dalam sektor pertanian secara komersial. Strategi pendekatan berasaskan produk yang telah dikenal pasti di dalam DPN3 itu akan menghubungkan pengeluaran pertanian hulu dengan keperluan pasaran hiliran di mana aktiviti-aktiviti dari segi pengeluaran, pemprosesan dan pemasaran akan digiatkan secara bersepadu. Dengan pendekatan ini, sektor pertanian diharap akan dapat mengubah cara-cara pengeluaran makanan negara daripada kecil-kecilan dengan pengeluaran berbentuk komersial.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Yan juga, subsidi dan insentif memang diberi kepada petani selama ini. Bagi padi misalnya, kerajaan ada memberi bantuan harga sebanyak RM24.81 bagi setiap 100 kilogram dan bantuan baja 5 kampit baja campuran, 2 kampit baja urea bagi setiap ekar bagi mereka yang memiliki kurang daripada 6 ekar tanah sawah padi.

Selain daripada itu, kerajaan juga memberi bantuan dalam bentuk yang lain seperti biji benih berkualiti dengan harga subsidi, khidmat teknikal, pengurusan air, pembinaan prasarana asas seperti parit, saluran dan jalan. Kerajaan berpendapat subsidi dan bantuan yang diberikan kepada petani sekarang adalah memadai. Walau bagaimanapun, kerajaan akan mengkaji insentif dan bantuan kepada petani dari semasa ke semasa untuk menggalakkan mereka supaya terus berusaha dalam sektor pertanian.

Kerajaan setakat ini tidak bercadang untuk memberi subsidi kepada syarikat-syarikat swasta untuk menarik minat mereka melibatkan diri dalam sektor pertanian. Ini perlu bagi memastikan industri berkenaan dapat bersaing secara sihat. Walau bagaimanapun, kerajaan akan memberi bantuan secara langsung dalam menyediakan skim-skim pinjaman di samping insentif cukai di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dan Akta Pertanian di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967. Berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sipitang, sukacita dimaklumkan bahawa langkah-langkah sedang diambil untuk meningkat produktiviti yang telah dikenal pasti di dalam DPN3.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan penggunaan baja, kerajaan telah pun mengambil beberapa langkah untuk mengurangkan import baja. Di antara langkah-langkah tersebut ialah dengan mendidik para petani supaya menggunakan baja dengan lebih berkesan. Dalam hubungan ini pihak Kementerian Pertanian sentiasa menggalakkan para petani supaya menggunakan straight fertilizers yang boleh mengurangkan penggunaan baja sebanyak 30%. Selain daripada itu, kaedah diagnostic recommendation intergrated system (DRIS) di mana kuantiti baja digunakan mungkin mengikut unsur-unsur baja yang diperlukan oleh tanaman di sesuatu lokasi yang spesifik juga terus digalakkan. Sementara itu, Kementerian Pertanian juga menggalakkan para petani supaya mengamalkan pertanian secara organik, organic farming, dengan izin, sebagai salah satu daripada alternatif kepada amalan pertanian yang sedia ada. Penanaman secara organik

bukan sahaja dapat mengurangkan penggunaan baja kimia bahkan penggunaan racun perosak dan bahan penggalak pertumbuhan (grows regulators).

Mengenai import jentera pertanian, buat masa ini kebanyakannya masih perlu diimport dari luar negeri kerana belum ada lagi jentera buatan tempatan yang dapat menggantikan kebanyakan jentera ini. Bagi makanan ternakan, usaha akan diteruskan untuk mencari produk-produk yang dapat meningkatkan kecekapan pencernaan makanan untuk ternakan, menjadikan isi rong kelapa sawit satu produk yang lebih sesuai dapat ditingkatkan penggunaannya di dalam makanan ayam serta mencari fibre jagung atau tanaman gantian kepadanya yang ada potensi berpelupuan tinggi dan memberi pulangan yang kompetitif berbanding dengan tanaman komersial yang lain.

Bahan makanan terumus millet feed merupakan input utama dalam industri ternakan ikan komersial. Kos bahan makanan menyumbang antara 40% hingga 60% pada kos pengeluaran ternakan. Ternakan udang, ikan air tawar atau laut di negara ini menggunakan tidak kurang daripada 80,000 tan metrik bahan makanan bernilai kira-kira RM240 juta setahun. Sebahagian besar daripada keperluan tersebut diimport selain daripada makanan siap diproses, industri pengilangan makanan ternakan di negara ini juga mengimport bahan-bahan mentah pemprosesan. Bahan mentah utama adalah tepung ikan (fish meal) dan juga jagung.

Berdasarkan kepada unjuran pengeluaran akuakultur sebanyak 600,000 tan metrik pada tahun 2010, industri ternakan ikan negara ini akan memerlukan hampir 700,000 tan metrik makanan. Menyedari bahan makanan ternakan merupakan input yang paling kritikal untuk memastikan industri akuakultur negara dapat dibangunkan seperti yang dirancang, Kementerian Pertanian telah merangka dasar supaya pengimportan bahan makanan atau bahan mentah pemprosesan makanan akan diminimumkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Sipitang yang menyentuh mengenai produktiviti perikanan di luar bandar, sukacita dimaklumkan peningkatan produktiviti perikanan luar bandar terutama dalam bidang ternak ikan dalam sangkar adalah satu dari strategi yang telah diambil oleh kerajaan bagi meningkatkan pengeluaran ikan. Untuk ini, kerajaan telah menggalakkan:

- (i) peningkatan kepada pelepasan benih;
- (ii) meningkatkan bekalan benih yang bermutu dengan harga yang berpatutan; dan
- (iii) meningkatkan khidmat pengembangan latihan dan bimbingan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas segala teguran, nasihat dan cadangan yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai perkara yang menyentuh Kementerian Pertanian semasa membahaskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh. Insya-Allah, segala perkara yang dibangkitkan dan tidak sempat dijawab pada hari ini akan terus diberi perhatian dan diambil tindakan oleh Kementerian Pertanian. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Pendidikan.

3.01 ptg.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh dan telah membangkitkan pelbagai perkara, isu serta cadangan yang menyentuh Kementerian Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, tentang pendidikan tinggi, Kementerian Pendidikan menyambut baik saranan Yang Berhormat dari Tambun agar kerjasama di antara pihak universiti dan swasta ditingkatkan terutamanya dalam bidang teknologi.

Sejajar dengan matlamat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan di rantau ini, universiti-universiti tempatan telah diminta menggiatkan lagi usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D) terutama sekali dalam bidang-bidang kritikal. Dalam hubungan ini, pihak kerajaan amat mengalu-alukan pemberian grant oleh pihak swasta bagi tujuan penyelidikan. Program seumpama ini terutamanya bagi penyelidikan produk-produk yang berpotensi untuk dipasarkan memang telah sedia berjalan di IPTA secara perkongsian bijak dengan pihak swasta. Memanglah menjadi hasrat Kementerian Pendidikan untuk meningkatkan kualiti dan kepakaran tenaga mengajar di universiti-universiti tempatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau, melalui pengkorporatan IPTA, skim perkhidmatan pensyarah di IPTA telah diperbaiki bagi mengekalkan pensyarah yang sedia ada di samping menarik minat mereka yang berkualiti berkhidmat terus di IPTA.

Selain penerbitan, pensyarah-pensyarah juga digalakkan membentangkan hasil penyelidikan masing-masing di persidangan-persidangan ilmiah terutamanya di peringkat antarabangsa.

Berhubung tindakan yang bakal diambil terhadap pelajar yang terlibat dalam tunjuk perasaan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Yan, mengikut Artikel 45 Bahagian V, Peraturan Disiplin Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1996, seseorang pelajar yang sabit kesalahan disiplin boleh dikenakan salah satu, dua atau lebih daripada hukuman yang ditetapkan.

Hukuman itu ialah sama ada diberikan amaran, didenda, digantung daripada sebarang atau semua kemudahan universiti dan dibuang daripada universiti. Namun begitu, tindakan membuang terus pelajar yang terlibat dalam demonstrasi reformasi merupakan pilihan yang terakhir kerana masa depan mereka masih menjadi keutamaan.

Berhubung isu Borang UPU yang diedarkan melalui Bank Simpanan Nasional (BSN) yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Hulu Terengganu, untuk makluman, BSN dapat menyediakan sistem online secara elektronik yang baik menerusi 400 cawangan BSN di seluruh negara. Ini memudahkan pemantauan jumlah jualan borang dan jumlah kutipan. BSN telah menawarkan kos perkhidmatan yang paling minimum. Jualan melalui Jabatan Pendidikan Negeri dan Jabatan Pendidikan Daerah tidak sesuai kerana ianya akan menambah tugas-tugas pegawai di JPN dan JPD.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong, pihak kerajaan belum bercadang untuk memberikan insentif kepada IPTS untuk menganjurkan kursus dalam bidang kemahiran atau vokasional. Pelajar-pelajar yang berminat boleh mengikuti bidang-bidang kemahiran atau vokasional di politeknik atau institusi-institusi kemahiran yang membolehkan mereka menjadi tenaga kerja mahir.

Ahli Yang Berhormat dari Hulu Terengganu telah meminta Kementerian Pendidikan mengkaji kemampuan pelajar miskin untuk memasuki IPTS kerana kosnya terlalu tinggi. Untuk makluman, pada dasarnya sebarang kenaikan yuran di IPTA dan IPTS adalah tertakluk kepada peraturan dan kawalan dasar oleh pihak Kementerian Pendidikan. Kerajaan sentiasa memastikan peluang pelajar yang kurang berkemampuan tidak terjejas untuk melanjutkan pengajian di peringkat tinggi.

Untuk tujuan tersebut, kemudahan pembiayaan pendidikan disediakan melalui agensi-agensi kerajaan seperti Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional, Jabatan Perkhidmatan Awam, Majlis Amanah Rakyat dan Yayasan-yayasan Negeri. Malahan

kebanyakan IPTS juga menawarkan biasiswa atau bantuan kewangan untuk para pelajarnya.

Tentang kurikulum. Mengenai program latihan dan bidang-bidang teknikal dan vokasional bagi pelajar-pelajar yang mendapat keputusan yang lemah dalam peperiksaan awam, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau, bagi pelajar-pelajar lepasan PMR, Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan Program Sekolah Kerjaya untuk membekalkan pelajar-pelajar dengan pengetahuan asas dan kemahiran boleh guna melalui pengalaman tempat kerja. Program ini dirangka melalui satu pakej perbelanjaan yang mengandungi dua komponen iaitu bantuan pengajaran dan pembelajaran dan latihan tempat kerja. Program ini telah berjalan secara rintis di 28 buah sekolah terpilih di seluruh negara pada 1 Julai 1998 dan dengan melibatkan sebuah sekolah di kawasan bandar dan sebuah di kawasan luar bandar bagi setiap negeri.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera telah meminta supaya Dasar Pendidikan Negara dikaji semula bagi melahirkan generasi yang berpengetahuan dalam bidang teknologi maklumat, berfikiran terbuka serta mampu membuat keputusan.

Untuk makluman, Dasar Pendidikan Negara dikemaskinikan dari masa ke semasa serta memberi fokus kepada penggunaan teknologi maklumat di dalam aspek pengajaran dan pembelajaran. Untuk menjayakan perancangan tersebut, Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan program pengkomputeran, membekalkan kelengkapan komputer, mengadakan program latihan teknologi maklumat untuk guru dan penghasilan perisian kursus.

Kementerian Pendidikan memandang serius dan berusaha sepenuhnya ke arah menggalakkan pelajar-pelajar supaya memilih kursus-kursus dalam bidang sains dan teknologi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau, Kementerian Pendidikan telah menerbitkan enam jilid buku penyelidikan kerjaya sekolah menengah dan sepuluh siri pendidikan kerjaya sekolah rendah dalam bidang sains dan teknologi untuk digunakan oleh kaunselor pelajar dan guru bimbingan sebagai bantuan untuk melaksanakan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kerjaya di sekolah.

Sejajar dengan lantikan kaunselor sepenuh masa di sekolah, semua sekolah menengah telah melaksanakan Program Gerak Gempur Kerjaya, lawatan ke institusi agensi pekerjaan, program motivasi, pameran, pertandingan dan seminar kerjaya bagi menggalakkan penyertaan pelajar dalam bidang sains dan teknologi.

Berhubung dengan pengukuhan pelajaran Jawi yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru, Kementerian Pendidikan akan terus mewajibkan pelajaran Jawi diikuti oleh semua murid Islam dari tahun satu hingga akhir tempoh persekolahan mereka. Pelajaran Jawi juga akan terus diperkukuhkan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam.

Selain dari itu, Kementerian Pendidikan juga berusaha menyediakan huraian Sukatan Pelajaran Jawi, membekalkan buku-buku bantuan, pengajaran dan latihan yang berterusan, mengadakan kursus perisian komputer tentang pengetahuan pelajaran Jawi dan memperbanyakkan bahan-bahan bacaan Jawi dalam pasaran. Ini sejajar dengan hasrat Kementerian Pendidikan untuk melahirkan murid-murid Islam yang celik al-Quran dan mahir dalam penulisan dan pembacaan Jawi.

Ahli Yang Berhormat dari Bintulu telah mencadangkan agar pelajar-pelajar Tingkatan VI diberi kebebasan untuk memilih mata pelajaran mengikut minat mereka dan tidak ditetapkan mengikut bidang pengkhususan.

Untuk makluman, STPM merupakan peperiksaan terbuka dan pelajar-pelajar Tingkatan 6 boleh memilih mata pelajaran yang diminati. Namun begitu, pilihan mata pelajaran ini terbatas kepada mata pelajaran yang dapat ditawarkan di sesebuah sekolah.

Pemilihan mata pelajaran harus mengambil kira kriteria-kriteria yang ditetapkan untuk kemasukan ke universiti agar ia relevan dengan penawaran bidang-bidang kursus dan menjurus kepada keperluan semasa.

Tentang isu-isu perjawatan guru, Yang Berhormat dari Senai dan Yang Berhormat dari Bukit Mertajam telah mengemukakan cadangan supaya pengambilan pelajar-pelajar bagi pengkhususan Bahasa Cina di IPT dipertingkatkan. Perlu dijelaskan bahawa bidang pengajian Cina ditawarkan di sesetengah universiti tempatan dan terpulang kepada pelajar-pelajar yang berminat untuk membuat pengkhususan dalam bidang tersebut.

Kementerian Pendidikan juga telah meningkatkan unjuran pengambilan calon untuk bidang pengkhususan pengajian Cina di Maktab Perguruan. Unjuran bagi tahun ini adalah seramai lebih kurang 830 orang.

Tentang pembangunan premis pendidikan, Yang Berhormat dari Batang Lupar telah membangkitkan isu pembaikan dan penyelenggaraan 31 buah sekolah di kawasan Batang Lupar, perlu dijelaskan untuk kontrak pembaikan dan penyelenggaraan 927 buah sekolah di seluruh negeri Sarawak ialah selama dua tahun iaitu mulai 23 Oktober 1998. Kontrak ini termasuklah penyelenggaraan bagi rumah guru dan asrama. Pegawai-pegawai Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pendidikan Negeri dan pihak kontraktor terbabit mengadakan lawatan ke sekolah-sekolah untuk mengenal pasti kerosakan yang perlu diperbaiki secara berperingkat. Setakat ini 50 buah projek telah disiapkan dan dijangkakan 450 buah projek akan disiapkan menjelang akhir tahun ini.

Mengenai permintaan supaya dibina sebuah sekolah wawasan di Taman Universiti, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Gelang Patah, untuk makluman, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, pembinaan sebuah sekolah menengah baru iaitu Sekolah Menengah Taman Universiti II sedang dalam peringkat tender dan dijangka siap pada tahun 2000.

Mengenai sekolah wawasan pula, Kementerian Pendidikan telah merancang pembinaan tujuh buah sekolah wawasan termasuk sebuah di Segamat, Johor. Keluasan projek ini adalah tertakluk kepada pelaksanaan sekolah-sekolah tersebut.

Berhubung permintaan Yang Berhormat dari Bukit Mertajam agar sebuah sekolah menengah jenis kebangsaan Cina dibina bagi menampung pelajar-pelajar dari kawasan Seberang Perai Utara dan Selatan, untuk makluman, perancangan projek pendidikan di sesuatu kawasan bergantung kepada keperluan masyarakat setempat dengan keutamaan diberikan kepada kawasan-kawasan yang mempunyai keperluan yang mendesak.

Mengenai kesepaduan sistem pendidikan, Yang Berhormat dari Johor Bahru telah meminta supaya Institut Terjemahan Negara (ITNM) memainkan peranan yang lebih aktif dalam usaha menterjemah bahan-bahan daripada bangsa asing. Untuk makluman, ITNM melaksanakan aktiviti penterjemahan buku dan dokumen bahasa asing kepada bahasa Melayu dan menterjemah buku bahasa Melayu ke bahasa asing. Sehingga kini terdapat lebih 700 penterjemah yang berdaftar dengan ITNM dan dari jumlah itu hampir 200 orang melaksanakan kerja-kerja penterjemahan secara aktif.

Semenjak penubuhannya, ITNM telah menerbitkan sebanyak 43 judul buku terjemahan sebagai bahan rujukan dan pengayaan.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja yang dapat saya jelaskan mengenai perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Pendidikan yang ditimbulkan. Perkara-perkara yang tidak sempat saya jelaskan kali ini akan diberi perhatian dan tindakan sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Penerangan.

3.15 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Penerangan semasa membahaskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Tanjong telah membangkitkan isu mengenai ruang cetusan rasa dalam laman web yang dikelolakan oleh Kementerian Penerangan telah dilawati oleh kira-kira 69,000 pengunjung di mana mengikut kajian beliau hanya 7% sahaja yang menyokong kerajaan manakala 93% lagi merupakan kritikan dan kutukan kepada kerajaan. Beliau ingin tahu adakah kerajaan menerima hakikat yang cetusan rasa rakyat itu merupakan cetusan rakyat yang setia dan patriotik dan tindakan Kementerian Penerangan ke atasnya.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan laman web ruang cetusan rasa diwujudkan ialah untuk membolehkan rakyat Malaysia melahirkan rasa hati dan pendapat mereka dengan penuh kebebasan dan bertanggungjawab. Dari apa yang dapat diperhatikan dan terdapat golongan tertentu yang telah menyalahgunakan kemudahan ini dengan mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang tidak bertanggungjawab dan menyimpang daripada tujuan asal laman web ini diwujudkan. Malah laman web cetusan rasa ini dapat juga dijadikan kayu pengukur, kematangan minda penggunanya dari segi melahirkan pendapat dan cadangan yang bernas, membina dan bertanggungjawab. Sejumlah besar dari mereka yang mengkritik kerajaan itu tidak berupaya memberi hujah atau pendapat yang boleh diberikan perhatian. Ianya menggambarkan kumpulan ini hanya pandai mengkritik dan berupaya memberi sumbangan yang positif terhadap pembinaan minda rakyat. Walau bagaimanapun, kementerian berpendapat laman web ini masih berguna untuk diberi ruang kepada rakyat melahirkan pendapat mereka sendiri secara terbuka. Dalam pada itu, kementerian juga memantau laman web ini dan di mana berkaitan akan diambil tindakan memberi penerangan yang betul melalui program atau aktiviti media elektronik dan kegiatan komunikasi bersemuka oleh Jabatan Penerangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Kementerian Penerangan sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan mengenai hal-hal yang berkaitan dengan Kementerian Penerangan semasa membahaskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

3.18 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Mohd. Noh bin Rajab]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan yang telah mengambil bahagian dan menyentuh mengenai Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dalam perbahasan ke atas Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tuan Yang di-Pertua, antara langkah-langkah bagi mempertingkatkan industri pelancongan negara adalah dengan:

- (i) mempertingkatkan kegiatan promosi di dalam dan luar negara;
- (ii) mempertingkatkan kemudahan infrastruktur dan aksesibiliti;
- (iii) meningkatkan kerjasama serantau;

- (iv) meningkatkan kempen promosi pelancongan domestik;
- (v) mempelbagaikan produk-produk pelancongan.

Sementara itu kementerian juga sentiasa mengingatkan kepada 'front liners' dengan izin, untuk memberi layanan yang baik kepada pelancong-pelancong agar ini dapat memikat hati mereka untuk datang semula.

Tuan Yang di-Pertua, antara tindakan yang diambil oleh kementerian untuk mengatasi masalah penurunan kadar purata penginapan hotel-hotel di Malaysia adalah seperti berikut:

- (i) menganjurkan suai-kenal bersama dengan pihak media massa dan agensi-agensi pelancongan dan pengembaraan bagi meninjau kemudahan-kemudahan yang terdapat di hotel-hotel terutamanya hotel-hotel yang baru dibuka;
- (ii) mengadakan kegiatan mesyuarat insentif, konvensyen dan pameran di Mines, dan hotel-hotel yang mempunyai kemudahan-kemudahan tersebut;
- (iii) meningkatkan kempen promosi pelancongan domestik. Oleh itu, sebagai menyahut seruan kerajaan, syarikat-syarikat pelancongan telah meningkatkan promosi serta menambahkan pakej-pakej domestik terutamanya ke tempat-tempat tarikan pelancong yang popular di negara ini. Ini ternyata daripada Malaysian International Travel Fair yang dianjurkan oleh MALTA pada bulan Mac yang lalu.
- (iv) mengumumkan hari Sabtu pertama setiap bulan sebagai cuti umum bagi kakitangan kerajaan supaya mereka akan mengunjungi tempat-tempat tarikan pelancong dan menginap di hotel-hotel di sana;
- (v) menggesa hotel-hotel melalui Persatuan Hotel Malaysia (MAH) dan Persatuan Pemilik Hotel Malaysia (MAHO) supaya mengadakan pakej penginapan dengan kadar diskaun dan ini termasuklah bagi kegiatan F&B, hiburan, 'mais' dan lawatan bagi menggalakkan lebih ramai pelancong terutamanya pelancong tempatan melancong di negara kita;
- (vi) memberikan pengecualian cukai perkhidmatan kepada hotel-hotel berbentuk budget iaitu hotel-hotel daripada satu hingga dua bintang yang mempunyai sekurang-kurangnya 50 bilik di Kuala Lumpur, Johor Bharu dan Pulau Pinang dan hotel-hotel berbentuk budget yang mempunyai sekurang-kurangnya 20 bilik untuk tempat-tempat lain; dan
- (vii) kadar cukai perkhidmatan telah dikurangkan daripada 10% ke-5% untuk kadar sewa bilik, F&B dan tembakau bagi mengurangkan kos kepada pelanggan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan juga telah membangkitkan isu bahawa seorang menteri dan rombongannya daripada kementerian telah pergi ke London untuk menghadiri forum. Seramai sepuluh orang pergi dan selama sepuluh hari di mana perbelanjaan untuk menginap di sebuah hotel dengan kadar sebanyak 600 Pounds sehari untuk seorang di mana jumlah yang telah dibelanjakan ialah 60,000 Pounds. Beliau bertanya apakah rasionalnya perbelanjaan yang begitu besar di dalam keadaan sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan melalui Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM) menyertai pameran tahunan antarabangsa World Travel Market di London yang biasanya diketuai oleh Yang

Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Pada tahun yang lalu delegasi telah diketuai oleh Setiausaha Parlimen dan disertai oleh tiga orang pegawai daripada Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia dan satu kumpulan kebudayaan terdiri daripada dua orang penyanyi dan 16 orang penari. Ketua delegasi dan tiga orang pegawai LPPM tinggal di hotel tetapi makan di luar kerana patuh kepada peruntukan yang terhad. Ahli-ahli kumpulan budaya pula tinggal beramai-ramai di pangsapuri yang disewa dan makan dengan masakan sendiri. Kos penerbangan kumpulan kebudayaan adalah percuma atas sumbangan MAS. Semua ahli rombongan termasuk ketua delegasi pergi dan balik dengan penerbangan siang. Semasa berada di sana selama tujuh hari, perbelanjaan hanya tidak lebih daripada RM55,000, jadi tohmahan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan itu adalah tidak berasas sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi bagi pihak kementerian saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

3.25 ptg.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu ingin saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tambun, Gelang Patah, Sandakan dan Batang Lupar yang telah mengambil bahagian serta memberi pandangan dan cadangan mengenai perkara-perkara yang melibatkan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ketika perbincangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberikan penjelasan terhadap perkara-perkara yang telah disentuh oleh Yang Berhormat dari Tambun. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Tambun, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ada menjalankan survey ke atas tahap pembangunan teknologi di sektor awam dan swasta setiap dua tahun sekali. Bagi meningkatkan pembangunan teknologi hasil daripada survey yang dijalankan itu, kementerian ini telah berusaha untuk membangunkan tahap teknologi di negara ini dengan menjalankan langkah-langkah, antara lain seperti berikut:

- (i) membantu dan memberi kemudahan R&D dan inovasi kepada sektor swasta;
- (ii) menjadi sebuah agensi yang terlibat secara langsung di dalam proses komersialisasi hasil penyelidikan dan inovasi iaitu menerusi penubuhan Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd.;
- (iii) menjadi pengantara mewujudkan smart partnership, dengan izin, di antara kerajaan dan sektor swasta di dalam pembangunan teknologi.
- (iv) memberi sokongan bagi semua urusan pemasaran dan pengurusan serta bantuan teknikal kepada syarikat tenant;
- (v) mewujudkan persekitaran yang sesuai untuk merangsangkan knowledge-based community, dengan izin; dan
- (vi) menjadi peserta yang aktif di dalam usaha menambahkan kekayaan negara melalui pembangunan teknologi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Technology Park ditubuhkan pada dasarnya ialah untuk meningkatkan pembangunan dan perkembangan teknologi di negara ini. Dalam melaksanakan fungsi dan peranan yang ditetapkan itu, Technology Park menyediakan kemudahan infrastruktur, peralatan dan perkhidmatan

kepada sektor industri berteknologi tinggi untuk menjalankan aktiviti pembangunan teknologi dan inovasi. Di samping tugas-tugas itu Technology Park juga melaksanakan aktiviti penyelidikan dan pembangunan R&D untuk membolehkan industri berkenaan berkembang dan berdaya saing dalam pasaran global.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di antara kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh Technology Park antara lain ialah master centre, pusat IT, e-business dan venture capital. Mengenai peranan yang dimainkan oleh universiti-universiti tempatan untuk membangunkan bidang R&D, sukacita saya maklumkan bahawa selain daripada menjalankan tugas pengajaran, universiti-universiti juga memainkan peranan dalam membangun dan menjalankan aktiviti-aktiviti research and development (R&D). Pada masa ini semua universiti tempatan telah diberi peruntukan bagi menjalankan aktiviti R&D di bawah program IRPA. Dengan adanya penglibatan universiti-universiti tempatan dalam melaksanakan R&D di bawah IRPA ini, adalah dijangkakan bahawa pencapaian teknologi di negara ini boleh dibangunkan dengan lebih pesat lagi, insya-Allah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam syarat-syarat pemberian peruntukan di bawah Program IRPA, universiti-universiti tempatan dan institusi penyelidikan awam yang lain telah diminta mengadakan hubungan/linkages dengan pihak industri bagi projek-projek R&D yang dijalankan. Selain daripada itu, kerajaan juga telah mewujudkan skim-skim khusus bagi projek-projek R&D yang dijalankan secara collaboration antara institusi penyelidikan awam dan swasta seperti skim Industrial Grant Scheme, (IGS), Multimedia Grant Scheme (MGS) dan Demonstrator Applicant Grant Scheme.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan juga telah mengambil pelbagai inisiatif bagi memberi motivasi dalam usaha menggalakkan aktiviti-aktiviti R&D di universiti-universiti. Bagi perkara ini, universiti dan institusi penyelidikan awam diberi hak dari segi harta intelek, Intellectual Property Rights, dengan izin, ke atas hasil-hasil penyelidikan dan juga mendapat royalti ke atas hasil-hasil penyelidikan yang berjaya dikomersialkan. Ini merupakan insentif-insentif yang boleh menggalakkan universiti menjalankan aktiviti R&D dengan lebih intensif lagi. Polisi-polisi, guide-line bagi kedua-dua insentif tersebut telah dimasukkan di dalam projek R&D IRPA.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai saranan daripada Ahli Yang Berhormat dari Gelang Patah supaya penekanan diberi kepada penggunaan teknologi maklumat yang canggih melibatkan semua sektor. Sukacita saya maklumkan bahawa kerajaan telah berusaha untuk mempertingkatkan pelaburan dalam bidang R&D.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ong Tee Keat) *mempengerusikan Mesyuarat*].

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi meningkatkan pembangunan teknologi dalam sektor awam, kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM400 juta dalam Rancangan Malaysia Kelima. Dalam Rancangan Malaysia Keenam pula, kerajaan telah menyediakan peruntukan RM600 juta dan peruntukan ini ditambah pada Rancangan Malaysia Ketujuh sebanyak RM1 bilion.

Bagi sektor swasta pula, sebanyak RM400 juta telah dibelanjakan untuk aktiviti-aktiviti R&D pada tahun 1996 yang merupakan peningkatan sebanyak 36.7% berbanding dengan RM292.6 juta yang dibelanjakan pada tahun 1994. Pertambahan perbelanjaan ini adalah bertujuan untuk membolehkan Malaysia membangunkan bidang teknologi maklumat ini dengan lebih luas lagi.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah pencemaran sungai akibat aktiviti pembalakan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sandakan pula, sukacita dimaklumkan bahawa di bawah bidang kuasa Kementerian Sains Teknologi dan Alam

Sekitar telah diadakan satu Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti-aktiviti Yang Ditetapkan), Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling 1987 di mana pembalakan di kawasan seluas 500 hektar atau lebih, perlu menjalani kajian penilaian kesan kepada alam sekeliling, EIA.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, memandangkan pengurusan hutan adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, negeri Sabah sedang menggubal Perintah Konservasi Alam Sekitar (Aktiviti-aktiviti Ditetapkan) juga termasuk (Aktiviti-aktiviti Perhutanan).

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupa supaya tindakan sewajarnya diambil ke atas penggunaan 'chlorofluorocarbon' (CFC), dan gas 'halan' yang memberi sumbangan kepada penipisan lapisan ozon, sukacita saya jelaskan bahawa kawalan ke atas penggunaan CFC dan 'halan' yang dikategorikan sebagai pemusnah ozon (ODS) memang telah dilakukan sejak Malaysia menjadi ahli kepada Protokol Montreal pada 27 November 1989 lagi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perjanjian Protokol ini adalah satu perjanjian antarabangsa bertujuan untuk mengawal dan seterusnya memberhentikan penggunaan bahan pemusnah ozon pada waktu yang ditetapkan dan Malaysia sebagai negara membangun di bawah Artikul 5 diwajibkan memberhentikan penggunaannya dalam tahun 2010.

Bagi mematuhi tanggungjawab ini, Malaysia telah melaksanakan program dan pelan tindakan kebangsaan untuk menghapuskan penggunaan bahan pemusnah ozon sejak tahun 1992 lagi. Di antara program yang telah dilaksanakan oleh kementerian ini selaku 'national focal point' dengan izin, ialah:

- (i) menggalakkan industri ODS menggunakan bahan alternatif dan teknologi bebas ODS;
- (ii) mengurangkan penggunaan ODS terutamanya CFC dan 'halan';
- (iii) menggalakkan industri ODS memohon bantuan tabung, multilateral;
- (iv) memperkenalkan peraturan bagi menghalang penggunaan dan pelepasan CFC dan 'halan'; dan
- (v) mempergiatkan program promosi dan kesedaran berhubung dengan penggunaan bahan bukan ODS.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil usaha bersepadu yang dijalankan di antara pihak industri dan kerajaan, Malaysia telah berjaya mengurangkan penggunaan ODS dari 0.29 kilogram per kapita dalam tahun 1989 kepada 0.15 kilogram per kapita pada tahun 1998 iaitu lebih rendah daripada kadar yang ditetapkan oleh Protokol Montreal untuk negara membangun di bawah Artikul 5 iaitu 0.3 kilogram per kapita.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian serta mengemukakan pandangan dan cadangan di dalam perbahasan kali ini yang menyentuh aktiviti-aktiviti Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Sekiranya terdapat mana-mana perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu tidak sempat disentuh dalam ucapan saya ini, maka saya akan memberikan perhatian mengenai perkara ini dan tindakan sewajarnya akan diambil. Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

3.35 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Senai, Tanjong Karang, Serdang, Kluang, Bukit Bintang, Hulu Terengganu, Bayan Baru dan Bagan kerana telah mengambil bahagian membahaskan isu berhubung Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Isu perumahan, Ahli Yang Berhormat dari Senai telah membangkitkan mengenai pentingnya peranan industri perumahan dalam meransang pertumbuhan ekonomi negara dan mengatasi masalah sosial seperti setinggan. Cadangan Yang Berhormat memang sedang diberi perhatian Kerajaan telah dan sedang berikhtiar mengambil beberapa langkah bagi membantu industri perumahan termasuk soal 'financing'. Yang Berhormat dari Kluang menyarankan supaya penyediaan perumahan hendaklah mencukupi dan penyediaan perumahan untuk golongan berpendapatan rendah diberi keutamaan. Ini memanglah menjadi dasar kerajaan. Untuk mencapai matlamat dasar ini, kerajaan mengadakan pelbagai jenis program yang dilaksanakan oleh kerajaan sendiri atau kerjasama dengan pihak swasta.

Berhubung isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong Karang mengenai projek perumahan Taman Masdi yang telah terbengkalai. Pihak tetuan 'Price Water House and Coopers' telah dilantik pada 8 Oktober 1998 bagi tujuan pemulihan projek itu.

Yang Berhormat dari Bukit Bintang memohon peruntukan rumah kos rendah, sederhana yang disediakan di kawasan bandaraya Kuala Lumpur. Kerajaan memang menyediakan peruntukan khusus bagi membina rumah di kawasan Kuala Lumpur untuk disewa.

Yang Berhormat dari Hulu Terengganu memohon kementerian memperuntukan lebih rumah awam kos rendah kepada rakyat luar bandar di dalam RMK-7. Kerajaan ada menyediakan beberapa program perumahan yang khusus direka untuk keperluan penduduk luar bandar.

Yang Berhormat dari Bagan telah membangkitkan mengenai projek Taman Trubong Indah di Pulau Pinang yang dimajukan oleh Syarikat Majistic Heights Sdn. Bhd. sebagai terbengkalai. Sebenarnya projek ini telah mengalami sedikit kelewatan penyerahan rumah. Pegawai-pegawai kementerian ini akan terus mengadakan lawatan pengawasan ke tapak projek untuk memastikan kemajuan kerja di tapak adalah selaras mengikut jadual kemajuan kerja yang dikemukakan oleh pihak pemaju. Didapati telah ada kemajuan kerja di projek perumahan tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru telah membangkitkan mengenai pemaju perumahan tidak memenuhi spesifikasi dalam membina rumah kos rendah. Kerajaan telah mengambil langkah-langkah bagi mengawal mutu pembinaan rumah dengan mewujudkan Lembaga Pembangunan Industri Binaan (CIDB) untuk mengawal aspek ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu kerajaan tempatan, Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru telah membangkitkan mengenai pemansuhan Akta Kawalan Sewa (Pemansuhan) Tahun 1997 dan mencadangkan 'fair rate tribunal' ditubuhkan untuk menyelesaikan kenaikan sewa premis yang mendadak. Akta kawalan sewa pemansuhan tahun 1997 yang telah dimansuhkan pada September 1997, khususnya bagi Pulau Pinang akan menghadapi risiko kenaikan sewa mendadak apabila tamat pada Disember 1999. Bagi melindungi penyewa-penyewa, satu tempoh peralihan mulai 1 September 1997 hingga 31 Disember 1999 yang menjamin penyewa-penyewa terus menduduki premis yang mereka sewa hingga tarikh iaitu tempoh peralihan iaitu pada 13 Disember 1999.

Sebenarnya dalam tempoh tersebut, tribunal penyediaan kawalan ditubuhkan untuk menghakimi pertikaian berkenaan sewa yang kena dibayar dan terhutang kepada pemilik premis dan mendapat kembali milikan kosong premis.

Ahli Yang Berhormat dari Bagan menyarankan usaha yang bersungguh-sungguh bagi menghapuskan nyamuk. Kerajaan memang bercadang meningkatkan program kebersihan yang dilaksanakan. Pihak kerajaan telah pun menjalankan Kempen Anti-Nyamuk dan Kebersihan Kebangsaan yang disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 20 April 1999 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu kebombaian

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Kepong bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan mengenai kempen untuk menghapuskan nyamuk di negara ini. Ini bukan kempen yang pertama yang dilancarkan, bahkan dalam beberapa tahun ini pun ada kempen-kempen untuk mencegah nyamuk tetapi bolehkah Yang Berhormat menerangkan mengapa kita gagal untuk menghapuskan nyamuk yang membawa penyakit terutamanya demam denggi. Adakah Yang Berhormat sedar di negara-negara seperti Cuba, ia tidak banyak wang tapi saya pun hairan juga mengapa Cuba begitu berkesan untuk menghapuskan nyamuk untuk mencegah demam denggi dan bolehkah Yang Berhormat terangkan daripada sekarang macam mana kita boleh mengatur strategi yang berkesan sepertimana yang terdapat di Cuba.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, kempen-kempen yang kita sedang jalankan untuk pembersihan dan menghapuskan nyamuk, objektif utamanya ialah untuk meningkatkan kesedaran rakyat di seluruh negara terhadap kesan daripada pembiakan nyamuk yang mendadak di seluruh negara ini dan akibat daripada itu, rakyat menghadapi kesakitan. Kalau kita boleh meningkatkan kesedaran ini dan membawa ke seluruh negara di mana rakyat sendiri akan ambil tindakan dan sedar bahaya yang dibawa oleh nyamuk itu, saya rasa itu adalah objektif utama kerana kita sedar pihak pegawai kerajaan, pihak berkuasa tempatan atau pihak Kementerian Kesihatan tidak dapat menghapuskan nyamuk secara langsung macam itu tetapi kalau rakyat sudah sedar tentang bahaya yang dibawa oleh nyamuk itu maka kita bolehlah mengubah sikap penghidupan dan akhirnya kita boleh mengurangkan insiden-insiden jangkitan nyamuk.

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.

Datuk Peter Chin Fah Kui:Saya memang rasa kalau ada idea-idea yang bagus, yang boleh menjayakan kempen ini, kita akan terimalah mana-mana idea yang ada.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya memang gembira kerana Yang Berhormat sudi menerima pendapat dari pelbagai pihak, memang itu satu perkara yang baik dan saya akan mencadangkan pada kementeriannya. Cuma di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya sokong semua kempen untuk menghapuskan nyamuk, kerana negara ini adalah negara tropika dengan banyak hujan walaupun kadangkala hujan turun bukan di kawasan tadahan air kerana itu kita kurang air. Tetapi walau bagaimanapun, kita banyak hujan, dengan banyak hujan ini bermakna susah hendak kita menghapuskan nyamuk, memang satu perkara yang saya bersimpati dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Kementerian Kesihatan. Ini semula jadilah.

Walaupun kita sokong kempen seperti ini cuma saya berpendapat, kempen ini, dilancarkan semasa kita ada wabak, walhal wabak itu tidak kena mengena dengan nyamuk langsung, itu masalah. Sebab kalau hendak lancarkan kempen bukan untuk hendak menumpukan perhatian ke bahagian yang lain, sementara itu yang penting sekali

macam mana kita mencegah wabak. Saya bersetuju kita mesti bekerjasama, dari pembangkang dan kerajaan, semua pihak mesti bekerjasama untuk bersama-sama menghapuskan wabak tetapi tekanan sekarang untuk menghapuskan nyamuk, bagi sayalah tidak begitu wajar kerana tekanannya hendaklah kita sekarang menyekat wabak daripada menular ke seluruh negara. Sebab masalah yang penting sekarang ialah untuk mengenal pasti jenis virus dan juga macam mana ia berjangkit dan sebagainya termasuklah kita terpaksa menumpukan perhatian kepada kuda-kuda yang ada sekarang. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat terangkan apakah peruntukan yang diperlukan untuk Kempen Anti-Nyamuk sekarang.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, mengenai wabak ini saya ingin menjelaskan di sini, kempen ini memang selaras dengan usaha kerajaan untuk menghapuskan wabak yang kita hadapi melalui tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian Kesihatan dan juga pihak berkuasa tempatan. Saya rasa kalau kita tidak menggunakan cara ini iaitu buat masa sekarang, nyamuk membawa penyakit seperti denggi dan sebagainya dan ini juga berkaitan dengan JE dan semua ini adalah cara-cara di mana kita boleh menggunakan dua hala iaitu separuh pihak menjaga kesihatan dan satu lagi menghapuskan 'source'nya atau nyamuk yang akan membawa penyakit ini.

Dengan ini saya rasa kita boleh berjaya, walaupun tidak 100% tetapi setakat mana yang kita dapat untuk mengurangkan risiko ini dan saya berharap Yang Berhormat dari Kepong, boleh juga mengadakan pasukan-pasukan menghapuskan nyamuk di kawasan sendiri. Kalau dapat, bolehlah saya rasa kita menyumbang.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Kepong bangun.

Datuk Peter Chin Fah Kui:setiap Yang Berhormat ini di kawasan-kawasan mereka, kita melakukan sesuatu kempen untuk menolong mejayakan kempen ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Memang cadangan Yang Berhormat itu baik, kita setuju, kita sokong, cuma maksud saya ialah wabak sekarang tidak kena mengena dengan nyamuk, itu sahaja saya hendak sebutkan dan mungkin sambil kita melancarkan Kempen Anti-Nyamuk, kita melancarkan kempen yang lain untuk mencegah misalnya, kalau virus itu dibawa oleh kuda, kita boleh mencegah kuda pula.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Maksud saya Yang Berhormat, kita cubalah dalam mana-mana sudutnya untuk mencegah apa yang berlaku di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, isu kebombaian. Yang Berhormat dari Serdang telah menyarankan supaya garis panduan penyediaan balai bomba perlu dicadangkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah merancang untuk membina balai-balai bomba di seluruh negara dalam Rancangan Malaysia Ketujuh sebanyak 105 projek pembinaan balai bomba, quarters anggota ada dirancangan mengikut kriteria dan analisis risiko kebakaran sesuatu tempat.

Kriteria ini mengambil kira perkara-perkara berikut:-

- (i) tahap risiko kebakaran setempat berlandaskan statistik dan kategori dan juga kegunaan bangunan;
- (ii) kepadatan penduduk dan pembangunan;
- (iii) jarak dengan balai bomba terdekat yang sedia ada;
- (iv) keadaan geographi yang kompleks seperti di Sarawak dan Sabah dengan keluasan-keluasan di samping tahap pembangunan yang bertaburan; dan
- (v) kawasan bandar baru dan pusat komersial dan industri baru.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang saya dapat jawab tentang huraian-huraian daripada Ahli-ahli Yang Berhormat.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Serdang bangun.

Dato' Yap Pian Hon: Saya hanya minta satu penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana saya telah meminta satu balai bomba di Puchong kerana Puchong mempunyai begitu ramai penduduk dan rumah di situ dan risikonya memang tinggi. Beberapa kejadian berlaku di situ dan beberapa nyawa telah terkorban. Adakah kementerian telah menimbangkan untuk mendirikan balai bomba di Puchong di mana satu tempat telah dikenal pasti.

Datuk Peter Chin Fah Kui: [Ketawa] Ya, saya boleh jawab, memanglah, tempat itu sekarang kita tidak ada tanah. Kalau Yang Berhormat boleh tolong untuk mendapatkan tanah daripada Kerajaan Negeri, kita akan terus cuba membinanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, dia bangun ya.

Dato' Yap Pian Hon: Tuan Yang di-Pertua, saya merasa gembira kerana ada satu jawapan yang tepat. Sebenarnya tapak balai bomba dirizab telah dikenal pasti di Pusat Bandar Puchong dan permohonan telah disampaikan kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba, maka itu oleh kerana tapak memang ada, saya berharap pihak kementerian akan menimbangkan untuk mendapatkan peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh dalam kajian ini.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Baiklah, Yang Berhormat dan saya akan siasat lagi perkara ini ya. Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

3.53 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian dan turut membincang perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Luar Bandar di dalam perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa ahli Yang Berhormat menyentuh mengenai Program Pembasmian Kemiskinan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Marang, Hulu Terengganu, Sabah dan Sarawak merupakan antara tujuh buah negeri yang jadi tumpuan bagi pelaksanaan program membantu golongan rakyat termiskin atau secara lebih khusus Program Pembangunan Rakyat Termiskin. Oleh itu peruntukan yang diagihkan bagi pelaksanaan PPRT untuk negeri-negeri ini bagi tahun 1999 adalah tinggi. Bagi negeri Terengganu adalah sebanyak RM19.8 juta, bagi negeri Sabah ialah RM22.7 juta dan bagi negeri Sarawak ialah sebanyak RM25.9 juta. Peruntukan ini merupakan 35.4% daripada peruntukan keseluruhan tahun 1998/1999.

Peruntukan tersebut yang diagihkan adalah daripada Kerajaan Persekutuan, di samping itu kerajaan-kerajaan negeri berkenaan juga menyediakan input bagi pelaksanaan program yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan, melaksanakan program membantu golongan termiskin ini sentiasa mendapat sokongan daripada kerajaan-kerajaan negeri berkenaan. Umpamanya, kerajaan-kerajaan negeri menyediakan tanah untuk pembukaan ladang-ladang PPRT seperti di Sarawak dan Sabah. Selain itu pembukaan projek pertanian komersial seperti di negeri Terengganu. Kemudahan-kemudahan lain yang disediakan oleh kerajaan-kerajaan negeri berkenaan adalah seperti menyediakan

bantuan biasiswa kepada anak-anak keluarga termiskin dan menambahkan peruntukan untuk pelaksanaan PPRT di negeri berkenaan.

Untuk makluman Yang Berhormat dari Serdang, sasaran program kemiskinan kerajaan adalah untuk semua yang layak menyertai program tersebut sama ada mereka duduk di kampung-kampung baru atau di ladang-ladang ataupun di mana-mana di negeri-negeri.

Untuk makluman Yang Berhormat dari Santubong, kadar PGK ataupun pendapatan garis kemiskinan yang ditetapkan sekarang ini adalah sentiasa dikaji semula dalam dua tahun sekali, berdasarkan kepada kajian pendapatan isi rumah. Penentuan mengenai kadar PGK memang perlu dibuat dari semasa ke semasa berdasarkan kepada faktor-faktor ekonomi negara seperti taraf hidup, indeks harga pengguna dan inflasi. Kerajaan juga sedang mengkaji kemungkinan mengadakan dua PGK, satu untuk luar bandar dan satu untuk bandar sepertimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Santubong.

Untuk makluman Yang Berhormat dari Hulu Terengganu, berdasarkan kepada garis panduan Program Pemulihan Rumah (PPR), kadar peruntukan yang telah ditetapkan oleh kerajaan adalah sebanyak RM6,000 di Semenanjung dan RM6,900 di Sabah, Sarawak dan Labuan untuk membina satu unit rumah baru. Kos ini adalah meliputi kos pendawaian elektrik dan paip dalaman rumah tersebut.

Berdasarkan kepada garis panduan PPR, mereka yang layak menerima bantuan ini mestilah terdiri daripada keluarga ketua isi rumah termiskin yang terdapat di dalam senarai daftar dan profail keluarga termiskin 1995/1996. Walau bagaimanapun, waris kepada si mati yang bertanggungjawab sebagai ketua isi rumah boleh dipertimbangkan untuk menggantikan ketua isi rumah yang telah meninggal dunia. Namun nama waris yang baru hendaklah disahkan oleh Jawatankuasa Teknikal Pemandu PPRT peringkat daerah untuk didaftar sebagai rakyat termiskin untuk melayakkan beliau menerima bantuan PPR.

Untuk makluman Yang Berhormat dari Tawau, semenjak tahun 1994 hingga tahun 1998, sebanyak 72 projek di bawah PPRT telah dilaksanakan di daerah Tawau yang melibatkan 83 keluarga termiskin dengan perbelanjaan yang telah dikeluarkan sebanyak RM353,950. Program ini terdiri daripada sembilan projek Program Peningkatan Ekonomi Kampung yang melibatkan 20 peserta dengan perbelanjaan sebanyak RM61,000 dan Program Pemulihan Rumah sebanyak 63 buah dengan perbelanjaan RM292,950. Bagi tahun 1999 sebanyak 20 buah rumah PPRT akan dibina di kawasan Dewan Undangan Negeri Merotai dan Kalabakan.

Untuk makluman Yang Berhormat dari Tanjong Karang, pusat kegiatan masyarakat di Pekan Simpang Lima, daerah Sabak Bernam kerja-kerja pembinaan akan bermula pada bulan Mei ini.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja perkara yang kementerian akan jawab. Apa-apa perkara-perkara lain yang telah disentuh oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat, ianya akan diambil perhatian dan tindakan oleh kementerian. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, Kepong bangun hendak menjawabkah?

Seorang Ahli: Menterikah itu?

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak ada jawapanlah.

Seorang Ahli: Tidak ada jawapan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Kalau tidak ada jawapan, sepatutnya kenalah berikan notis kepada Kerusi.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, mesti beritahu terlebih dahulu, beri notis. Saya pun berpendapat

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya buat keputusan, Yang Berhormat. Bukan Yang Berhormat yang buat keputusan.

Dr. Tan Seng Giaw: [Ketawa]

Seorang Ahli: Duduk, duduk.

Dr. Tan Seng Giaw: Mungkin

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Kementerian Belia dan Sukan.

4.00ptg

Setiausaha Parlimen, Kementerian Belia dan Sukan [Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil]: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Belia dan Sukan, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong yang telah memberikan perhatiannya kepada kementerian dalam tempoh perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh di Dewan Rakyat kali ini.

Yang Berhormat dari Parit Sulong telah meminta supaya pihak kementerian mengkaji semula kursus-kursus yang dijalankan di IKBN dan mengesyorkan agar IKBN mengendalikan kursus-kursus yang relevan dengan permintaan industri. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian memang sentiasa dari masa ke semasa mengkaji dan mengenal pasti kursus-kursus yang dijalankan di IKBN terutama yang kurang mendapat permintaan dari pihak industri. Sehubungan dengan ini, kementerian sebagai alternatif telah pun memperkenalkan kursus-kursus baru seperti reka bentuk landskap, gas piping, kimpalan dan penjaga jentera. Di samping itu, pihak kementerian telah memasukkan komponen-komponen tambahan kepada bidang-bidang kursus tertentu serta penggunaan peralatan dan teknologi yang terkini sesuai dengan keperluan industri.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian, berusaha melahirkan tenaga mahir peringkat penyelia iaitu pembantu jurutera dengan mempertingkatkan taraf kemahiran ke peringkat diploma teknologi. Buat masa ini kementerian telah pun menjalankan dua kursus diploma teknologi dalam bidang elektronik industri dan tool and dye yang dapat dimanfaatkan oleh sejumlah 50 peserta belia. Rancangan juga sedang dibuat oleh pihak kementerian untuk menjalankan kursus tambahan dalam bidang pemesanan dan senggaraan iaitu mesin dan mekanikal.

Kementerian ini juga sedang meneliti dan mengkaji modul dan kurikulum latihan bagi kursus-kursus baru yang bersesuaian dengan kehendak industri dan pasaran tenaga kerja semasa.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya mengucapkan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Kepong bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Penjelasan. Saya pun tadi tidak nampak dia ada di sini. Mujurlah Yang Berhormat ada. Walau bagaimanapun, bolehkah Yang Berhormat

menjelaskan bagaimana dan kriteria-kriteria yang digunakan untuk memilih belia-belia bagi menyertai kursus-kursus dan modul-modul yang ditetapkan oleh kementerian.

Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai banyak kursus yang kita tawarkan di institusi kemahiran. Di antaranya mekanikal dan elektrik, elektronik, automotif, hospitalitis, civil, apparel, software dan lain-lain lagi, tetapi pada amnya mereka mestilah berkelulusan SPM dan sesiapa yang ingin untuk menjadi pelajar dalam bidang-bidang ini maka mereka mesti mempunyai kelulusan yang sewajarnya. Misal kata untuk mekanikal dan elektrik, mereka mestilah ada asas dalam bidang sains. Okay, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan lagi. Memang itu satu syarat untuk dimasukkan, tetapi biasanya macam mana kementerian dapat memilih dari sekian ramai peserta dan sebagainya dan purata berapa tahun yang diperlukan ataupun berapa bulan yang diperlukan untuk mengikuti kursus-kursus?

Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya kita mengiklankan kepada mereka yang berminat dan selepas itu siapa yang telah membuat permohonan (application) kepada kementerian, maka mereka yang terbaik sahaja diantara mereka yang menawarkan diri atau pemohon-pemohon yang terbaik sahaja yang akan diberi peluang untuk belajar di IKBN kita.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat termasuk Ahli Yang Berhormat dari Kepong yang telah turut serta di dalam perbincangan Dewan yang mulia ini dan telah memberi pandangan dan cadangan kepada Kementerian Belia dan Sukan. Segala pandangan dan cadangan Ahli Yang Berhormat akan diambil perhatian termasuk pandangan Ahli Yang Berhormat dari Kepong oleh kementerian ini dalam merancang pelaksanaan program ke arah pembangunan belia dan sukan di negara ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

4.05ptg.

Setiasaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Dato' G. Palanivel]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu, Kubang Kerian, Santubong dan Klang yang telah membahas dan menyentuh isu-isu yang berkaitan dengan peranan dan tanggungjawab Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat semasa membahas Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kota Bharu telah menyentuh mengenai soal intergrasi kaum dan pemahaman antara kaum mesti ditingkatkan bagi memastikan keamanan dan keharmonian sentiasa terpelihara. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian saya sentiasa mengambil langkah mempertingkatkan semua program dan aktiviti-aktivitinya bagi memantapkan intergrasi kaum di negara ini untuk mengelakkan pergolakan antara kaum dan etnik tercetus seperti yang berlaku di luar negara. Penekanan yang spesifik ditumpukan dalam pelaksanaan program dan aktiviti dengan pendekatan berteraskan kepada strategi, pemupukan perpaduan melalui interaksi anggota masyarakat berbilang kaum, di samping strategi pencegahan konflik dengan mengenal pasti isu-isu sentitif melalui aktiviti pemantauan.

Kementerian ini juga merakamkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kota Bharu dan Santubong yang telah menyuarakan keprihatinan mereka untuk melihat kaum wanita bersaing sama maju dengan kaum lelaki dalam pelbagai bidang pembangunan negara khususnya politik dan pentadbiran. Kementerian ini amat

bersetuju dan menyokong saranan Yang Berhormat bahawa perlunya ada keseimbangan di antara kaum lelaki dan wanita khususnya dalam pentadbiran negara dan politik. Kementerian ini dan kerajaan amnya sememangnya sentiasa berusaha untuk merapatkan jurang penglibatan wanita dalam kedua-dua bidang ini. Pada hakikatnya, trend semasa menunjukkan bahawa penglibatan wanita dalam semua bidang adalah menunjukkan peningkatan. Walau bagaimanapun, peranan dalam merencanakan pembangunan sosioekonomi negara merupakan tanggungjawab bersama semua agensi kerajaan, parti-parti politik dan sektor swasta.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu yang disentuh oleh Yang Berhormat dari Santubong, kementerian ini melalui Jabatan Hal Ehwal Wanita (HAWA) telah memainkan peranan dengan mengadakan perbincangan dan taklimat dengan agensi-agensi kerajaan, ahli-ahli politik bagi mewujudkan kesedaran gender di kalangan mereka dan bagi meningkatkan penyertaan 30% wanita sebagai pembuat dasar.

Jabatan HAWA dari masa ke semasa telah memperkukuhkan jawatankuasa penyelarasan antara agensi mengenai hal ehwal wanita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Kepong bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Saya dengar tadi adakah kementeriannya sudah ditetapkan disetiap kementerian dan jabatan diadakan 30% kuota bagi wanita, itukah maksud Yang Berhormat tadi? Dasar kerajaan ialah untuk satu kuota 30% bagi wanita di semua peringkat. Adakah ini maksudnya? Sebab saya ada dengar hujah daripada Kota Bharu dua-tiga hari yang lepas, hujah yang munasabah dan apakah itu dasar sekarang?

Dato' G. Palanivel: Dasar kita ialah untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam semua bidang termasuk pentadbiran negara dan politik tetapi kita tidak mewajibkan, kita hanya menggalakkan, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, dia bangun lagi Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Tadi Yang Berhormat sebutkan pada mulanya 30% diperuntukkan bagi wanita di semua peringkat, adakah ini dasar?

Dato' G. Palanivel: Ya, ini ialah satu dasar yang diamalkan di peringkat antarabangsa tetapi kita tidak wajibkannya walaupun kita menggalakkannya. Saya harap Yang Berhormat faham ini.

Jabatan HAWA dari masa ke semasa telah memperkukuhkan jawatankuasa penyelarasan antara agensi mengenai hal ehwal wanita. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dan dianggotai oleh semua kementerian, Unit Perancang Ekonomi dan Majlis Penasihat Kebangsaan mengenai integrasi wanita dalam pembangunan NACIWID serta wakil-wakil badan-badan bukan kerajaan.

Di peringkat negeri pula HAWA telah dibantu oleh jawatankuasa perunding hal ehwal wanita peringkat negeri yang dipengerusikan oleh ahli-ahli politik tempatan untuk mempertingkatkan lagi peranan dan penglibatan wanita dalam pembangunan negara.

Berkenaan dengan isu Women Watch dan Media Watch yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, kementerian ini, setakat ini tidak terlibat mengendalikan kedua-dua projek ini secara langsung. Kedua-dua projek ini adalah diuruskan oleh badan-badan bukan kerajaan yang terbabit.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Klang telah menggesa supaya pindaan ke atas Infant dan Guardianship Act 1961 dapat dibentangkan secepat mungkin dan mencadangkan supaya dibentangkan pada sesi parlimen bulan Julai tahun ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian ini amat menyanjung tinggi keprihatinan Yang Berhormat ke atas nasib wanita terutama kepada kaum ibu mengenai isu ini. Pindaan akta berkenaan masih lagi di peringkat akhir penyediaan khususnya yang melibatkan aspek-aspek teknikal dengan jabatan-jabatan yang berkaitan. Kementerian ini memberi jaminan bahawa sebaik sahaja semua masalah teknikal dapat diselesaikan, pindaan akta akan terus dibentangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, Kepong bangun lagi.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan mengenai rang undang-undang penjagaan anak. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa pada tahun yang lepas Yang Berhormat Menteri sudah menyebutkan bahawa beliau akan berusaha untuk membentangkan rang undang-undang sedemikian. Tetapi sekarang hendak sampai bulan Mei tetapi kita masih mengkaji soal teknikal sahaja dan kalau itulah yang maksudnya, apakah tempoh yang diperlukan untuk mengkaji teknik ini, berapa bulan lagi diperlukan?

Dato' G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, apabila menteri jawab bahawa beliau akan berusaha, jawapan itu adalah satu jawapan yang ikhlas bahawa beliau akan berusaha. Saya tahu kementerian ini dan semua jabatan yang berkaitan berusaha bersungguh-sungguh untuk mempercepatkan pemindahan undang-undang ini. Saya merayu kepada Yang Berhormat dari Kepong sabar sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kubang Kerian telah menyentuh mengenai isu pengambilan tanah dan perlindungan ke atas masyarakat Orang Asli di Semenanjung Masalah. Untuk makluman Yang Berhormat, mengenai isu kampung Orang Asli Sungai Gua, Bangi, Selangor pemindahan ini berlaku adalah ekoran daripada pengambilan alih tanah untuk membina Universiti Kebangsaan Malaysia. Tanah yang diduduki oleh Orang Asli di kawasan ini adalah termasuk dalam tanah rizab simpanan. Penduduk Orang Asli yang terlibat telah menerima pampasan wang tunai antara RM25 hingga RM350 satu keluarga. Kementerian ini melalui Jabatan Hal Ehwal Orang Asli telah mengambil inisiatif untuk membela nasib penduduk dengan membina rumah dan kediaman untuk Orang Asli yang terlibat.

Bagi isu kampung Orang Asli Bukit Tampoi, Dengkil, Selangor, kementerian difahamkan bahawa kes ini sedang didengar di Mahkamah Tinggi Shah Alam.

Mengenai Orang Asli Kampung Busut, Sepang, Selangor kementerian ini dan agensi-agensi kerajaan yang terbabit telah menyediakan berbagai prasarana seperti elektrik, air, jalan, sekolah, dewan orang ramai sebagai kemudahan sosial masyarakat Orang Asli di kawasan tersebut. Manakala FELCRA telah membangunkan ladang kelapa sawit secara berkelompok bagi menyediakan aktiviti ekonomi kepada penduduk, sementara itu Jabatan Kerja Raya telah membina rumah separuh batu bernilai RM18,000 bagi penduduk-penduduk yang terlibat dan JHEOA sedang mengadakan perbincangan dengan JKR mengenai tindakan pembaikan beberapa rumah yang bermasalah.

Bagi isu kampung Orang Asli Sungai Lalang, Semenyih pemindahan penduduk Orang Asli Kampung Sungai Lalang, Ulu Semenyih berlaku pada tahun 1982 ekoran pengambilan alih tanah oleh Jabatan Bekalan Air Selangor untuk dijadikan empangan air. Untuk makluman Yang Berhormat, perkampungan Orang Asli pada waktu itu berada di dalam rizab hutan simpanan. Kementerian dimaklumkan bahawa pihak Jabatan Bekalan Air Selangor telah membayar pampasan sebanyak RM763,000 dalam bentuk cek. Pihak JHEOA Negeri Selangor telah mengagih wang tersebut ke dalam akaun Orang Asli yang

terlibat iaitu satu-satu keluarga mendapat antara RM6,000–RM40,000 bergantung kepada kerugian yang ditanggung.

Mengenai isu Kampung Orang Asli Bukit Lanjan iaitu kerja mencerooboh dua buah rumah Orang Asli, untuk makluman Yang Berhormat, pihak berkuasa tanah telah mengeluarkan notis pemindahan yang mencukupi dan kerja-kerja meroboh telah dilakukan oleh Pejabat Tanah Petaling dan Majlis Perbandaran Petaling Jaya setelah notis perpindahan tidak diendahkan oleh Orang Asli yang terbabit.

Mengenai isu penawaran rumah, kementerian ini dimaklumkan bahawa Syarikat Saujana Triangle Sdn. Bhd. akan membina rumah seperti dijanjikan iaitu rumah bungalow, rumah teres dan rumah pangsa kos rendah. Bagi penduduk Orang Asli Bukit Lanjan dan kumpulan yang tidak bersetuju dengan pampasan tanah dan harta, mereka ditawarkan pampasan. Usaha ditentukan menurut penilaian Jabatan Penilaian Harta Selangor. Puan Elan Sanpok mendapat pampasan RM199,805 manakala Encik Mustafa Said mendapat RM71,510. Semua pampasan ini telah dibayar.

Rumah bungalow dengan kos RM113,000 sebuah sebelum mengira input pembangunan infrastruktur ke atas nilai rumah. Rumah teres RM40,000 sebuah, rumah pangsa RM60,000 sebuah, Amanah Saham Bumiputera RM45,000, elaun sara hidup berjumlah RM6,000.

Isu mengenai Kampung Orang Asli Keranchi dan Pertak di Kuala Kubu Bahru, Selangor, kementerian ini difahamkan bahawa pakej pampasan usaha dan faedah untuk 75 keluarga Orang Asli Kampung Keranchi dan Pertak yang akan dipindahkan ke penempatan yang baru ekoran daripada penempatan kampung mereka akibat pembinaan empangan Sungai Selangor Fasa II sedang dipertimbangkan oleh kerajaan Negeri Selangor.

Bagi isu Kampung Orang Asli Jalan Pahang Batu 10, Tapah, Cameron Highlands, kementerian ini belum mendapat sebarang perkembangan dari kerajaan Negeri Perak mengenai cadangan pampasan yang dijanjikan. Manakala cadangan pembinaan universiti oleh MIC di Kampung Orang Asli Tapah Road, Perak adalah di luar pengetahuan kementerian saya dan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

Mengenai isu kampung Orang Asli Sungai Pelanduk, Hulu Kinta, kawasan sebenar bagi projek empangan adalah di kampung-kampung Orang Asli Kuala Terming dan Kampung Dollah, Hulu Kinta dan bukannya Kampung Sungai Pelanduk dan bagi isu kawasan penempatan Orang Asli Kuala Bertis sejak rancangan penempatan semula (RPS), Kuala Bertis, Gua Musang, Kelantan pula dibuka pada tahun 1979, status rancangan tanah ini adalah masih tanah tumpangan sementara (TOL). Keluasan kawasan ialah 5,500 ekar dan bukan 55,000 ekar. Kerajaan Negeri telah mengeluarkan pekeling untuk memberi hak milik tanah kepada peserta di RPS Kuala Bertis melalui surat bertarikh 29 Oktober 1989. Sehubungan itu, pihak pengurusan JHEOA negeri Kelantan telah berbincang dengan Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan yang berkaitan dengan kerja-kerja ukur lot sempadan untuk tapak rumah, dusun dan ladang getah. Kerja pengukuran tersebut telah pun siap diukur oleh syarikat Juruukur Raya pada tahun 1990. Setelah siap kerja-kerja ukur pihak JHEOA telah beberapa kali mengutus surat dan bermesyuarat supaya Pihak Berkuasa Negeri Kelantan bertindak memberi hak milik kepada peserta.

Walau bagaimanapun, sehingga kini usaha-usaha yang dibuat belum mendapat apa-apa tindakan yang rasmi daripada Kerajaan Negeri. Pada hakikatnya peserta RPS Kuala Bertis masih lagi belum mendapat hak milik ke atas tanah-tanah yang diduduki selama ini. Malahan tanah tersebut masih lagi di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Negeri dan tertakluk di bawah Rizab Melayu Kelantan. Kali terakhir perkara ini dikemukakan kepada Pengarah Tanah dan Galian (PTG) pada Disember 1996.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kubang Kerian juga mencadangkan supaya kementerian ini memberi elaun khas kepada Wan Mohd. Hafizam di atas pengorbanannya.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat dari Kubang Kerian bangun.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah kita memperjuangkan bersama Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat supaya Orang Asli ini diberi hak milik tanah mereka supaya apabila diambil buat suatu projek, mereka dapat pampasan yang sesuai termasuk di Kelantan yang telah diukur dan sebagainya. Insya-Allah akan diberi hak milik dan lain-lain negeri juga, supaya Orang Asli tidak dianiaya apabila tanah-tanah mereka diambil di atas ehsan kita beri kepada mereka. Kalau tanah mereka ada geran maka mereka dapat pampasan yang setimpal. Kita juga bersetuju kementerian berjuang supaya diberi hak milik, minta kerajaan negeri beri hak milik pada Orang-orang Asli ini.

Tuan G. Palanivel: Kerajaan Pusat selalu berjuang untuk membela nasib Orang Asli dan masa depan mereka dan kementerian ini menerima rumusan dan cadangan daripada Yang Berhormat dengan ikhlas dan akan memberi pandangan yang serius.

Yang Berhormat dari Kubang Kerian juga mencadangkan supaya kementerian ini memberi elaun khas kepada Wan Mohd. Hafizam ke atas pengorbanannya menderma hati kepada bayi, Mohd. Afiq Ikmal dan mencadangkan supaya kerajaan memberi elaun khas kepada orang kurang upaya. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian ini pada masa kini tidak mempunyai cadangan untuk memberi elaun khas kepada Wan Mohd. Hafizam bin Wan Ismail di atas pengorbanannya. Kementerian ini melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat memberi bantuan berdasarkan skim bantuan kewangan yang sedia ada, jika beliau kehilangan mata pencariannya setelah mendermakan sebahagian hatinya.

Kementerian saya juga pada masa ini tidak mempunyai cadangan untuk memberi elaun khas kepada semua penderma-penderma organ. Sungguhpun begitu, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat amat menghargai sumbangan dan pengorbanan ikhlas Wan Mohd. Hafizam dan penderma-penderma organ yang lain demi untuk melihat kesempurna hidup insan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat telah menyediakan pelbagai kemudahan untuk orang kurang upaya. Kementerian ini melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) juga memberikan bantuan kewangan elaun pekerja cacat berjumlah RM70 sebulan sebagai insentif kepada orang kurang upaya yang bekerja tetapi pendapatan tidak melebihi RM300 sebulan. Ini bertujuan untuk menggalakkan mereka bekerja dan berdikari.

Kementerian ini tidak mempunyai cadangan untuk memberikan imbuhan atau elaun khas berjumlah RM300 sebulan bagi mereka yang tergolong orang-orang kurang upaya atau cacat. Orang kurang upaya yang layak diberi bantuan akan diberi bantuan di bawah skim bantuan kewangan yang sedia ada. Di samping itu JKM juga mempunyai skim bantuan pelancaran kepada orang kurang upaya untuk memulakan sebuah perniagaan kecil atau projek yang difikirkan viable untuk dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh mengenai isu-isu di bawah tanggungjawab Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat secara langsung atau tidak langsung. Kementerian saya akan mengambil semua pandangan dan cadangan yang telah dikemukakan demi untuk meningkatkan mutu perkhidmatan yang disediakan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Kementerian Pembangunan Usahawan.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, Yang Berhormat dari Kepong, hendak jawab lagikah?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya, saya nampak ada baki kementerian tetapi tidak ada wakilnya di sini, sebab itu saya mencadangkan supaya kita tangguhkan Dewan supaya kita dapat

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Mungkin pasal tidak ada jawapan, tidak ada perkara hendak jawab.

Dr. Tan Seng Giaw: Memang ada jawapan untuk semua ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat dari Kepong!

Dr. Tan Seng Giaw: Yang Berhormat Kementerian Dalam Negeri tidak ada, Jabatan Perdana Menteri mesti ada.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kepong duduklah.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya mencadangkan supaya kita tangguhkan Dewan.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya tidak bersetuju.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya buat keputusan.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kementerian berkenaan tiada jawapan.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tiada perkara yang hendak diulaskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, Timbalan Menteri bangun, ada apa Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Hendak maklumkan kepada Yang Berhormat dari Kepong, kementerian tadi tiada jawapan sebab itu tidak ada.

Dr. Tan Seng Giaw: Jabatan Perdana Menteri pun tidak ada jawapan.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Itu belum sampai lagi, tungguhlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Baiklah, Yang Berhormat, sekiranya tidak ada jawapan, adalah diingatkan bahawa kementerian yang berkenaan perlulah memberikan notis kepada Tuan Yang di-Pertua. Ya, Kementerian Dalam Negeri.

4.27 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Dalam Negeri.

Kejadian rusuhan yang berlaku sejurus selepas mahkamah menjatuhkan hukuman penjara ke atas Dato' Seri Anwar Ibrahim, masih dalam siasatan dan tindakan pihak polis. Setakat ini pihak polis telah pun mengenal pasti beberapa individu yang

bertanggungjawab mencetuskan rusuhan tersebut. Pihak polis telah bertindak mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan. Dalam kejadian tersebut penunjuk-penunjuk perasaan telah diberi amaran berulang kali supaya bersurai, namun begitu segala nasihat dan amaran yang telah diberi, telah tidak diindahkan malah pihak polis pula telah diancamkan dengan pelbagai penghinaan. Adalah menjadi tanggungjawab pihak polis untuk memastikan ketenteraman awam dan keselamatan negara berada dalam keadaan terpelihara sepanjang masa.

Justeru, itu tidak timbul soal wujudnya provokatur ejen polis seperti yang dikatakan Yang Berhormat dari Tanjong. Tuduhan bahawa pihak polis atau provokatur ejen polis yang bertindak dengan mencetuskan rusuhan adalah tidak munasabah kerana perbuatan sebegitu akan membebankan pihak polis sendiri.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat dari Tanjong supaya diwujudkan ombudsman polis, setakat ini kementerian merasakan ianya tidak perlu diwujudkan. Kementerian Dalam Negeri mempunyai mekanisme yang tersendiri dalam mengawal jabatan-jabatan di bawahnya.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Kepong bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya tertarik kepada jawapan Yang Berhormat itu tadi mengenai ombudsman dan Yang Berhormat pun mengatakan kita mempunyai mekanisme yang cukup untuk menangani masalah polis ini. Cuma, bolehkah Yang Berhormat terangkan kalau kita mempunyai begitu baik mekanisme itu, mengapa bekas IGP boleh melebamkan orang tahanan, bukankah ini bermakna mekanisme itu tidak begitu berkesan. Kalau tidak begitu berkesan, wajarlah kita mempertimbangkan sama ada ombudsman ataupun cara-cara lain, itu bukan bagi menangani masalah di sini, bukan sahaja melebamkan bekas Timbalan Perdana Menteri bahkan orang yang lain.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah dijelaskan berkali-kali, tindakan bekas IGP itu adalah tindakan seorang individu yang mengejutkan kita semua dan beliau telah pun didakwa dan kita tungguhlah keputusan perbicaraan nanti.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Selanjutnya mengenai saranan Yang Berhormat Tanjong juga ingin saya menjelaskan iaitu buat masa ini kementerian tidak bercadang untuk mewujudkan Suruhanjaya Siasatan Diraja berhubung dengan kejadian tembak mati orang awam yang berlaku semasa polis mengambil suatu tindakan. Saya suka memaklumkan di Dewan yang mulia ini, setiap kes tembakan oleh polis yang melibatkan kematian akan diadakan siasatan yang terperinci oleh seseorang pegawai penyiasat yang berkecuali. Kertas siasatan yang lengkap akan dihantar kepada Timbalan Pendakwaraya untuk tindakan selanjutnya. Dalam kes-kes yang mana anggota polis didapati bertanggungjawab mendatangkan kematian di luar garisan peruntukan undang-undang, mereka akan dituduh dan tuduhan di atas kesalahan yang dilakukan oleh mereka.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kinabalu dan Tuaran, pihak polis telah pun menerima beberapa aduan berhubung dengan kad pengenalan palsu di Sabah. Sebahagian daripada aduan-aduan tersebut telah diambil tindakan undang-undang. Sebagai contohnya seramai 365 orang yang terlibat dalam sindiket pemalsuan kad pengenalan di Sabah telah didakwa di mahkamah di atas kesalahan di bawah Akta Pendaftaran Negara 1959. Hukuman di

bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri adalah amat bersesuaian kepada mereka yang terlibat dengan sindiket kad pengenalan palsu di Sabah kerana kedudukan kes yang dilakukan yang memerlukan pemulihan.

Yang Berhormat dari Keningau telah menimbulkan perkara-perkara mengenai penggunaan dokumen Jabatan Pendaftaran Negara iaitu borang JPN 1/22 dan JPN 1/9. Berkaitan dengan perkara-perkara yang dibangkitkan syarat bagi mereka yang dibenarkan untuk mengundi di dalam suatu pilihan raya ialah warganegara yang telah mendaftar sebagai pemilih di negara ini dan mereka hendaklah membawa kad pengenalan. Di sini kad pengenalan adalah dokumen-dokumen yang dinyatakan seperti peraturan 2, Peraturan-peraturan Pendaftaran Negara 1990, borang JPN 1/22 tidak ditafsirkan sebagai kad pengenalan dan tidak layak menyertai dalam pengundian.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun memberi ulasan perkara-perkara yang dibangkitkan dan bagi perkara-perkara yang lain yang belum dijawab, perkara tersebut akan diberikan perhatian sewajarnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Jabatan Perdana Menteri.

4.33 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak kementerian di Jabatan Perdana Menteri. Sepanjang perbincangan banyak pandangan dan soalan yang berkaitan dengan Jabatan Perdana Menteri telah dikemukakan oleh ramai Ahli Yang Berhormat. Saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang, Kubang Kerian, Bintulu, Tambun, Kepong, Teluk Intan, Serdang, Tumpat, Parit Sulong, Balik Pulau, Bukit Bendera, Muar, Arau, Santubong dan Parit Buntar yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan ini.

Kerajaan mengalu-alukan cadangan yang dikemukakan oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat dan akan memberi pertimbangan untuk melaksanakan cadangan-cadangan yang didapati sesuai. Merujuk kepada beberapa isu yang telah dibangkit oleh beberapa Ahli Yang Berhormat, saya ingin memberi penjelasan, saya akan menjawab soalan-soalan yang dikemukakan secara sekali gus.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan dakwaan Ahli Yang Berhormat dari Tumpat yang mengatakan krisis yang melanda negara adalah berpunca daripada pengurusan ekonomi yang tidak berhemat, tidak strategik, tidak mendengar teguran pakar dan campur tangan politik. Saya ingin menjelaskan adalah tidak benar. Suka saya memaklumkan Yang Berhormat, penjelasan seperti ini telah dibuat beberapa kali di Dewan yang mulia ini, bahawa krisis ini adalah merupakan masalah serantau yang berpunca daripada tindakan spekulator asing yang mempunyai tujuan tertentu untuk melemahkan ekonomi di rantau ini. Walau bagaimanapun, oleh kerana ekonomi kita telah diuruskan dengan cara yang berhemat dan strategik menyebabkan kesan negatif yang dialami tidak seteruk apa yang dialami oleh beberapa negara lain di rantau ini, yang telah dijelaskan dengan panjang lebar dalam Kertas Putih yang telah dibentangkan dan diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Mengenai pergantungan yang besar kepada modal asing dalam membangunkan negara ianya tidak dapat dielakkan di peringkat awal pembangunan. Sebagai sebuah negara newly industrialised, dengan izin, kita memang mengharapkan kemasukan teknologi, kepakaran dan modal asing jangka panjang yang tidak menjadi masalah kerana kerajaan melalui dasar pembangunan perindustriannya akan sentiasa memastikan bahawa proses peralihan kepada penguasaan rakyat tempatan akan berlaku dalam masa tempoh tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkan tentang pertumbuhan ekonomi yang berasaskan government driven, dengan izin, dan mencadangkan unjuran berdasarkan gabungan government driven dan private driven, dengan izin, adalah yang terbaik. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari segi unjuran apa yang diamalkan sekarang adalah seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat tersebut. Sebenarnya unjuran pertumbuhan 1% bagi tahun 1999 dan 5% bagi tahun 2000 bukanlah berdasarkan government driven semata-mata tetapi bergantung juga kepada private driven, di mana pelaburan swasta masih melebihi pelaburan kerajaan. Ini bermakna sektor swasta mempunyai peranan penting dalam menggiatkan semula aktiviti-aktiviti yang boleh membantu memulihkan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai sumber pembiayaan yang akan diperolehi bagi membiayai tambahan peruntukan RMK-7 seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong, suka saya menyatakan bahawa kerajaan akan memperolehinya dari kedua-dua sumber iaitu dalam dan luar negeri. Walaupun sumber tempatan adalah mencukupi untuk menampung keperluan pembiayaan pembangunan dalam tempoh akhir RMK-7 namun pinjaman dari sumber asing juga akan diperolehi sebagai pelengkap kepada sumber tempatan. Kita meminjam dari sumber asing kerana kadar faedah yang ditawarkan adalah menarik dan sekali gus membolehkan dana dalam negeri digunakan untuk membiayai keperluan sektor swasta yang dijangka akan meningkat apabila pemulihan ekonomi lebih cergas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Kepong bangun, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya bangkitkan beberapa soalan untuk penjelasan, sebab kita mempunyai masa yang cukuplah, ada satu hari lagi untuk jawapan. Saya tertarik kepada jawapan tadi bahawa walaupun tempoh akhir rancangan ini kita mempunyai dana tempatan yang cukup untuk menampung keperluan, tetapi pihak kerajaan hendak meminjam lagi daripada luar negara dan bolehkah Yang Berhormat terangkan kerana saya tidak begitu pasti sama ada kita akan dapat faedah yang lebih munasabah di peringkat antarabangsa untuk meminjamnya. Bolehkah Yang Berhormat terangkan masalah kadar faedah di pasaran kewangan antarabangsa ini. Kerana kalau ikut apa yang berlaku hanya kita dapat meminjam daripada Jepun dengan kadar faedah yang munasabah dan juga daripada bank dunia, tetapi dari punca-punca lain mungkin kadar faedah lebih tinggi 10%, 11% dan sebagainya. Bolehkah Yang Berhormat terangkan keadaannya?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perkara ini banyak dilaporkan di dalam surat khabar di mana apabila kita mendapat pinjaman daripada luar dilaporkan di dalam surat khabar betapa-kah peratusan faedah yang dikenakan terhadap kita. Jadi memang dia ada berbagai-bagai, namun pada waktu sekarang ini di mana telah disebut sebentar tadi iaitu sebaik-baiknya kita sebenarnya boleh menampung keperluan itu daripada pinjaman dalam negeri, tetapi kadangkala bila ada dana daripada luar negara yang di mana kadar faedahnya adalah begitu menarik sekali dan amat merugikan kita kalau kita tidak mengambil kesempatan untuk mengambil pinjaman daripada luar ini. Jadi perkara ini telah banyak diperjelaskan dalam penggulungan waktu Ucapan Titah Diraja dahulu dan juga waktu Kertas Putih jadi saya rasa tidak perlu untuk saya sekali lagi memberi penerangan di sini, kerana ini telah pun diberi penjelasan dalam penggulungan yang dulu.

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Hendak beri jalan?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan, jadi jawapan itu tidak tepatlah kerana saya pun ada di sini, bukan tidak ada, saya dengar penjelasan daripada Menteri Kewangan Kedua dan juga daripada jawapan-jawapan yang lain cuma mereka mengatakan bahawa kita boleh dapat pinjaman daripada pasaran antarabangsa dengan mudah. Tetapi kita pilih hendak mengelakkan dengan meminjam daripada luar kerana kita mempunyai dana tempatan yang cukup. Walau bagaimanapun, tidak ada satu orang pun yang menerangkan apakah itu faedah dan peluang yang kita dapat untuk meminjam daripada pasaran antarabangsa, misalnya apakah kadar faedah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, sekejap. Kita ada usul.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Oh, Usul. Okay.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Bawa Usul dahulu.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

4.41 ptg.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai semua jawapan dari kementerian dalam perbahasan ke atas Usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh dan selepas itu Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Isnin 3 Mei 1999”.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah:

“Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat ini tidak akan diangguhkan sehingga selesai semua jawapan dari kementerian dalam perbahasan ke atas Usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh dan selepas itu Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Isnin 3 Mei 1999.”

hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, disetujui.

Diputuskan,

“Bahawa mengikut peruntukan Peraturan mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai semua jawapan dari kementerian dalam perbahasan ke atas Usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh dan selepas itu Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Isnin, 3 Mei 1999.”

[Majlis Mesyuarat disambung semula]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sila Yang Berhormat teruskan.

4.42 ptg.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kepong ini sama ada dia buta ataupun pekaklah.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak buta.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz : Sebab dalam surat khabar waktu laporan di mana kita menandatangani perjanjian untuk mendapatkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia bangun lagi.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz : Nantilah, saya tidak jawab lagi. Saya sudah cakap tadi, sudah keluar di surat khabar. Jadi, dia bangkit lagi, maknanya dia buta, sebab dia tidak baca surat khabar. Sebab dia punya peratusan tersebut di antara 3% - 4% kadar faedahnya yang begitu menarik sekali. Ini juga penjelasan telah dibuat di dalam Dewan Rakyat waktu penggulungan Kertas Putih. Jadi maknanya, kalau dia tidak tahu juga, dia pekak, sebab itu saya kata mungkin dia pekak ataupun buta. Faedahnya antara 3% hingga 4% yang begitu menarik sekali sebab itu kita ambil benda ini. Hendak tahu pasal faedah peratusankah?

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya sudah sebutkan ini. Saya sudah sebut ini, hendak apa lagi?

Dr. Tan Seng Giaw: Ada lagi, Tuan Yang di-Pertua, minta maaf, ada lagi, bukan setakat itu sahaja. Saya hendak penjelasan sedikit.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia merapu, dia hendak tahu berapa peratusan?

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak merapu, ini bukan merapu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat hendak beri jalan atau tidak.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak beri jalan, duduk!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tidak beri jalan. Duduk.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak beri jalan, buang masa. Tadi pun jawapan dalam kewangan pun buang masa juga, jadi minta duduk sahajalah. Ada juga ahli Yang Berhormat yang menyentuh tentang produktiviti dan mencadangkan kerajaan menambah peruntukan untuk pembangunan pendidikan dan latihan serta R&D bagi meningkatkan produktiviti. Cadangan ahli Yang Berhormat tersebut adalah baik, kerajaan sedar bahawa pendidikan dan latihan serta R&D memang penting. Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh kerajaan telah pun meningkatkan peruntukan untuk kedua-dua tujuan tersebut.

Walau bagaimanapun, ingin saya jelaskan di sini bahawa peruntukan yang lebih bukanlah faktor yang utama dalam meningkatkan produktiviti, yang lebih penting lagi adalah bagaimana peruntukan yang disediakan digunakan secara optimum dan dengan tujuan yang betul. Selain dari itu, faktor-faktor lain seperti teknologi, pengurusan organisasi, inovasi, pengkhususan pengeluaran dan pengalaman pekerja adalah juga penting dalam meningkatkan total factor productivity (TFP), dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar telah membangkitkan mengenai penurunan produktiviti di kalangan pekerja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Rompin pula bangun.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, sila.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd Jarjis: Tengok, Kepong dengar, apa merapu sahaja cakap Kepong. Tahniah dan syabas kepada kerajaan, tadi mengumumkan bahawa peruntukan yang diberi kepada R&D kepada universiti-univeristi ataupun badan-badan agensi kerajaan. Saya hendak bertanya apakah seruan kerajaan kepada swasta sama ada universiti swasta atau syarikat-syarikat swasta, adakah mereka juga patut menambahkan dari segi yang pertama, peruntukan R&D, yang kedua, tentang usaha mereka terutama sekali dalam keadaan sekarang ini, untuk menyelamatkan negara kita dari segi pemulihan ekonomi itu kita mesti juga mengambil kesempatan untuk hendak eksport dengan pertukaran wang kita yang kompetitif seharusnya mereka diberi eksport. Bila beri eksport, mesti ada produk yang baru, mesti ada perumahan-perumahan yang baru. Bagaimana pandangan Yang Berhormat dari segi peranan swasta itu sendiri, sama ada universiti swasta ataupun syarikat-syarikat swasta?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya kerajaan sentiasa memberi sokongan dan galakan kepada pihak swasta untuk mereka melakukan R&D kerana seperti mana kita semua sedia maklum iaitu bahawa kita tidak boleh berpuas hati dengan pencapaian yang kita dapat pada waktu ini. Kalau kita cepat merasa puas hati dengan apa yang kita ada, mungkin negara-negara lain sedang memikirkan untuk mengeluarkan produk-produk yang lebih baik daripada kita. Sebab itu pihak swasta juga adalah digalakkan untuk berbelanja lebih bagi R&D ini. Dan memang kerajaan sentiasa menggalak supaya syarikat-syarikat di peringkat swasta melakukan perkara ini dan kita mengharapkan supaya mereka juga akan dapat meningkatkan eksport kepada luar negara. Jadi, sememangnya kerajaan memberi sokongan kuat kepada swasta untuk juga berbelanja lebih dalam bidang R&D ini.

Ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar telah membangkit mengenai penurunan produktiviti di kalangan pekerja. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, produktiviti pekerja telah berkembang sebanyak 3.5% pada tahun 1996 dan 3% pada tahun 1997. Pada tahun 1998 produktiviti pekerja telah mencatat pertumbuhan negatif 3.8% kesan daripada penggunaan kapasiti pengeluaran yang tidak sepenuhnya. Menyedari akan pentingnya peranan produktiviti dalam meningkatkan daya saing negara, usaha akan dipergiatkan untuk meningkatkan produktiviti pekerja. Antara lain, melalui pelaksanaan sistem pengurusan kualiti dan produktiviti, perluasan penggunaan IT serta pembangunan tenaga manusia terlatih dan berkemahiran tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa ahli Yang Berhormat telah membangkit isu kemiskinan termasuk Yang Berhormat dari Serdang. Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, usaha membasmi kemiskinan akan diteruskan dalam tempoh akhir rancangan. Bagi mencapai sasaran mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan rakyat Malaysia kepada 5.5% dan membasmi kadar kemiskinan pada akhir tahun 2000, bagi tujuan ini pelaksanaan program pengurangan kemiskinan akan memberi tumpuan kepada kawasan dan kumpulan termasuk penduduk kampung-kampung baru dan pekerja estet yang mempunyai kadar kemiskinan yang tinggi. Program pengurangan kemiskinan dan program pembangunan rakyat termiskin akan memberi penekanan utama kepada projek penambahan pendapatan. Dengan keadaan ekonomi yang semakin pulih, kerajaan percaya dan yakin sasaran pengurangan kemiskinan Rancangan Malaysia Ketujuh, insyaallah, akan dapat dicapai.

Dalam tempoh kajian semula semua kumpulan etnik mengalami peningkatan pendapatan. Berdasarkan penyiasatan pendapatan isi rumah 1997 yang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia dan diiktiraf oleh badan-badan antarabangsa serta institusi dalam negeri, pendapatan isi rumah India cara purata adalah RM2,896 sebulan iaitu lebih tinggi daripada pendapatan purata isi rumah bumiputera RM2.38 tetapi lebih rendah daripada pendapatan purata isi rumah China sebanyak RM3,737. Perlu diingatkan bahawa perangkaan ini adalah satu gambaran purata yang mencerminkan kedudukan pendapatan dalam suatu kumpulan etnik. Kita semua tahu terdapatnya golongan-golongan termiskin, golongan berpendapatan pertengahan dan juga golongan yang kaya dalam mana-mana kumpulan etnik.

Oleh itu, pendapatan purata ini ditentukan oleh saiz pelbagai kumpulan pendapatan dari yang termiskin kepada yang terkaya dalam kumpulan etnik berkenaan. Sebagai contoh, bila kita merujuk kepada purata isi rumah India kita tidak hanya menumpu kepada pendapatan di kalangan pendapatan pekerja estet sahaja sebagaimana yang difikirkan oleh ahli Yang Berhormat dari Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson. Tetapi pendapatan purata isi rumah India adalah gabungan purata pendapatan masyarakat India yang merangkumi antara lain pekerja estet, kakitangan kerajaan, ahli perniagaan dan golongan profesional seperti doktor, peguam, jurutera dan lain-lain.

Walaupun pendapatan isi rumah India lebih rendah daripada isi rumah China tetapi kadar pertumbuhan puratanya adalah yang tertinggi iaitu pada kadar 16.3% setahun. Kadar pertumbuhan yang tinggi ini bukanlah satu perkara yang perlu diragukan oleh ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan, malahan ianya adalah satu perkara yang baik dan positif. Kadar pertumbuhan pendapatan isi rumah India yang tinggi telah mengakibatkan ketidaksamaan pendapatan antara India dan China berkurangan dalam tempoh kajian semula. Bukankah ini yang ingin dilihat oleh kita semua untuk memastikan jurang pendapatan antara kaum berkurangan.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Kepong bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya memang ada baca mengenai kedudukan kemiskinan di negara ini, saya pun berasa keliru sedikit, bolehkah Yang Berhormat terangkan keadaan sekarang berbanding dengan tahun 1970 keadaannya sudah berubah, apakah garis kemiskinan (base poverty line) yang digunakan sekarang kerana kita mesti ubah base poverty line sekarang yang digunakan walaupun ada disebutkan pendapatan bagi sayalah tidak begitu adil juga kalau kita sentiasa golongkan orang atasan elite professional dengan orang-orang yang miskin, ini akan meningkatkan pendapatan puratanya dan Malaysia ini sejak tahun 1970 misalnya, saya sebutkan tahun 1970 kerana pada tahun itu bermulalah Dasar Ekonomi Baru. Sekarang hampir 30 tahun, apakah garis kemiskinan yang digunakan sekarang. Ini penting bagi semua etnik di Malaysia.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, sudah tentulah garis panduan yang digunakan itu akan berubah kerana Ringgit Malaysia tahun 1970 dahulu kalau RM200 boleh membiayai satu keluarga tetapi sudah tentu sekarang tidak boleh. Jadi, sebab itu saya bersetuju dengan Yang Berhormat memang ada perubahan daripada segi jumlah Ringgit Malaysia, garis panduan yang digunakan sebagai apakah dimaksudkan dengan miskin, bukan sahaja jumlah wang Yang Berhormat, malah keluarga juga iaitu katalah RM250 yang digunakan dahulu, tetapi kalau keluarganya itu mesti maknanya isteri, suami dan mungkin tiga orang anak. Kalau RM250 dahulu tahun 1970 bujang dia boleh hidup.

Jadi, sebab itu saya tidak mempunyai kadar yang rasmi, nanti saya akan beri kepada Yang Berhormat apabila saya dapat tahu kadar yang rasmi, saya akan maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat.

Menjawab persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong, kesan kelembapan ekonomi bukan sahaja menjejaskan pendapatan bumiputera tetapi semua kumpulan etnik. Sebelum tahun 1998 pertumbuhan ekonomi yang pesat telah memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat terutamanya isi rumah bukan bumiputera. Dalam tempoh tersebut pendapatan isi rumah bukan bumiputera telah meningkat dengan pesat dan kadar pertumbuhannya lebih tinggi daripada isi rumah bumiputera telah meningkat dengan pesat dan kadar pertumbuhannya lebih tinggi daripada isi rumah bumiputera. Berikutan itu, ketidaksamaan pendapatan antara bumiputera dan bukan bumiputera telah meningkat dalam tempoh kajian semula.

Walau bagaimanapun, akibat daripada kelembapan ekonomi yang banyak memberi kesan kepada aktiviti ekonomi yang berpusat di bandar, adalah dijangka pertumbuhan pendapatan isi rumah bukan bumiputera pada tahun 1998 menjadi lebih perlahan dan lebih rendah daripada kadar pertumbuhan pendapatan isi rumah bumiputera.

Justeru itu, nisbah ketidaksamaan pendapatan bumiputera dan bukan bumiputera dianggarkan berkurang sedikit pada tahun 1998 jika dibandingkan dengan tahun 1997.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menangani ketidaksamaan pendapatan, strategi jangka panjang adalah mewujudkan golongan berpendapatan pertengahan. Dalam hal ini, Program Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera akan diperluaskan bagi meliputi usaha mewujudkan lebih ramai usahawan bersaiz sederhana. Di samping itu, program pendidikan peringkat tinggi dan latihan akan dipergiatkan bagi mewujudkan golongan berpendapatan pertengahan yang lebih besar.

Mengenai cadangan beberapa Ahli Yang Berhormat supaya satu kajian dibuat untuk mengetahui kesan kemelesetan ke atas bumiputera, sebenarnya dalam beberapa hal tertentu telah pun dilaksanakan oleh kerajaan. Misalnya, Pelan Pemulihan Ekonomi Negara yang disediakan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara telah memberi gambaran tentang kesan krisis kewangan kepada kedudukan dan nilai pegangan modal saham bumiputera. Laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh yang dibentangkan ini juga melaporkan kesan kemelesetan ekonomi kepada bumiputera dan juga kumpulan etnik yang lain.

Namun demikian, untuk mendapat gambaran terperinci amatlah sukar memandangkan negara hanya mula mengalami kemelesetan pada awal tahun 1998, berikutan daripada krisis kewangan yang melanda negara pada pertengahan tahun 1997. Sungguhpun begitu, kerajaan sememangnya sentiasa memantau pencapaian dan kesan perubahan ekonomi semasa terhadap bumiputera dengan menggunakan kepakaran yang ada dalam kerajaan dan juga luar negara. Hasil kajian tersebut akan diguna oleh kerajaan dalam penyediaan Rancangan Malaysia Kelapan dan juga Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga menjelang tahun 2000.

Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Ledang, dasar penduduk 70 juta menjelang tahun 2100 masih relevan. Dasar ini dirangka dengan mengambil kira keupayaan negara dalam meningkatkan kualiti hidup dan produktiviti penduduk. Oleh itu, ia bukan sahaja mengambil kira peningkatan teknologi dan perubahan sosio-ekonomi negara, tetapi juga perkembangan ekonomi global. Untuk mencapai matlamat pembangunan sosio-ekonomi negara, dasar ini diintegrasikan dengan dasar-dasar lain seperti Dasar Pembangunan Ekonomi, Dasar Sosial, Dasar Alam Sekitar dan Dasar Pembangunan Tenaga Manusia.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyentuh mengenai Tabung Pinjaman Latihan Kemahiran. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Tabung Pinjaman Latihan Kemahiran sebanyak RM500 juta akan diuruskan oleh Kementerian Sumber Manusia yang kini sedang menyediakan garis panduan pelaksanaan merangkumi antara lain kriteria kelayakan, institusi dan bidang latihan yang akan diliputi serta jumlah pinjaman yang akan diberikan mengikut tahap latihan. Keutamaan akan diberikan kepada golongan berpendapatan rendah untuk mendapat akses kepada tabung ini.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Tambun supaya pembangunan dibuat secara selektif berdasarkan kepada keutamaan sesuatu program atau projek, sukacita saya menjelaskan bahawa adalah menjadi amalan kerajaan melaksanakan sesuatu program atau projek mengikut keutamaan dan keperluan semasa, di samping memberi perhatian kepada matlamat pembangunan negara bagi jangka panjang.

Sebagai contoh, dalam usaha pemulihan ekonomi negara, sektor awam telah dan akan memainkan peranan merangsang pertumbuhan di mana keutamaan perbelanjaan sektor awam ditumpukan kepada projek-projek pendidikan dan latihan, kesihatan, infrastruktur dan utiliti dan pembangunan luar bandar.

Di samping itu, projek-projek yang memakan jangka masa yang pendek untuk disiapkan menyumbang kepada peningkatan eksport dan pengurangan import, menjana permintaan untuk barangan dan perkhidmatan domestik serta projek-projek yang sasarannya adalah golongan isi rumah miskin dan berpendapatan rendah turut diberi keutamaan.

Ramai dari Ahli Yang Berhormat mencadangkan agensi pelaksana diperkuatkan termasuk cadangan Ahli Yang Berhormat dari Tambun supaya kerajaan menjalankan performance auditing ke atas kementerian ataupun agensi kerajaan untuk mengenal pasti keupayaan agensi berkenaan melaksanakan program projek adalah diambil maklum dan diberi perhatian oleh kerajaan.

Kerajaan menyedari bahawa pelaksanaan dasar yang berkesan khususnya dalam usaha memulihkan ekonomi negara secara berkekalan, memerlukan perancangan dan pelaksanaan yang cekap di semua peringkat kerajaan. Oleh itu, kerajaan akan terus meningkatkan keupayaan, kecekapan dan keberkesanan agensi kerajaan untuk menyahut cabaran dengan efektif supaya projek-projek dapat dilaksanakan mengikut jadual tanpa kelewatan yang mana akan memberi kesan terhadap proses pemulihan dan pencapaian matlamat pembangunan nasional.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah memberikan tanggungjawab ini kepada Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri iaitu sebuah agensi pusat yang bertanggungjawab bukan sahaja untuk memantau pelaksanaan program dan projek pembangunan tetapi juga untuk mengenal pasti isu dan masalah pelaksanaan program dan projek serta mengambil langkah untuk mengatasi masalah tersebut.

UPP melaporkan perkara-perkara mengenai pelaksanaan program dan projek pembangunan kepada Jawatankuasa Kerja Pembangunan Negara dan Majlis Pembangunan Negara. Majlis Pembangunan Negara adalah sebuah jawatankuasa di peringkat Jemaah Menteri yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri sementara Jawatankuasa Kerja Pembangunan Negara adalah sebuah jawatankuasa di peringkat pegawai tinggi kerajaan yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara.

Selain daripada itu, di peringkat kementerian dan jabatan telah diwujudkan Jawatankuasa Kerja Peringkat Kementerian dan Jabatan yang melaksanakan tanggungjawab yang sama. Baru-baru ini kerajaan telah mengarahkan bahawa

jawatankuasa peringkat kementerian dipengerusikan sendiri oleh menteri berkenaan bagi meningkatkan lagi pemantauan dan kecekapan pelaksanaan projek pembangunan. Sementara itu, di peringkat negeri telah diwujudkan Majlis Pembangunan Negeri dan Jawatankuasa Kerja Pembangunan Negeri serta di peringkat daerah pula diwujudkan Majlis Pembangunan Daerah dan Jawatankuasa Kerja Pembangunan Daerah.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat membangkitkan mengenai isu penwastan termasuk Yang Berhormat dari Tumpat, Arau, Ledang dan Muar. Kerajaan akan meneruskan pelaksanaan projek-projek penwastan yang telah diluluskan terutamanya projek-projek infrastruktur kerana kerajaan yakin kesan pengganda projek berkenaan akan dapat membantu mempercepatkan proses pemulihan ekonomi negara.

Bagi pengkorporatan atau menswastakan sesebuah agensi kerajaan pula, kerajaan akan meneliti secara mendalam sebelum membuat keputusan, lebih-lebih lagi sekiranya agensi berkenaan mempunyai kaitan dengan pekebun kecil, nelayan dan penternak. Dalam hubungan ini, kerajaan hanya akan menswastakan agensi berkenaan setelah berpuas hati bahawa penwastan agensi berkenaan tidak akan membebaskan golongan tersebut, sebaliknya akan meningkatkan kecekapan dan produktiviti agensi berkenaan di mana faedahnya akan dinikmati oleh semua pihak.

Bagi projek penwastan yang melibatkan pengambilan balik tanah pula, mengikut dasar yang terpakai sekarang, nilai tanah tersebut tertakluk kepada nilai yang ditetapkan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Yang Berhormat mempunyai masa yang begitu panjang. Tidak payah hendak dipercepatkan lagi.

Mengenai masalah program penwastan ini walaupun ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menerangkan bahawa setakat ini program pengswastan telah pun menjimatkan perbelanjaan modal sebanyak RM129.1 bilion dan juga mendapat hasil daripada jualan aset dan ekuiti berjumlah RM21.5 bilion serta memindahkan 105,000 pekerja daripada sektor awam kepada sektor swasta. Kalau ini memang berlaku saya tidak membantah. Cuma kerana ada program penwastan maka timbulkan masalah persoalan-persoalan mengenai ketidakadilan, mengenai pilih kasih dan sebagainya. Bolehkah Yang Berhormat mengadakan satu kajian semula mengenai aktiviti dan program penwastan ini supaya kita boleh benar-benar mengesahkan kepada rakyat bahawa semua yang dilakukan mengikut kriteria yang ditetapkan dan tidak timbul masalah pilih kasih dan sebagainya?

Yang Berhormat, sendiri pun tahu kita semua hendak memastikan semua program pengswastan ini dilakukan dengan seadil-adilnya.

Yang Berhormat saya ingat berbincang dengan Yang Berhormat beberapa tahun yang lepas, nampaknya Yang Berhormat waktu itu memang hendak menegakkan keadilan, kebersihan, kecekapan dan sebagainya. Sekarang pun jadi Timbalan Menteri saya ingat hasrat ini, cita-cita ini memang masih dipegang teguh oleh Yang Berhormat. Kalau itu kedudukan Yang Berhormat, bolehkah Yang Berhormat terangkan dengan mempunyai peluang kesempatan untuk membuat sesuatu apakah Yang Berhormat hendak buat untuk memastikan cita-cita tersebut tercapai?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, pertama saya hendak jawab, saya jawab ini laju sebab kita ada perbekalan tambahan lagi, itu tiga hari. Kalau Yang Berhormat tidak buta baca kita ada 13 rang undang-undang lagi. Sebab itu kalau boleh kita hendak cepat. Jadi bukan saya ada masalah, jadi kalau boleh saya hendak bantangkan perbekalan tambahan selepas ini, jadi boleh bercakap lagi.

Dr. Tan Seng Giaw: Tetapi baru sahaja bantangkan satu usul.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, itu untuk menghabiskan jawapan ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Kemudian kita balik.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kalau saya habis jawab, kita boleh teruskan kepada yang lain. Yang Berhormat ini tidak faham ini.

Yang keduanya, Yang Berhormat kata mungkin apa yang disebut itu bahawa kerajaan dapat jual aset, dapat banyak duit, berapa bilion tadi, kemudian kata pekerja-pekerja kerajaan mendapat transfer, dengan izin, ke private sector. Itu semua berlaku bukan mungkin tidak berlaku. Itu semua berlaku, sebab itu kita ada angka-angka yang tepat kita beri kepada Yang Berhormat. Yang Berhormat ini tidak faham. Bukan anggaran, itu benda yang berlaku. Jadi tidak betul kalau mengatakan bahawa kalau perkara ini mungkin berlaku bagus. Bukan mungkin lagi tetapi memang sudah berlaku.

Dalam soal pilih kasih ini saya hendak sebutlah jangan sebut hendak menegak keadilan sebab ia memberi satu makna yang lain. Ada satu parti sudah curi nama keadilan ini. Jadi bukan itu Yang Berhormat, ya. Jadi sebab itu jangan sebut saya hendak menegak keadilan, saya tidak pernah hendak menegak parti melainkan UMNO sahaja dan Barisan Nasional. Tidak ada pilih kasih dalam pemberian penswastaaan ini. Kalau kita beri pun kita beri kepada syarikat yang mampu untuk membuatkan dan mengendalikan pengswastaaan ini. Kita tidak mahu jadi macam di Kelantan bila swasta, semua swasta dibeli balik. Mungkin penswastaaan baru di negeri Kelantan ini secara Islam. Tetapi kita tidak berlaku soal pilih kasih. Kita beri kepada yang mampu dan kalau yang mampu itu merupakan orang-orang yang berniaga yang secara kebetulan kita kenali, itu bukan pilih kasih. Jadi sebab itu Yang Berhormat jangan ada perasaan dan pemikiran iaitu kita beri ini semua ini pilih kasih. Tidak ada Yang Berhormat, sebab benda-benda seperti ini bukan boleh main-main kerana kalau besok penswastaaan itu tidak berjaya kita terpaksa jawab. Jadi sebab itu tidak berlaku pilih kasih dan kalau Yang Berhormat sendiri pun dapat bukti-bukti yang menunjukkan bahawa ada keputusan yang membabit pilih kasih, Yang Berhormat sendiri buatlah laporan kepada polis dan protes. Jangan kita tangkap, dengar-dengar di mana-mana kemudian kita cakap dalam Parlimen. Andaian-andaian ini sebenarnya menunjukkan kurang profesional Yang Berhormat sebagai Ahli Parlimen walaupun sudah lama duduk dalam Dewan ini. Jadi saya hendak jaga imej Yang Berhormat juga. Yang Berhormat, nanti

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sudah jawab.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak jawab, ada lagi.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sudah jawab. Ada apa sudah jawab sekejap ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak ada, ada lagi.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Merapu sahaja.

Dr. Tan Seng Giaw: Ada lagi bukti

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, jangan tawar-menawar.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia sudah lama dalam Dewan ini, dia sudah jadi 'senile'.

Dr. Tan Seng Giaw: Ada bukti.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia sudah jadi 'senile'. Sila duduk. 'Senile' - serupa juga dengan bos dia dari Tanjong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Duduk, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia tidak faham Yang Berhormat, tidak beri jalan. Duduk, duduk.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan kepentingan pengguna dilindungi kerajaan telah menetapkan supaya kenaikan kadar charge bagi perkhidmatan monopoli yang diswastakan hanya boleh dibuat selepas mendapat kelulusan kerajaan.

Mengenai tanggungjawab sosial pula, pemegang konsesi penswastakan juga disyaratkan supaya meneruskan tanggungjawab sosial yang sebelumnya dipertanggungjawabkan kepada agensi yang berkenaan. Sebagai contohnya, Tenaga Nasional Berhad dan Telekom Malaysia Berhad meneruskan tanggungjawab sosial dalam membekalkan elektrik dan perkhidmatan telefon ke kawasan luar bandar walaupun tidak menguntungkan dengan menggunakan konsep subsidi silang (cross subsidy).

Berhubung dengan cadangan mengkaji semula dasar penswastakan seperti dasar-dasar yang lain, dasar penswastakan.....

Tuan Haji Noh bin Omar: *[Bangun]*

Dr. Tan Seng Giaw: Yang ini boleh, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Tuan Haji Noh bin Omar: Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Memang kita tidak menafikan bahawa tanggungjawab sosial ini masih diteruskan oleh badan-badan yang telah pun diswastakan. Tetapi ada juga terdapat pihak-pihak yang kita telah swastakan ini seperti Telekom dan juga TNB ini, bila kita mohon, dia pergi ke tapak dia tengok sama ada boleh untung atau tidak boleh untung. Kalau dia tengok masuk bekalan elektrik tidak boleh untung, dia tidak masukkan. Dia kata sebab ini tidak menguntungkan TNB dan juga apabila mereka ini diswastakan, kita dapati kita sebagai Wakil Rakyat kadang-kadang susah kita hendak kawal mereka ini. Kadang-kadang mesyuarat pembangunan daerah pun seperti Yang Berhormat kata tadi patut mereka hadir, pun mereka tidak hadir. Jadi kita sudah tidak ada sangat kuasa kita untuk membincang dan untuk memastikan segala masalah yang kita timbulkan untuk dilaksanakan oleh badan-badan yang telah kita swastakan ini. Jadi bagaimanakah cara kerajaan untuk memastikan bahawa selain daripada tanggungjawab sosial ini mereka juga masih lagi terikat dengan kehendak-kehendak kerajaan supaya pembangunan ini diteruskan, jangan banyak memikirkan keuntungan daripada kerugian.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita telah menswastakan syarikat-syarikat utiliti ini namun kerajaan masih lagi mempunyai di sesetengah daripada syarikat ini apa yang dikatakan 'the golden share'. Bermakna iaitu bahawa kita masih lagi dan setengah daripada mereka itu pun kita ada saham yang dimiliki oleh Kerajaan Malaysia. Jadi dengan cara itu bukan secara keseluruhannya kita telah melepaskan kepentingan kerajaan di dalam syarikat-syarikat ini. Jadi sebab itu masih lagi mereka di bawah kawalan kita dan saya mengambil kira apa yang disebut oleh Yang Berhormat iaitu bahawa dalam soal kita mahukan mereka teruskan tanggungjawab sosial, kita mengharapkan supaya ianya tidak hanya tertera di dalam carta ataupun perjanjian di antara dia dengan kita tetapi dia hendaklah menampakkannya dan direalisasikan dalam kerja-kerja hariannya. Kerana kalau tanpa kehadiran pegawai dalam mesyuarat-mesyuarat tindakan daerah seperti yang disebut oleh Yang Berhormat itu tadi, bermakna bahawa tidak mungkin TNB ataupun Telekom dapat menjalankan tanggungjawab sosial mereka. Jadi apa Yang Berhormat sebut itu kita mengambil kira pertimbangan yang berat dan sudah tentu saya akan maklumkan kepada

pihak yang berkenaan supaya mereka memastikan wakil-wakil mereka menghadiri di dalam mesyuarat-mesyuarat tindakan daerah untuk membolehkan tanggungjawab sosial ini dilaksanakan oleh kedua-dua syarikat ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Kepong bangun pula.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Berhubung dengan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tidak bagi.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Banyak lagi Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Ada masa lagi.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Banyak lagi. Nanti kalau saya habis, boleh pusing balik.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya hendak bangkitkan apa yang disebutkan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kalau saya habis dulu, kalau saya sudah habis, lepas itu boleh bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Ini ekoran daripada yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong Karang tadi

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia tidak boleh tawar-menawar Yang Berhormat, saya tidak boleh beri jalan, duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, tidak boleh tawar-menawar. Yang Berhormat, sila duduk.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Berhubung dengan cadangan mengkaji semula dasar penswastaaan, seperti dasar-dasar yang lain, dasar penswastaaan akan diteruskan dengan mengambil kira keadaan ekonomi masa kini. Mengenai pelaksanaan projek-projek mega, kerajaan sedang meneliti keperluan melaksanakan projek-projek mega tersebut dan jika projek berkenaan didapati amat perlu untuk kemudahan rakyat, pelaksanaannya akan diteruskan secara berperingkat.

Mengenai dengan program penyelidikan dan pembangunan R&D yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tambun dan Gelang Patah, suka saya menjelaskan bahawa satu kajian pemetaan teknologi sedang dijalankan. Kajian ini akan menentukan tahap penggunaan teknologi di kalangan syarikat-syarikat termasuk Industri Kecil dan Sederhana dan akan merangka dengan lebih terperinci teknologi spesifik yang perlu diperolehi dan dibangunkan untuk meningkatkan keupayaan perindustrian negara. Kajian ini akan memperakukan pelaburan dalam bidang R&D dan teknologi dalam bidang terpilih yang akan memberi pulangan yang tinggi dari segi pertumbuhan dan peluang perniagaan pewujudan kekayaan dan guna tenaga.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Marang telah membangkitkan pembinaan projek-projek mewah seperti KLIA dan Kompleks Sukan Negara yang terlalu jauh ke hadapan dan tidak bersesuaian dengan rakyat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KLIA tidak boleh dianggap sebagai projek mewah tetapi adalah projek keperluan memandangkan lapangan terbang utama yang sedia ada iaitu Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang yang berkeupayaan seramai 15 juta penumpang setahun telah mengalami kesesakan dengan pertumbuhan trafik udara yang pesat. Kekangan fizikal di kawasan sekeliling menghadkan pembesaran Lapangan Terbang Sultan Abdul

Aziz Shah, Subang dan oleh yang demikian kerajaan terpaksa membina KLIA di tempat baru dengan keupayaan mengendalikannya seramai 25 juta penumpang setahun.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan Ahli Yang Berhormat dari Sipitang dan Santubong, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan memang memberi keutamaan pembinaan projek infrastruktur di Sabah dan Sarawak. Untuk negeri Sabah, kerajaan telah meningkatkan peruntukan Rancangan Malaysia Ketujuh daripada RM799.22 juta kepada RM1,300,51.75 juta di bawah Kajian Separuh Penggal khususnya untuk menaik taraf dan membina jalan raya di Sabah. Dalam hubungan ini, Projek Jalan raya Tenom-Beaufort adalah termasuk dalam senarai projek-projek Rancangan Malaysia Ketujuh dan pada masa ini sedang di peringkat kajian feasibility. Bagi projek jalan raya menghubungkan Keningau ke Kimanis, Kemabung ke Sipitang dan Tenom atau Sipitang ke sempadan wilayah Indonesia, ianya tidak termasuk dalam senarai projek infrastruktur yang diluluskan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh.

Bagi negeri Sarawak, kerajaan telah meluluskan beberapa projek jalan raya baru dibina di samping menaik taraf jalan raya tertentu sedia ada. Di antara projek-projek yang sedang dilaksanakan ialah Jalan Limbang sempadan Brunei, Jalan Lawas-Temburong, Jalan Lundu Sempadi-Selang dan Jalan Belulu-Long Teru-Long Lama di samping menaik taraf Jalan Betong-Kayu Malam. Di samping itu, pembangunan lapangan terbang baru di Limbang dan Bintulu akan membantu menambah bilangan penerbangan ke Sarawak.

Ada tadi Kepong hendak bangkitkan apa-apa? Satu ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Satu sahaja, mengenai tanggungjawab sosial bagi pihak syarikat yang mendapat konsesi syarikat penswastaan ini. Ini ekoran daripada perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong Karang yang bagi pertama kali menyoal yang bernas. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, teruskan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Ini mengenai Sungai Selangor iaitu melalui Tanjong Karang juga – Empangan Sungai Selangor. Saya pun hairan juga mengapa Yang Berhormat dari Tanjong Karang tidak menyoal mengenai penswastaan Sungai Selangor ataupun Empangan Sungai Selangor ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat mungkin boleh mengkaji apa yang saya bangkitkan ini. Satu projek Empangan Sungai Selangor yang merupakan skim bekalan air Sungai Selangor fasa ketiga. Saya masih ingat apabila saya menjadi ADUN di Selangor, saya ada pernah membangkitkan hal ini kerana Empangan Sungai Selangor fasa ketiga skim ini telah pun diswastakan untuk sekian lama tetapi kerana faktor-faktor yang tertentu ditundakan. Projek tersebut adakan satu penilaian kesan alam sekitar (EIA) yang dibuat oleh pemegang konsesi iaitu Konsortium TWSA, Gamuda KDEB – yang hendak merebutkan projek yang bernilai RM2 bilion ini. EIA dilakukan oleh pihak konsesi, ini memang satu perkara yang tidak begitu wajar dan kemudian projek tersebut akan melibatkan 1,300 hektar dan 600 hektar daripadanya akan tenggelam. Ini akan membabitkan dua buah kampung Orang Asli – Hutan Sekunder 113.3 hektar tanah persendirian termasuk ladang-ladang getah, dusun-dusun, kolam-kolam ikan, banglo-banglo, sebuah pusat latihan belia, tapak-tapak berkelah dan berakit dalam air deras (wide water canoeing) serta 8 kilometer jalan ke Bukit Fraser.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Soalannya apa ini, soalannya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, jangan berucap, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Soalnya, bolehkah Yang Berhormat terangkan macam mana syarikat konsesi ini dapat melayan masalah sosial yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong Karang, bahkan juga mengapa pihak EPU memberi konsesi kepada syarikat ini, walhal syarikat konsesi ini tidak boleh melaksanakan projek ini dengan lebih awal sepertimana yang ditetapkan. Ini semua pelbagai soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Cukuplah Yang Berhormat, sudah panjang. Yang Berhormat, hendak teruskan jawapan, Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kulim-Bandar Baru menasihatkan saya tidak usah dok layan dia ini. Dia ini banyak merapu. *[Ketawa]* Jadi, sebenarnya kerana masalah sosial – membekalkan air ini ialah tanggungjawab sosial. Sebab itulah kita mencadangkan untuk mengadakan Empangan Sungai Selangor ini sebab membekalkan air dalam negara Malaysia kita merupakan tanggungan sosial kita. Orang tidak akan percaya iaitu bahawa kalau negara kita yang hujan turun dengan begitu banyak tidak dapat hendak membekalkan air, itu merupakan satu perkara yang membuatkan orang ketawa. Jadi, sebab itu kita bercadang untuk mengadakan empangan ini kerana tanggungjawab sosial kerana air ini adalah satu perkara yang perlu kepada kita. Soal-soal kata macam untuk peranginan, ini consequential yang sudah tentu kita akan memberikan ganti rugi.....

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, minta duduklah.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:..... kalau kita buat empangan di mana-mana sekalipun, ia consequential, kita kena ambil kira, pertimbang di antara kepentingan negara dengan kepentingan beberapa orang seperti kita buat jalan.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Duduk duduk, duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Minta duduk, Yang Berhormat. Dia tidak mahu beri jalan.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi, kita buat jalan, kadangkala terpaksa ambil tanah orang, itu keperluan, rakyat faham. Yang tidak fahamnya dia, yang dok buat sibuk semua ini semua NGO yang dok cucuk, kita tahu. Jadi, sebab itu Yang Berhormat, sebenarnya dia tidak faham tanggungjawab sosial, dia tidak faham, sebab itu dia bangkitkan apa keperluan untuk mengadakan empangan ini.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Minta duduk Yang Berhormat, dia tidak beri jalan.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi, sebab itu saya menerima baik cadangan dan nasihat Yang Berhormat dari Kulim-Bandar Baru, saya tidak akan layan Yang Berhormat dari Kepong ini sebab memang dahulu pun saya sudah beri pantun kepada dia; *Ikan Kembung Ikan Kerapu, Orang Kepong kuat merapu. [Ketawa]* Dialah, betul. Itu pantun saya beri dia. Jadi, saya tidak akan jawab dan sebagai penutup saya berharap jawapan saya tadi dapat membantu....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tanjong Karang bangun, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ha, yang ini kena. Yang Berhormat dari Tanjong Karang. Yang Berhormat bukan geng saya, [kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong][Ketawa] Dia Barisan Nasional. Takkan Yang Berhormat hendak masuk Barisan Nasional, Yang Berhormat hendak masuk? Kalau hendak masuk saya beri jalan. [Ketawa] Mahu masuk saya beri jalan. Bangun. Mahu masuk saya beri jalan – Barisan Nasional [Ketawa] Tidak mahu.

Tuan Haji Noh bin Omar: Terima kasih, saya hendak tanya pendapat Yang Berhormat. Tadi, Yang Berhormat dari Kepong kita tahu, soalan itu dibuat oleh siapa? Ini mesti isteri dia beri soalan ini, sebab isteri Yang Berhormat ini ADUN di negeri Selangor, ADUN Damansara. Jadi, DAP di Selangor sudah tinggal dua orang daripada tiga. Jadi, suara tidak didengar di Selangor, malam-malam sebelum tidur beritahu suami, suruh bangkitkan pula di Parlimen – ini kerja DAP. Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju, DAP ini, parti pembangkang termasuk DAP dan PAS, selalu menanggung di air keruh.

Dulu waktu kita kegawatan air, kerajaan negeri Selangor menghadapi masalah kegawatan air, pembangkang juga memainkan isu, macam-macam isu dia main, seolah-olah perancangan kita tidak baik dan kerajaan kita tidak peka dengan masalah air. Bila kerajaan negeri Selangor telah merancang untuk masa depan kerana kita telah buat kajian, kalau kita tidak bersedia daripada sekarang ini, mungkin masa hadapan lepas tahun 2000, Selangor lagi teruk tidak ada air.

Jadi, kita buat pun salah, kita tidak buat pun salah. Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa pembangkang ini, selalunya idea yang dikatakan adalah idea yang boleh mengelirukan rakyat dan menanggung di air keruh.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya bersetuju dengan Yang Berhormat. Pertamanya, isteri dia tidak layak untuk bercakap tentang air ini sebab sungai Selangor melalui Tanjong Karang dalam daerah Kuala Selangor, kawasan Yang Berhormat, sebab itu Yang Berhormat tanya itu betul, memang betul Yang Berhormat kena tanya saya tentang perkara ini memang betul tapi dia tidak layak untuk tanya, dia tidak layak untuk tanya sebab kawasan Damansara, sungai Selangor tidak lalu dalam kawasan sungai Selangor.

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Duduk, saya tak beri jalan.

Kedua, saya bersetuju yang dia ini memang menanggung di air keruh sebab dia membantah kita untuk memberikan air jernih dan bersih daripada empangan Kuala Selangor kepada rakyat. Dia hendak, kalau boleh air itu keruh, jadi memang betul dia menanggung di air keruh, 100% Yang Berhormat betul. Saya bersetuju dia memang menanggung di air keruh sebab....

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, dia tidak beri jalan.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:sebab itu tidak hairanlah kita bahawa dia memang protes usaha kita untuk memberikan air jernih dan bersih kepada rakyat di kawasan negeri Selangor. Jadi, saya berharap jawapan saya tadi dapat membantu Ahli-ahli Yang Berhormat memahami dengan lebih mendalam perkara-perkara yang ditekankan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh.

Saya ingin memaklumkan bahawa semua cadangan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dalam perbahasan ini akan diberi perhatian yang teliti dan sewajarnya oleh kerajaan. Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat memberi sokongan dan sama-

sama berusaha untuk menjayakan rancangan meletakkan semula ekonomi ke landasan pertumbuhan asalnya dan mencapai matlamat jangka panjang walaupun terganggu sedikit berikutan daripada krisis. Semoga dengan izin Allah, matlamat kita untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju, makmur dan harmoni serta dihormati oleh masyarakat antarabangsa tercapai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini,

menyedari pertumbuhan ekonomi dan pencapaian matlamat sosioekonomi secara keseluruhan adalah membanggakan dalam tempoh tiga tahun pertama pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketujuh walaupun prestasi ekonomi kurang memuaskan pada tahun 1998 berikutan krisis kewangan serantau;

mengambil maklum dan merestui usaha kerajaan meneruskan pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional bagi mencapai pembangunan seimbang berasaskan pertumbuhan dengan pengagihan yang saksama, selaras dengan matlamat yang terkandung dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua;

meluluskan dan mengesahkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh yang bertujuan untuk melaksanakan strategi dan program serta menyediakan peruntukan bagi mencapai hasrat dan matlamat Dasar Pembangunan Nasional seperti dibentangkan dalam Kertas Perintah Bil. 8 Tahun 1999;

Bahawa dalam meluluskan Kajian Separuh Penggal ini, Dewan yang mulia ini menyeru semua rakyat Malaysia berusaha lebih gigih dan penuh keazaman ke arah matlamat membina satu bangsa yang adil, bersatu padu, maju, berdaya saing serta mempunyai tahap ketahanan yang tinggi selaras dengan cita-cita untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Mesyuarat hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari isnin, 3 Mei 1999.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.24 petang.